

Jilid 1  
Bil. 83



Hari Isnin  
9hb November, 1987

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 13721]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 13774]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 13774]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM** (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, **DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, **TUAN DAIM ZAINUDDIN** (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, **DATO' CHAN SIANG SUN**, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).  
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).  
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).  
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).  
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).  
 „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).  
 „ DR V. DAVID (Puchong).  
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).  
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).  
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).  
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).  
 „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).  
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).  
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).  
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).  
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).  
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).  
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).  
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).  
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).  
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).  
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).  
 „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).  
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).  
 „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).  
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).  
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).  
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).  
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).  
 „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).  
 „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Muar).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 9hb November, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

BURSA SAHAM KUALA  
LUMPUR—HARGA SAHAM

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah faktor-faktor penting yang menyebabkan naik turunnya pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur dan sejauh manakah benarnya anggapan yang mengatakan bahawa berita-berita angin juga boleh mempengaruhi naik turunnya harga saham di BSKL itu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faktor utama yang menyebabkan perubahan harga saham di mana-mana Bursa Saham termasuk Bursa Saham Kuala Lumpur ialah penawaran dan permintaan atau, dengan izin, supply and demand saham-saham syarikat yang berkenaan. Di sebaliknya permintaan saham sesebuah syarikat bukan sahaja bergantung kepada untung ruginya tetapi juga kepada potensi kemajuan dan pengurusan syarikat yang berkenaan.

Oleh yang demikian, aktiviti perdagangan harian di pasaran saham adalah terletak pada para pelabur dan

peniaga-peniaga sekuriti untuk membuat pilihan saham bagi maksud pelaburan mereka. Sekiranya permintaan bagi saham sesebuah syarikat adalah tinggi, lazimnya harga sahamnya akan juga turut naik.

Memandangkan pilihan untuk membuat pelaburan adalah terletak pada tangan para pelabur sendiri, terpujanglah kepada mereka sama ada untuk bertindak atas dasar berita-berita angin atau sebaliknya. Selalunya didapati pasaran saham mudah dipengaruhi perkara-perkara yang tidak berkaitan yang mana pada kebiasaannya boleh menjadi isu spekulasi dan berita-berita angin. Ini sudah tentunya mencerminkan keadaan yang kurang sihat dalam pasaran saham untuk semua yang terlibat khususnya kepada pelabur-pelabur awam.

Dengan ini, keterangan ini adalah benar. Walau bagaimanapun pelabur-pelabur hendaklah membuat keputusan berasaskan kepada kekuatan atau keutuhan (real fundamentals) sesebuah syarikat yang mengeneipkan berita-berita angin yang tidak berasas yang disebarkan oleh pihak-pihak yang ingin membuat spekulasi dalam pasaran saham. Ini adalah penting memandangkan pasaran saham selalunya dianggap sebagai petunjuk kepada keadaan sesuatu ekonomi di mana prestasi pasaran saham menggambarkan keadaan ekonomi sebenarnya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa

berita-berita angin adalah salah satu faktor yang mempengaruhi naik turunnya harga saham. Apa yang saya hendak bertanya ialah, tidakkah ini benar bahawa faktor-faktor politik di sesebuah negara khususnya mengenai faktor kestabilan politik atau tidaknya juga memainkan satu peranan yang mempengaruhi naik turunnya harga saham.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, faktor-faktor yang menjadi isu luar daripada faktor-faktor fundamentals juga memainkan peranan dalam naik ataupun turunnya harga di pasaran saham. Tetapi saya juga telah menyebut bahawa isu-isu spekulasi—saya ulang, isu-isu spekulasi—dan berita-berita angin khusus berkenaan dengan kedudukan sesuatu perkara atau sesuatu isu termasuk isu-isu politik, bermakna di sini kemungkinan besar isu-isu politik yang dijadikan bahan spekulasi dan berita angin, mungkin mempunyai pengaruh atau mempunyai influence, dengan izin, yang terdapat di dalam pasaran saham di Malaysia.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyedari bahawa faktor khabar-khabar angin yang ada kaitan dengan isu-isu politik amat mempengaruhi pasaran saham, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bentuk-bentuk yang lain-lain berita-berita angin yang disebarkan yang boleh mempengaruhi pasaran saham. Kedua, kelompok-kelompok yang menyebarkan khabar-khabar angin dan apakah Kerajaan bercadang mengambil tindakan atau apa bentuk tindakan yang mungkin dapat diambil ke atas penyebar-penyebar khabar angin ini untuk menjamin pasaran saham kita agak stabil?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ditanya secara umum, saya hanya boleh menjawab secara umum bahawa kelompok-kelompok yang telah pun menyebarkan khabar-khabar angin terdiri daripada dua, iaitu media-massa (mass media) dan lagi satu ialah daripada cakap mulut daripada satu tempat ke satu tempat.

Soalan kedua, tindakan. Kalau sekiranya Yang Berhormat ingin mengetahui tentang tindakan-tindakan yang akan diambil, tentu sekali Yang Berhormat faham jika ianya berdasarkan kepada khabar-khabar angin, maka ia hanya berdasar kepada khabar-khabar angin. Oleh kerana itu keterangan-keterangan yang perlu didapati untuk mendapatkan satu-satu tindakan itu sukar hendak didapati melainkan pihak-pihak yang berkenaan terutama orang ramai dapat bekerjasama dengan Kerajaan untuk menentukan bahawa orang-orang yang mengeluarkan khabar angin itu dapat dikesan.

Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini kita hanya mendapat kesan secara umum sahaja dua kumpulan yang saya sebutkan tadi.

## PENTADBIRAN MSD DI WASHINGTON

2. **Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak Kementerian menyedari bahawa pentadbiran MSD di Washington tidak begitu cekap dan licin disebabkan beban kerja dengan tenaga yang ada, jika ya, apakah tindakan yang sudah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 11,500 pelajar tajaan dan 12,500

pelajar persendirian yang melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat. Fungsi utama Jabatan Penuntut Malaysia ialah untuk menguruskan perkara-perkara mengenai kebajikan pelajar seperti hal-ehwal akademik, penempatan, pembayaran biasiswa dan bimbingan. Berdasarkan bilangan kakitangan yang ada, saya berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa ada lebih kurang 10 buah kolej yang, dengan izin, below standard, yang mana penuntut-penuntut Malaysia pergi ke sana dan apabila balik mereka sukar mendapat pekerjaan sama ada di swasta ataupun dengan Kerajaan. Kalau sedar, adakah Kerajaan atau Kementerian Pendidikan akan terus menghantar mereka ini ke kolej-kolej yang below standard dan di hulu-hulu seperti di Kolej Doane di Nebraska.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa adanya kolej-kolej yang bertaraf rendah di luar negeri dan untuk membantukan pelajar-pelajar yang minat untuk belajar di luar negeri, Kementerian Pendidikan mengadakan buku senarai untuk menunjuk kepada pelajar-pelajar di mana kolej atau universiti yang ada prestasi baik dan jika mereka mendapat nasihat dari Kementerian Pendidikan, mereka dapatlah pergi ke kolej-kolej yang berprestasi bagus.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat pegawai-pegawai agama yang ditempatkan di beberapa Pejabat MSD di luar negeri yang tidak menjalankan kerja dengan baik. Sebagai contoh, apabila pelajar-pelajar menganjurkan seminar ataupun perbincangan pada hari kelepasan iaitu hari Sabtu dan Ahad, pegawai-pegawai tersebut memberi alasan bahawa hari itu juga merupakan hari kelepasan kepada

mereka, sedangkan pelajar-pelajar hanya dapat menganjurkan seminar-seminar ataupun perbincangan pada hari kelepasan.

Yang kedua, kadang-kadang terdapat pegawai-pegawai agama kita ini sebuk bermain golf. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian akan memanggil balik pegawai-pegawai agama yang tidak menjalankan tugas-tugas dengan cekap sepertimana yang dikehendaki oleh Kementerian?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum sedar kita ada dapat laporan-laporan seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat itu dan jika Yang Berhormat dapat memberikan senarai nama-nama dan tuduhan-tuduhan dengan jelasnya, Kementerian Pendidikan akan kaji dan siasat untuk membetulkan prestasinya.

## PELAN INDUK PELANCONGAN NEGARA

3. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah aspek-aspek utama yang telah diambil kira di dalam menggariskan Pelan Induk Industri Pelancongan Negara, dan adakah Kementerian akan mengadakan Pelan Induk Dasar Kebudayaan Negara baru.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sedang mengkaji untuk mengadakan Pelan Induk Pelancongan Negara untuk memajukan industri pelancongan ke arah mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara terutamanya dalam menambahkan pendapatan tukaran wang asing.

Dalam usaha ini pihak Kementerian telah mendapat kerjasama dari Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun atau Japan International Cooperation Agency (JICA) bagi mengumpulkan segala sumber-sumber dan kemudahan tarikan pelancongan yang terdapat di negara ini. Kajian yang dibiayai oleh Kerajaan Jepun ini akan dijadikan sebagai panduan untuk Pelan Induk Pelancongan Negara. Dalam merangka pelan induk ini Kementerian akan mengambil kira pelan induk dengan pelan struktur pelancongan yang telah disediakan di peringkat negeri-negeri supaya tidak berlaku penindihan dalam mengenalpasti kawasan yang berpotensi untuk pembangunan pelancongan. Dalam pada itu, aspek galakan pelancongan juga akan diberikan tumpuan utama dalam usaha ini. Pasaran-pasaran asing dan tempatan akan diberikan penekanan yang seimbang. Sektor swasta dijangka memainkan peranan yang semakin besar dalam memajukan industri ini, manakala sektor awam akan bertanggungjawab terutamanya bagi menyediakan kemudahan asas dan galakan, memperkenalkan negara sebagai destinasi pelancongan serta menyediakan sumber kewangan untuk pelaburan dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Pelan Induk Dasar Kebudayaan Negara seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat berkenaan, Kementerian ini tidak bercadang mengadakan pelan induk yang baru. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang sedia ada sudah cukup mengambil kira panduan-panduan bagaimana sebuah budaya bangsa Malaysia dapat dibina berasaskan tradisi setempat dan unsur-unsur budaya luar atau pelbagai kaum dan dengan berlandaskan Perlembagaan negara. Apa yang perlu ialah penerangan dan pertemuan-pertemuan dengan semua agensi dan pihak supaya dasar ini sentiasa

dijadikan panduan dalam kerja-kerja kebudayaan.

Untuk makluman bersama, dalam tahun 1983 telah juga diterbitkan satu rangka panduan bagaimana kerjasama dan usaha sama antara agensi dan sesuatu pihak itu dapat diatur bagi meningkatkan program kebudayaan di bidang penyelidikan kebudayaan, perhubungan kebudayaan dalam negara dan antarabangsa, pembangunan kesenian untuk meningkatkan dan menggalakkan kebudayaan yang meliputi perkembangan kesenian tradisi, kesenian sezaman dan khidmat sosio-budaya umumnya melalui program kemasyarakatan dan institusi.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya agak tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu sudah cukup. Dalam hubungan ini, saya ingin mengemukakan satu soalan iaitu berhubung dengan prinsip-prinsip pembinaan Kebudayaan Kebangsaan—Kita sedia maklum bahawa kita ada tiga prinsip utama. Saya ingin mengetahui sejauh manakah pelaksanaan prinsip kedua itu iaitu budaya yang lain yang didapati sesuai dan wajar boleh diterima sebagai sebahagian daripada Kebudayaan Nasional. Jadi, saya ingin mengetahui sejauh manakah kejayaan kita dalam prinsip itu, dalam melaksanakan prinsip itu dan siapakah yang menentukan sama ada sesuatu unsur kebudayaan itu sesuai dan wajar.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang berkenaan yang bertanya soalan tambahan. Memang benar bahawa prinsip yang kedua iaitu unsur-unsur kebudayaan lain. Kita mesti faham bahawa unsur dengan kesenian yang mutlak adalah satu perkara yang

berbeza, kerana kebudayaan bukanlah sesuatu yang boleh dipaksa. Ianya berkembang dengan secara beransur-ansur. Oleh yang demikian, masyarakat seluruhnya akan menentukan bahawa sesuatu unsur itu boleh dimasukkan ataupun tidak di dalam Kebudayaan Kebangsaan.

**Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti sekejap, Yang Berhormat. Teruskan.

**Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff:** Soalan saya ialah adakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan mengambil kira penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dalam menggariskan Pelan Induk Industri Pelancongan Negara ini.

Soalan kedua, adakah Kementerian bersetuju dengan cadangan hendak menggalakkan pelancong-pelancong ke Malaysia dengan memperbanyakkan tempat perjudian dan lain-lain tempat hiburan yang tertutup?

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak perlu melanjutkan kerana Yang Berhormat sendiri telah pun memberi jawapan bahawa Kerajaan memang menggalakkan dasar penerapan nilai-nilai Islam. Jadi ia adalah merupakan sebagai satu dasar kepada kita. Soalan kedua, saya minta, Tuan Yang di-Pertua, kurang jelas tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ulangi Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Abdul Latiff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua ialah adakah pihak Kementerian ini bersetuju dengan cadangan untuk menggalakkan pelancong-pelancong

ke Malaysia, kita hendaklah memperbanyakkan tempat-tempat perjudian dan lain-lain tempat hiburan yang tertutup.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, tidak.

#### MARDI—BENIH PADI BARU

**4. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah jenis-jenis padi yang baru yang telah diselidiki oleh MARDI yang boleh dapat menggantikan jenis padi yang ditanam sekarang kerana ianya tidak tahan serangan ulat cenangau dan lain-lain serangga serta memerlukan bekalan air yang banyak; jika ya, bilakah jenis padi yang baru ini akan dapat ditanam oleh petani-petani demi untuk meninggikan taraf hidup mereka.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, Program pembaikbiak padi menumpu perhatian untuk mendapat varieti-varieti yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- (a) kerintangan terhadap penyakit merah, karah dan bena perang;
- (b) daya pengeluaran yang tinggi;
- (c) mutu beras yang baik;
- (d) tidak rebah; dan
- (e) sesuai dengan persekitaran yang berlainan.

Dari apa yang diketahui, tidak ada prospek pembaikbiakan dapat menghasilkan varieti yang mempunyai resisten terhadap ulat cenangau (kesing). Sungguhpun begitu makhluk perosak ini dapat dikawal dengan semburan racun-racun serangga yang tertentu. MARDI sedang menguji beberapa jenis padi berdasarkan ciri-ciri tersebut di atas. Padi sebenarnya

hanya memerlukan keadaan lembab untuk pertumbuhan. Paras air yang optimum yang disyorkan di peringkat pertumbuhan sedalam 10 sm adalah sebenarnya bertujuan untuk mengawal rumpai.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa apa pun padi yang telah dicipta oleh MARDI pada masa sekarang kita tidak lagi akan mendapat benih-benih yang berkenaan. Contohnya, pada masa lepas MARDI telah mencipta padi Mat Candu, Malinja, Mahsuri dan bermacam-macam lagi, tetapi semua benih ini telah menjadi padi gila, dia panggil, makna kata dia telah bercampur aduk dengan padi-padi yang lain. Sekarang ini padi kita tidak tahu apa jenisnya, yang kita tahu cuma jenis panjang dan jenis pendek. Jadi apakah MARDI bercadang cuma untuk mewujudkan dalam kategori 2 jenis ini iaitu dalam bentuk jenis panjang dan jenis pendek dengan tidak memberi nama-nama lagi, sebab nama-nama itu tidak ada lagi dan sebab padi-padi ini telah bercampur aduk.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, pihak MARDI sentiasa mengkaji beberapa jenis varieti padi dan nama-nama padi ini saya rasa tidak penting dan apa yang penting ialah kualiti padi itu. Tetapi kalau Yang Berhormat hendak penjelasan dengan varieti padi yang disebutkan, sila bagi notis.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan telah menyatakan bahawa MARDI mempunyai cara untuk mengatasi segala penyakit yang menyerang padi yang ditanam oleh petani-petani. Saya ingin tahu di sini sejak usaha memerangi jenis cenangung, serangan ulat, kenapakah masih terdapat serangan-serangan ini di kawasan-kawasan pertanian, kawasan-kawasan

padi, sama ada bena perangkah, ulat komando dan sebagainya, walaupun telah dinyatakan tadi ada usaha-usaha telah dibuat bagi mengatasi penyakit ini, tetapi kenapa masih timbul lagi penyakit-penyakit yang seperti ini. Contohnya, kalau 2 tahun lepas saya telah bangkitkan di sini, tahun ini jenis penyakit tersebut terus menyerang di kawasan pertanian di Tanjung Karang, Sabak Bernam kenapa?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, MARDI sentiasa mengkaji macam mana boleh mengatasi serangan-serangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tetapi sampai sekarang pun tidak dapat satu keputusan dan MARDI terus melanjutkan kajian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Maidom bin Pansai.

**Tuan Maidom bin Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil soalan itu saya mohon keizinan untuk membuat pembetulan kepada perkataan "bukan" yang saya agak tersalah cetak yang terdapat dalam ayat ke 5 dalam soalan ini. Perkataan sebenarnya ialah "akan" dan begitu juga kepada perkataan "Kg Baru" yang terdapat dalam ayat ke delapan. Perkataan sebenarnya ialah "Kg Baru-Baru". Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 6.

## PENDATANG HARAM FILIPINA—RONDAAN

6. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa selain daripada mengada serta memesatkan rondaan di kawasan

perairan dan sempadan bersama Malaysia dengan negara-negara jiran untuk mencegah kemasukan pendatang haram ke negara Malaysia termasuklah pendatang haram Filipina ke negeri Sabah, apakah pula tindakan yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan terhadap pendatang haram terutama sekali dari Filipina yang sudah lama menetap di negeri Sabah seperti yang terdapat di perkampungan pendatang haram di Kg Ice Box Tawau, Sandakan, Pulau Gaya, Kg Baru-Baru Tuaran serta di seluruh merata tempat di negeri itu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada pendatang-pendatang haram Filipina yang sekarang berada di Sabah telah memasuki negeri itu kerana melarikan diri dari keadaan di Selatan Filipina. Oleh itu, sebelum apa-apa tindakan diambil terhadap mereka yang dikesan itu, kita perlu memastikan bahawa mereka itu dapat dihantar balik ke negara asal mereka. Keputusan yang diambil oleh Kerajaan adalah bergantung kepada faktor-faktor yang menyebabkan mereka datang ke Sabah serta juga keadaan yang terdapat di Selatan Filipina. Jika keadaan di negara asal mereka mengizinkan mereka pulang, maka tindakan akan diambil untuk menghantarkan mereka pulang. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang datang ke Sabah atas sebab-sebab ekonomi, maka tindakan akan diambil untuk menghantar mereka pulang ke negara mereka, jika kedatangan mereka itu tidak diperlukan di Sabah.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bilangan pendatang haram Filipina di Sabah berjumlah beratus-ratus ribu orang dan sama ada pihak Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengadakan rundingan dengan pihak

Kerajaan Filipina untuk menyelesaikan masalah pendatang haram di Sabah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita dapat memastikan bahawa mengikut bancian yang telah kita jalankan pada 31hb April, 1984, hampir 69,516 orang pendatang Filipina yang berada di Sabah. Tetapi setelah mengkaji latarbelakang dan keadaan-keadaan yang wujud dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia, terutama di Sabah dari masa ke semasa, perkara ini cuba diselesaikan di antara kedua-dua negara. Dengan sebab itu memanglah pihak Malaysia sentiasa setelah mengkaji keadaan-keadaan yang ada untuk menyelesaikan masalah ini secara terbaik-baik dengan Kerajaan Filipina.

## PENGANGGURAN RAKYAT MALAYSIA

7. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa peratuskah kurangnya pengangguran-pengangguran Rakyat Malaysia di masa kini. Apakah usaha-usaha baru Kerajaan bagi mengatasi masalah pengangguran. Adakah pengangguran-pengangguran yang tersebut akan terus menerus sedemikian atau ianya merupai sementara sahaja; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang cerah masa depan bagi menjamin masalah pengangguran di kalangan rakyat Malaysia;

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor):** Tuan Yang di-Pertua, berikutan dari pertumbuhan ekonomi yang masih lembab, kadar pengangguran telah meningkat dari 7.6% dalam tahun 1985 kepada 8.5%

dalam tahun 1986 dan kadar ini meningkat kepada 9.1% pada tahun ini. Sekiranya keadaan pertumbuhan ekonomi yang lembab ini berterusan maka adalah dianggarkan kadar pengangguran akan terus meningkat dalam beberapa tahun yang akan datang. Mengenai dengan soalan bahagian kedua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum peluang pekerjaan akan bertambah jika kadar pertumbuhan ekonomi negara meningkat dengan kadar yang memuaskan. Untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan telah membuat beberapa kelonggaran dan pengubahsuaian kepada dasar-dasar pelaburan untuk menarik pelaburan. Pelaburan yang berpotensi untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik adalah digalakkan oleh Kerajaan.

Kerajaan juga bercadang untuk mengawal kadar kenaikan upah sebagai satu langkah untuk menarik pelaburan, dan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan. Dengan kadar kenaikan upah yang rendah, kos pengeluaran dapat dikawal dan barangan keluaran negara ini akan mempunyai daya saingan yang lebih kukuh di pasaran.

Langkah yang sama juga sedang ditimbangan oleh Kerajaan untuk mengurangkan gaji permulaan kakitangan awam yang baru memasuki perkhidmatan, yang mana ianya bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak di sektor awam. Di samping itu juga Kerajaan telah mengambil langkah-langkah jangka pendek dalam mengurangkan masalah pengangguran di kalangan rakyat di negara ini seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu, adakah pendaatang-pendatang haram dari Indonesia dan

Filipina telah merompak peluang pekerjaan rakyat Malaysia, jika ia sehingga ke tahap manakah peluang pekerjaan rakyat Malaysia tercemar dan dalam bidang apa?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, kalau pendatang itu haram dan kalau dia juga mendapat pekerjaan, maka pekerjaan itu haram, jadi kalau sekiranya ada, beritahulah dan kita akan mengambil tindakan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Untuk mengurangkan pengangguran khususnya di kalangan siswazah-siswazah yang tidak mempunyai pekerjaan sekarang ini, adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat-syarat tertentu kepada syarikat-syarikat asing, khususnya syarikat-syarikat pembinaan untuk mengambil seberapa ramai pelajar-pelajar atau siswazah-siswazah yang tidak lagi mempunyai pekerjaan.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan dalam jawapan tadi, iaitu Kerajaan sedang mengkaji tentang kawalan upah pekerja-pekerja dan perkara itu ada kaitan dengan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat, yang menjadi satu area ataupun bidang yang sedang dikaji oleh Kerajaan.

## WARGANEGARA MENINGGALKAN NEGERI

**8. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) berapa ramai rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke luar negeri sejak 10 tahun yang lalu sehingga sekarang.
- (ii) negara-negara yang dihijrah oleh mereka dengan memberi pecahan setiap negara.
- (iii) sebab-sebab penghijrahan tersebut; dan

- (iv) dan berapa ramaiakah dari mereka yang telah berhijrah ini telah memohon untuk balik semula ke negara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan dibenar memasuki mana-mana negara lain adalah bebas untuk keluar meninggalkan negara ini bagi apa jua tujuan.

Kerajaan hanya mengawasi dan mengawal kemasukan orang-orang ke negara ini, sama ada seseorang itu adalah orang asing atau warganegara Malaysia. Bagi seseorang warganegara Malaysia yang hendak memasuki semula negara ini, ia hendaklah memberi bukti bahawa ia adalah seorang warganegara dan menunjukkan dokumen perjalanannya.

Perjalanan keluar negeri oleh warganegara Malaysia tidak dihiraukan sangat oleh Kerajaan kecuali mereka yang hendak melawat negara-negara yang ditegah dan ingin pulang semula ke negara ini atau mereka yang diperintah oleh mahkamah supaya tidak meninggalkan negara ini. Oleh itu, Kerajaan tidak ada rekod dan tidak bercadang untuk mengadakan rekod warganegara Malaysia yang keluar meninggalkan negara ini.

Semenjak 10 tahun yang lalu sehingga sekarang, Kementerian Dalam Negeri mempunyai rekod 9 orang yang telah berhijrah ke negara lain dan memohon semula untuk pulang ke negara ini serta memohon semula kerakyatan Malaysia. Namun begitu Kerajaan mengetahui bilangan rakyat Malaysia yang telah mendapat kerakyatan negara-negara lain sejak 10 tahun yang lepas.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, ada di antara rakyat Malaysia yang berhijrah lama hingga mereka mengambil kerakyatan negara asing yang ianya seorang berkebolehan dan terpelajar seperti doktor, engineer dan sebagainya. Dan mereka ingin balik menjadi rakyat Malaysia semula, apakah syarat-syaratnya dan adakah Kerajaan membuka peluang kepada rakyat Malaysia yang berhijrah yang mempunyai kebolehan dan berpengetahuan tinggi untuk balik semula ke negara kita Malaysia.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bukan sahaja membenarkan bahkan akan mempertimbangkan rakyat Malaysia yang telah menjadi rakyat negara asing, tetapi juga kepada mana-mana rakyat asing yang datang ke negara ini dengan syarat pada mulanya mereka datang ke sini sebagai pelawat atau mendapat permit kerja, dan apabila mereka dibenarkan tinggal di sini sehingga 2 tahun lebih mereka bolehlah memohon untuk mendapatkan Permanent Resident, dengan izin. Dan setelah itu dalam masa lengkongan 10+2 tahun mereka layak untuk memohon menjadi warganegara dan kita akan timbangkan permohonan mereka itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Dato Dr Affifuddin.

*(Soalan No. 9 Y.B. Dato Dr Affifuddin bin Haji Omar tidak hadir).*

#### DADAH—PENUNTUT YANG TERLIBAT

10. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan hasil serbuan dan ujian air kencing ke atas penuntut-penuntut yang terlibat

dalam penagihan dan penyalahgunaan dadah di seluruh negara:

- (a) peringkat sekolah rendah;
- (b) peringkat sekolah menengah; dan
- (c) peringkat Maktab/Kolej dan Pusat Pengajian. Apakah usaha-usaha bagi mengatasi masalah ini.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, dari bulan Januari hingga Ogos, 1987 seramai 109 orang penuntut telah dikenalpasti terlibat dengan penyalahgunaan dadah jenis ganja hasil dari serbuan dan ujian air kencing yang dilakukan oleh beberapa buah sekolah di seluruh negara.

Di Maktab-maktab ujian ini tidak dilakukan kerana pemeriksaan teliti perubatan telah dibuat sebelum pelatih-pelatih diterima masuk ke maktab.

Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi pula tiada serbuan dan ujian berkenaan dilakukan tetapi sekiranya dilaporkan ada kes pelajar-pelajar yang disyaki, maka mereka akan diarah menjalani ujian air kencing untuk menentukan sama ada mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah atau tidak.

Kementerian sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah ini dan di antara usaha yang dijalankan ialah:

- (i) Menubuhkan Jawatankuasa Anti Dadah di sekolah-sekolah, Guru Bimbingan dan guru-guru diminta memberi pengawasan yang rapi. Kerjasama dengan Bahagian atau Unit Tindakan Anti-Dadah dan PEMADAM.
- (ii) Mengadakan Kursus Pendidikan Penyalahgunaan Dadah dan mengetatkan disiplin sekiranya terdapat rayuan ataupun maklumat bahawa pelajar-pelajar

cenderung untuk melibatkan diri dalam kegiatan tersebut.

**Tuan Joe Ojhi Supiring:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kejadian penagihan atau penyalahgunaan dadah di sekolah ini berpunca daripada kurangnya aktiviti-aktiviti murid di sekolah, misalnya sukan dan sebagainya, terutama di sebelah petang untuk mengelakkan masa mereka itu dihabiskan bergaul dengan budak-budak yang memang sudah menjadi penagih.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, puncanya banyak ibu bapa kurang kemudahankah, kurang pendidikankah dan sebab itu di sekolah dan juga di tempat-tempat lain kemudahan-kemudahan kebudayaan sukan, kegiatan keagamaan cuba ditingkatkan. Tetapi saya tidak bolehlah memberikan kepastian di sini tentang punca sebenarnya yang menyebabkan pelajar-pelajar ini terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan bercadang untuk memastikan murid-murid yang berpindah kelas misalnya daripada Tingkatan 3 ke Tingkatan 4, kemudian Tingkatan 5 ke Tingkatan 6 yang mendapat kelas-kelas di Tingkatan 6 dipastikan untuk dibuat ujian air kencing untuk memastikan murid-murid di kalangan mereka tidak terlibat dengan penagihan dadah?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang berbuat demikian kerana ini melibatkan ratusan ribu pelajar-pelajar. Lagi pun kita tidak mahu satu keadaan atau suasana yang menggemparkan. Tindakan yang akan diambil hanya sekiranya terdapat laporan atau maklumat bahawa ada pelajar-pelajar terlibat dengan kegiatan dadah di sekolah-sekolah

berkenaan. Sekiranya tidak, saya fikir tidak ada sebab mengapa tindakan harus diambil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Law Lai Heng tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Zubir bin Embong.

*(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Zubir bin Embong tidak hadir).*

### BELIA MENGANGGUR

13. **Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan Menteri ini untuk mengatasi belia-belia dari menganggur. Setakat ini berapa ramai belia-belia kita telah mencebur diri dalam bidang-bidang berikut:

- (a) bidang perniagaan;
- (b) bidang pertanian; dan
- (c) bidang industri dan lain-lain.

Berapa ramai yang terlibat dalam kes penyalahgunaan dadah.

**Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia-belia ialah mewujudkan program Rancangan Peniaga Kecil, Rancangan Belia Berniaga dan Projek Belia Peladang dengan cara memberi pinjaman modal kepada belia-belia yang berminat menceburkan diri dalam bidang-bidang tersebut.

Sejak program-program ini dilaksanakan, Kementerian Belia dan Sukan telah berjaya melahirkan belia-belia seperti berikut:

- (a) Dalam bidang perniagaan, seramai 1,448 orang dalam program Rancangan Belia Berniaga dan 1,232 orang dalam Rancangan Peniaga Kecil.
- (b) Seramai 10,905 orang telah menyertai Projek Belia Peladang dan seramai 266 orang belia telah menceburkan diri dalam bidang industri kecil.

Kementerian Belia dan Sukan telah dapat mengesan sehingga bulan April, 1987 seramai 123,032 orang belia yang berumur dalam lingkungan 15-29 tahun, telah terlibat dalam penyalahgunaan najis dadah.

### PEMBASMIAN KEMISKINAN

14. **Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan dalam membasmi kemiskinan luar bandar dan dalam bandar dan nyatakan kadar kemiskinan tahun 1986 berbanding dengan kadar 1970.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat mengenai kemajuan pembasmian kemiskinan sehingga tahun 1984 telah pun dinyatakan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima dan diharap Ahli Yang Berhormat dapat membuat rujukan bagi memahami butir-butir lanjut.

Secara keseluruhannya kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurang daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1984. Di kawasan bandar kadar kemiskinan telah berkurang daripada 21.3% kepada 8.3% manakala di kawasan luar bandar berkurang

daripada 58.7% kepada 24.7%. Jumlah isi rumah miskin di bandar juga telah dapat dikurangkan daripada 85,900 pada tahun 1970 kepada 81,300 pada tahun 1984 manakala di luar bandar daripada 705,900 kepada 402,000 dalam tempoh yang sama.

Pendapatan purata di kalangan isi rumah berpendapatan rendah di bandar telah meningkat daripada \$203 sebulan seisi rumah pada tahun 1976 kepada \$512 sebulan seisi rumah pada tahun 1984. Sementara itu, pendapatan purata isi rumah berpendapatan rendah di luar bandar juga telah meningkat daripada \$98 sebulan kepada \$290 sebulan dalam tempoh yang sama.

Di Sabah dan Sarawak, kadar kemiskinan secara keseluruhan serta bagi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar juga telah mencatatkan arah aliran yang berkurangan dalam tempoh tersebut.

Akibat dari kesan kemelesetan ekonomi, prestasi kadar kemiskinan pada tahun 1984 ini dijangka telah terjejas sedikit pada tahun 1985 dan 1986. Buat masa ini, Kerajaan belum lagi mempunyai data-data rasmi mengenai tahap sebenarnya. Sungguhpun begitu Kerajaan percaya mutu kehidupan semua rakyat, terutama di luar bandar, telah meningkat dengan ketaranya jika dibandingkan dengan keadaan pada tahun 1970 dahulu. Pelaksanaan program-program bagi meninggikan taraf kesihatan, pelajaran, perumahan dan kemudahan-kemudahan awam yang merupakan keperluan asas masyarakat, telah berjaya memberi manfaat kepada semua golongan rakyat, terutama golongan miskin.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tahap dan faktor-faktor perkiraan yang diambil kira bagi menentukan kemiskinan?

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Marang itu tentulah merupakan satu perkara penting termasuklah pendapatan isi rumah dan pendapatan purata baik seorang individu mahupun secara keluarga.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai masalah kemiskinan di dalam bandar, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, memandangkan kepada kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sendiri bahawa ada wujudnya masalah kemiskinan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini, maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada jabatan yang berkenaan telah mengenalpasti kawasan-kawasan yang tertentu yang ada terlibat dalam masalah kemiskinan ini dan sekiranya ada, apakah langkah yang lebih lanjut yang telah diambil oleh jabatan yang berkenaan untuk mengatasinya?

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan dalam bandar ini tidak dapat kita sangkal kerana kemiskinan bandar wujud dari pengaliran kemiskinan luar bandar dan ini membawa masalah yang besar di bandar-bandar dan khusus dalam bandar besar seperti Wilayah Persekutuan ini kemiskinan terdapat dalam bentuk pocket area, dengan izin, dan usaha sedang dibuat untuk selain kita mengkaji dan tentulah Kerajaan akan menjalankan beberapa perancangan untuk membantu kawasan-kawasan yang tertentu di dalam Wilayah yang terdapat kadar-kadar kemiskinan yang begitu menyulitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa tidak hadir).*

## KEBAKARAN—JUMLAH HARTA BENDA MUSNAH

16. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah harta benda yang musnah akibat kebakaran dan jumlah mereka yang terkorban dalam kebakaran di seluruh Malaysia sepanjang 24 bulan lalu. Apakah punca-punca utama yang mengakibatkan kebakaran ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengelakkan dan mengurangkan kejadian ini daripada berlaku lagi.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, kemusnahan harta benda akibat kebakaran di seluruh Malaysia sepanjang 24 bulan yang lalu iaitu daripada Julai 1985 hingga Jun 1987 ditaksirkan bernilai \$454.97 juta, manakala yang terkorban dalam kebakaran pula adalah seramai 77 orang.

Kebakaran-kebakaran ini berlaku disebabkan oleh kelalaian dan kejahatan manusia dan punca-punca utama kebakaran bagi bangunan bagi tahun 1987 mengikut peratusan adalah seperti berikut:

(i) Kerosakan alat-alat elektrik	18.36%
(ii) Dapur gas/dapur minyak	6.48%
(iii) Kelalaian menggunakan ubat nyamuk, lilin, colok	5.57%
(iv) Disyaki sengaja dibakar atau arson	5.75%
(v) Tidak diketahui .. .. .	29.5%
(vi) Lain-lain .. .. .	16.0%

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha bagi mengurangkan kejadian kebakaran di negara ini. Langkah telah ditambah dan masih dijalankan oleh Jabatan Bomba untuk mengurangkan kejadian kebakaran telah saya sebutkan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari

Pengkalan Chepa beberapa hari yang lalu. Saya tidak bercadang untuk menambahnya lagi.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Sebagaimana yang kita sedia maklum di negara kita ini ada pusat-pusat pencegahan kebakaran dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang ditempatkan di kawasan bandar terpencil. Jadi, apa yang menghairankan saya ialah satu ketika didapati sebuah rumah di kampung terpencil terbakar, jadi tidak ada tindakan daripada Jabatan Bomba. Alasan mereka ialah tidak ada jalan ke sana. Saya kata kenapa tidak pakai perahu. Dia kata tidak ada perahu, kita hanya ada kereta. Jadi, kalau begini hakikat sebenar keadaan, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan supaya bukan hanya kawasan yang boleh didatangi dengan kereta tetapi didatangi dengan perahu dan jalan kaki pun juga diawasi oleh pihak Kementerian untuk mencegah kebakaran?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ialah tentang melawan kebakaran di kawasan-kawasan di mana kereta bomba ataupun ahli-ahli bomba tidak dapat sampai melalui kereta bomba. Ini adalah menjadi satu masalah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan cadangan Ahli Yang Berhormat ialah menggunakan perahu itu pun tidak akan berguna oleh kerana sebelum kita sampai ke tempat itu memang kebakaran akan berjalan beberapa masa. Walau bagaimanapun, perkara-perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian. Saya sukalah menerangkan bahawa buat masa sekarang pun Kementerian belum puas hati tentang alat-alat dan juga jentera-jentera yang dipunyai. Jadi, kita ada cadangan untuk meninggikan taraf

ataupun kedudukan semua jentera-jentera, kakitangan dan juga alat-alat pada masa hadapan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kebakaran, salah satu sebabnya ialah sengaja dibakar. Di sini saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana di Kuala Lumpur ini selalu kawasan-kawasan yang seumpama apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi sengaja dibakar. Oleh itu, apakah tindakan diambil kepada tuan-tuan tanah yang menyusahkan penduduk-penduduk yang berdekatan yang mereka bakar itu, adakah telah dapat disiasat dan sebagainya?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, dalam peratusan punca-punca kebakaran satu di antaranya ialah sengaja dibakar (arson) iaitu 5.75% daripada jumlah kebakaran. Siasatan tentang sengaja dibakar (arson) biasanya awal-awalnya dilakukan oleh Jabatan Bomba selepas itu kalau didapati kemungkinan punca ini dibakar kita akan serahkan perkara ini kepada Polis dan siasatan dan tindakan berikutan adalah diambil oleh Polis.

## POLARISASI KAUM DI UNIVERSITI TEMPATAN

**17. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan memandangkan polarisasi kaum di Universiti-universiti Tempatan kebelakangan ini dilihat sebagai satu gejala yang kurang sihat yang boleh menjejaskan keamanan dan kemakmuran negara. Kecenderungan perkelompokan kaum dalam persatuan, pemilihan mata pelajaran dan pensyarah serta penggunaan bahasa dalam hubungan

kelompok di kalangan mahasiswa semakin menonjol dialek etnik masing-masing.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa wujudnya polarisasi kaum di universiti-universiti tempatan. Namun demikian, perkembangan ini tidaklah membimbangkan atau mengemparkan kerana sesungguhnya perkembangan di sesebuah universiti itu tidak lain adalah cerminan atau manifestasi daripada apa yang berlaku dalam masyarakat.

Dalam laporan yang dikemukakan oleh Naib-naib Canselor Universiti-universiti tempatan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini perkara ini telah diperjelaskan dengan lebih terperinci. Tetapi yang lebih penting untuk maksud Dewan ini ialah bahawa langkah-langkah telah diambil oleh pihak universiti untuk memastikan bahawa perkembangan ini tidak merebak dan tidak ketahap merbahaya. Sebab itulah beberapa peraturan telah diperketatkan dengan mensyaratkan agar persatuan-persatuan perkauman atau bercorak perkauman tidak dibenarkan wujud. Sekiranya persatuan-persatuan ditubuhkan dan ada hubungan dengan bahasa atau budaya kaum masing-masing maka kepentingan yang ditekankan ialah kepentingan akademik, kepentingan ilmu pengetahuan dan kegiatan-kegiatan yang digalakkan ialah kegiatan yang melibatkan penyertaan semua kaum sedapat yang mungkin. Pelajar-pelajar juga telah digalakkan untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan pakaian seragam, sukan yang boleh menarik minat semua pelajar yang mewakili semua kaum. Begitu juga dalam kegiatan-kegiatan kesenian, kebudayaan dan kegiatan-kegiatan yang merujuk kepada kepentingan ilmu pengetahuan.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kegiatan atau aktiviti di asrama, kolej kediaman semestinya disertai oleh pelajar dari semua kaum termasuk di hari-hari terbuka, kegiatan sukan, majlis makan, lawatan dan lain-lain.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana benarnya dakwaan yang mengatakan sikap parti-parti Pembangkang yang membakar emosi pelajar-pelajar di universiti menghalang usaha Kementerian ke arah perpaduan dan keamanan? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi perkara ini?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat itu ada benarnya kerana kadangkala mahasiswa-mahasiswa ini banyak menunjukkan minat mereka dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan kegiatan kerjasama di antara mereka. Tetapi dengan kelonggaran dan kebebasan diberikan dan untuk mempertahankan suasana universiti yang bebas dan punyai autonomi dalam bidang akademik maka kegiatan yang melibatkan penyertaan tokoh-tokoh parti Pembangkang juga diberi kebenaran, malangnya tidak semua mereka bertanggungjawab bahkan menggunakan ruang yang ada itu untuk menimbulkan ketegangan dan membakar semangat pelajar-pelajar dari sudut kepentingan kaum dan tidak kepentingan ilmu pengetahuan dan untuk membahaskan dengan rasional. Pada hal Kementerian telah berulang kali memberi jaminan supaya kebebasan akademik dipertahankan supaya universiti-universiti diberikan ruang yang secukupnya bagi membolehkan mahasiswa dan pensyarah melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan seluas mungkin asalkan tidak menimbulkan ketegangan di antara kaum di kampus.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Adakah satu susunan dibuat oleh pihak Kementerian iaitu satu matapelajaran yang boleh mengubah ataupun boleh mendatangkan perasaan kaum ini hilang seperti apa yang terdapat di Indonesia, misalnya, orang Cina di Indonesia masing-masing tidak merasai mereka itu Cina, begitu juga bangsa-bangsa lain, kerana nampaknya di sini dari sehari ke sehari perasaan perkauman ini makin bertambah—ada perasaan. Adakah satu susunan yang rapi yang menjadi satu matapelajaran untuk mereka ini merasai bahawa mereka tidak lagi merasai kaum itu dan kaum ini tetapi mereka merasai mereka adalah orang Malaysia, adakah tidak susunan-susunan itu dibuat ataupun cadangan akan dibuat?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya semangat dari Dasar Pendidikan Kebangsaan itu dipertahankan dan dilaksanakan dengan jujur dan beberapa penyesuaian dalam pendekatan baru KBSR dan juga Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dapat diterima dengan baik, saya yakin dan optimis bahawa masa depan Malaysia ini akan lebih gemilang dari segi menjamin satu hubungan baik di antara kaum dan sekurang-kurangnya dapat meredakan dan mengurangkan sentimen perkauman di kalangan masyarakat. Tetapi sepertimana yang kita sedia maklum, langkah-langkah harus diambil ini tidaklah terikat kepada langkah-langkah di peringkat sekolah ataupun dalam konteks yang kita bahaskan di universiti-universiti ataupun pusat-pusat pengajian tinggi. Kesedaran ini haruslah kesedaran yang menyeluruh yang melibatkan juga peranan ibu-bapa dan anggota masyarakat keseluruhannya. Kalau ada cadangan-cadangan tambahan bagi memperbaiki sukatan dan pendekatan

kita, pihak Kementerian insya Allah, akan dapat menimbangkan dan melaksanakan.

### MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA

**18. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dan sejauh manakah hasilnya tercapai.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya telah mengambil berbagai langkah untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara kita ini. Langkah-langkah tersebut telah pun Yang Berhormat Menteri Kewangan jelaskan di dalam Ucapan Belanjawan tahun lalu dan kesannya ialah ekonomi telah pun mulai pulih. Di dalam Ucapan Belanjawan 1988 pula Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menerangkan akan keadaan ekonomi yang bertambah baik dan langkah-langkah baru untuk mengukuhkan ekonomi negara kita ini.

Berasaskan kepada tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan, Keluaran Dalam Negara Kasar dijangka bertumbuh pada kadar 2% dalam tahun 1987 berbanding dengan kadar pertumbuhan 1.2% pada tahun 1986. Bagi tahun 1988 pertumbuhan ekonomi adalah dijangka pada kadar 4%. Pada masa yang sama akaun semasa imbalan pembayaran dijangka mencatat lebih sebanyak \$2,000 juta pada tahun 1987 dan 1988 setelah mengalami defisit semenjak 1980.

Penerangan dan perbincangan yang terperinci berkenaan dengan keadaan ekonomi negara kita ini dan pengurusannya boleh didapati dalam Laporan Ekonomi 1987/88 yang telah pun diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertumbuhan ekonomi negara adalah dalam kadar 2% setahun. Jika dibandingkan dengan pertumbuhan negara-negara ASEAN, pertumbuhan kadar ekonomi ini adalah rendah. Jadi, apakah langkah-langkah untuk menaikkan taraf pertumbuhan ini sekurang-kurangnya sama dengan negara-negara jiran kita di ASEAN.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pun merasa sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Marang itu tadi bahawa taraf pertumbuhan negara kita ini bukan baik jikalau dibandingkan dengan negara-negara jiran di rantau ASEAN ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa semua negara mengalami masalah-masalah yang tidak sama. Jadi, dalam pandangan atau segi Kementerian Kewangan, kita berasa bahawa pertumbuhan ekonomi kita pada taraf ini adalah baik juga kalau dibandingkan dengan negara-negara yang kurang bernasib baik.

Untuk mencapai matlamat bahawa satu taraf yang lebih tinggi akan dicapai, negara kita ini telah mengambil beberapa langkah atau usaha-usaha untuk mengukuhkan proses pemulihan ekonomi. Salah satu daripadanya ialah negara kita sedang berusaha sedaya upaya supaya dapat meningkatkan kecekapan industri di dalam negara kita ini serta juga sikap pekerja-pekerja dalam negara kita ini memandangkan bahawa jikalau "investors" atau pelabur-pelabur asing akan mengambil kira sikap pekerja-pekerja negara sebelum mereka datang melabur di negara kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 9, 11, 12, 15 dan 19 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).*

### **SEDC—SYARIKAT YANG DIMILIKI**

**5. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab-sebab mengapa 300 dari jumlah 700 syarikat yang dimiliki oleh SEDC, seperti yang telah diberitahu oleh Menteri berkenaan sendiri baru-baru ini, berada dalam keadaan merugikan dan juga menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk melakukan terhadap 300 syarikat-syarikat ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Terlebih dahulu sukalah saya menjelaskan bahawa jumlah 700 syarikat yang pernah saya sebutkan adalah syarikat-syarikat yang telah dapat dikesan yang dimiliki oleh agensi-agensi Kerajaan sama ada agensi Kerajaan Persekutuan ataupun agensi-agensi Kerajaan Negeri. Agensi-agensi tersebut juga diawasi oleh berbagai Kementerian dan Jabatan. Seperti yang pernah saya maklumkan bahawa dari sejumlah 355 syarikat yang dikesan mengalami kerugian hanya 97 syarikat sahaja yang dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Jumlah ini merupakan hanya 36% daripada jumlah syarikat-syarikat yang dikesan sebagai milikan PKEN yang berjumlah 269 buah.

Dari segi perniagaan syarikat-syarikat PKEN adalah sama seperti yang dialami oleh syarikat-syarikat swasta yang tidak ketinggalan menghadapi risiko perniagaan yang tidak menentu. Oleh yang demikian, terdapat syarikat-syarikat yang mengalami kerugian. Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kerugian yang

dialami itu berpunca daripada antara lain kelemahan-kelemahan berikut:

- (i) Kelemahan pengurusan;
- (ii) Masalah pemasaran dan perancangan; dan
- (iii) Projek-projek pelaburan yang diceburi memerlukan tempoh masa pulangan yang panjang.

Syarikat-syarikat di bawah agensi-agensi Kementerian adalah sentiasa diawasi melalui sistem berkomputer yang ada di Kementerian. PKEN-PKEN yang berkenaan telah dinasihatkan untuk mengadakan tindakan bagi syarikat-syarikat yang menghadapi kerugian itu sama ada membaik pulih, memberhentikan operasi atau menjual syarikat-syarikat yang tersebut. Ekoran daripada tindakan-tindakan yang diambil itu, beberapa syarikat telah dapat meningkatkan prestasi dengan memperolehi keuntungan ataupun mengurangkan kerugian. Bagi syarikat-syarikat yang tidak mempunyai prospek daya maju di masa hadapan, tindakan yang sesuai telah juga diambil. Daripada 97 syarikat yang dikesan mengalami kerugian itu, dan setelah kajian terperinci mengenainya dilaksanakan oleh PKEN-PKEN yang berkenaan, 2 buah syarikat telah pun dibubar, 8 buah syarikat telah digantung/diberhentikan operasinya manakala 3 buah syarikat lagi telah pun dijual.

### **LEBUHRAYA UTARA-SELATAN DAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR**

**9. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar** minta Menteri Kerjaraya menyatakan, adakah Kerajaan bercadang menjadikan projek-projek raksaksa seperti Lebuhraya Utara—Selatan dan Pembekalan air oleh Antah Biwater sebagai "kilang" pengeluar tenaga-tenaga teknikal di kalangan rakyat Malaysia yang boleh dieksport

pengetahuan mereka di hari muka. Jika ya, sila beri anggaran penglibatan rakyat Malaysia di dalam bidang-bidang berikut dibandingkan dengan tenaga dari luar negeri;

- (a) Kejuruteraan Awam;
- (b) Kejuruteraan Jentera;
- (c) Computer Programme;
- (d) Penganalisa Sistem;
- (e) Akauntan; dan
- (f) Pengurusan Awam;

adakah program-program latihan lanjut yang diadakan untuk mereka.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Sememangnya telah menjadi hasrat Kerajaan supaya projek-projek raksaksa seperti Lebuhraya Utara Selatan dan bekalan air luar bandar Antah Biwater dijadikan sebagai kilang pengeluaran tenaga-tenaga teknikal di kalangan rakyat Malaysia yang boleh dieksport pengetahuan mereka keluar negeri. Ini adalah kerana projek-projek tersebut memerlukan bukan sahaja kepakaran yang tinggi tapi juga pengalaman yang luas untuk mengendalikan projek tersebut dengan jayanya. Oleh itu semasa melaksanakan projek-projek tersebut ramai profesional dari berbilang disiplin dari dalam negeri akan berganding bahu dan menimba pengetahuan daripada rakan-rakan sejawat mereka dari luar negeri yang mengendalikan projek-projek tersebut bersama-sama. Dengan yang demikian adalah dijangkakan bahawa projek-projek itu akan dapat melahirkan pakar-pakar profesional tempatan yang berkeupayaan melaksanakan projek-projek besar bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga di luar negeri di masa-masa akan datang.

Mengenai anggaran penglibatan rakyat Malaysia di dalam keenam-enam bidang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, adalah dimaklumkan bahawa adalah sukar

buat masa ini untuk memberi anggaran yang tepat untuk kedua-dua projek tersebut. Walau bagaimanapun, bagi bekalan air luar bandar Antah Biwater sebahagian besar profesional adalah dijangka terdiri daripada profesional-profesional tempatan yang mana mereka dijangka memperoleh banyak pengalaman dari projek tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sememangnya telah dirancang oleh Kerajaan mensyaratkan syarikat-syarikat yang mengendalikan projek raksaksa tersebut supaya mengadakan rancangan latihan pakar-pakar tempatan, sama ada di luar negeri ataupun di dalam negeri. Misalnya, bagi projek bekalan air luar bandar antah biwater seramai lebih kurang 60 profesional tempatan akan diberi latihan di luar negeri yang mana cadangan itu sedang diperbincangkan di antara syarikat berkenaan dengan Kementerian saya.

Bagi projek Lebuhraya Utara Selatan pula, program latihan seperti itu tidak dapat dibincangkan lagi oleh kerana projek itu belum lagi ditandatangani.

## PERUNTUKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**11. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah jumlah peruntukan yang dipohon dan diluluskan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990);
- (b) jika jumlah peruntukan yang dilulus oleh Perbendaharaan jauh lebih rendah daripada peruntukan yang dipohon, apakah kesannya terhadap segala rancangan Kementerian; dan

- (c) apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan akibat peruntukan yang tidak mencukupi.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian telah memohon peruntukan pembangunan sebanyak \$16.4 billion. Tetapi hanya \$3,736.38 (23.4%) sahaja peruntukan yang telah diluluskan oleh agensi pusat.

Dengan pengurangan ini Kementerian terpaksa membuat penyesuaian terhadap projek-projek yang akan dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang penting dan mendesak sahaja. Walau bagaimanapun dengan peruntukan yang terhad itu tidaklah menjejaskan perancangan Kementerian oleh kerana projek-projek yang penting masih boleh dilaksanakan.

### INTEGRASI NASIONAL

12. **Tuan Zubir bin Embong** minta Perdana Menteri menyatakan untuk mewujudkan Integrasi Nasional, apakah Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan yang menyentuh soal-soal kuasa yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak yang mana kuasa yang sama tidak diberikan kepada negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Apakah Kerajaan sedar bahawa keadaan yang demikian telah wujud dua bentuk persekutuan, pertama Persekutuan Tanah Melayu dan kedua, Persekutuan Sabah dan Sarawak dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Perlembagaan yang menyentuh soal-soal kuasa yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak

yang mana kuasa yang sama tidak diberikan kepada negeri-negeri di Semenanjung kerana mengikut Perlembagaan Malaysia ke semua tiga belas buah negeri dan sebuah Wilayah Persekutuan mempunyai status yang sama. Oleh yang demikian, perkara mengenai wujudnya dan bentuk persekutuan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul.

### KESESAKAN LEBUHRAYA KUALA KRAI—GUA MUSANG

15. **Tuan Haji Mohamed Haji Isa** minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan kepada kesesakan Lebuhraya Kuala Krai/Gua Musang akibat kenderaan berat yang melalui Lebuhraya ini yang membawa barang lebih muatan, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasinya. Bilakah alat timbang berat yang telah dibina di lebuhraya itu sekian lama akan digunakan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, alat timbang berat yang telah dibina di Lebuhraya Kuala Krai/Gua Musang itu tidak dapat digunakan sehingga sekarang oleh kerana masalah penguatkuasaan dari segi undang-undang. Masalah tersebut adalah mengenai Seksyen 143 (7A) Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang mana membenarkan keberatan sesuatu lori membawa balak dikira mengikut isipadu balak dan bukannya seperti muatan yang lazim bagi kenderaan lain yang membawa barang-barang selain daripada kayu balak.

Penggunaan kiraan mengikut isipadu telah menyulitkan kerja-kerja menguatkuasakan seksyen undang-undang itu oleh kerana barang yang ditimbang tidak seimbang dengan kiraan isipadu. Kesulitan ini telah dialami dan oleh yang demikian alat timbang tersebut telah tidak dapat digunakan untuk mengesan lori-lori balak yang membawa lebih muatan.

Masalah ini telah pun dikenalpasti dan pindaan yang sewajarnya telah dimuatkan di dalam Akta baru iaitu, Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang telah diluluskan oleh Parlimen pada sesi yang lepas. Saya telah difahamkan bahawa Akta ini akan dikuatkuasakan dalam sedikit masa lagi. Dengan penguatkuasaan Akta tersebut, ukuran isipadu tidak akan digunakan lagi dan diganti dengan sistem timbang.

#### **LEBUHRAYA PAN—BORNEO KUCHING—KOTA KINABALU**

19. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah kerja membina Lebuhraya Pan-Borneo dari Kuching ke Kota Kinabalu akan dimulakan. Sudahkah tender bagi projek ini ditawarkan. Berapakah perbelanjaan yang dianggarkan bagi projek ini dan adakah kerajaan bercadang meminjam dari Bank Dunia bagi membiayai projek ini.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jalan raya Pan-Borneo daripada Kuching ke Kota Kinabalu telah dibina sejak beberapa tahun yang lalu. Oleh kerana jalanraya tersebut adalah terlalu panjang, iaitu 1,200 km. dan kosnya terlalu besar, maka pelaksanaannya dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kewangan negara dan keutamaan. Kos yang dianggarkan bagi menyiapkan bahagian-bahagian jalanraya yang belum dilaksanakan adalah lebih kurang \$1.3 billion. Sehingga ini sepanjang 615 km. jalan raya tersebut telah pun ditarkan dan perbelanjaannya sejak Rancangan Malaysia Keempat adalah lebih kurang \$300 juta. Adalah dijangka sehingga tamat tempoh rancangan Malaysia Kelima 250 km. lagi akan disiapkan. Bahagian-bahagian yang belum siap akan diteruskan di dalam rancangan-rancangan akan datang. Sehingga ini

Kerajaan tidak ada cadangan untuk meminjam dari Bank Dunia bagi membiayai projek ini.

#### **LAWATAN PM/TPM KE ENGLAND DAN CHINA**

20. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan mereka ke England dan China baru-baru ini termasuklah dalam bidang perdagangan, perindustrian dan hubungan diplomatik.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor** Pertanyaan ini telah pun dijawab. Saya tidak ada apa-apa tambahan pada soalan ini.

#### **PERKHIDMATAN KERETAPI ARAU-PADANG BESAR**

21. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kesan dari pemberhentian perkhidmatan keretapi dari Arau ke Padang Besar, dari segi:

- (a) penyeludupan
- (b) hubungan dengan pihak berkuasa Kerajaan Thailand

dan apakah Kerajaan bercadang mengadakan perkhidmatan keretapi ekspres dari Butterworth ke Padang Besar dengan stesen utamanya Padang Besar, Alor Star dan Butterworth.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):**

- (a) Semenjak perkhidmatan keretapi dari Arau ke Padang Besar diberhentikan, tindakan tersebut telah memberikan hasil yang positif di mana kegiatan penyeludupan nampaknya telah berkurangan. Dengan pemberhentian perkhidmatan keretapi itu telah memberi kemudahan, kepada pihak berkuasa khasnya Pasukan Anti

Penyeludupan untuk menjalankan tindakan menangkap mereka yang disyaki terlibat dalam kegiatan penyeludupan di Sempadan Malaysia-Thailand.

- (b) Tindakan pemberhentian perkhidmatan keretapi ini tidak menjejaskan hubungan dengan pihak berkuasa Kerajaan Thailand oleh kerana perkhidmatan Ekspres Antarabangsa tiap-tiap hari antara Butterworth-Bangkok masih diteruskan pada tiap-tiap hari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Kementerian Pengangkutan belum ada rancangan mengadakan perkhidmatan ekspres dari Butterworth ke Padang Besar kecuali keadaan yang berlaku sekarang bertambah baik.

## PERPADUAN RAKYAT

22. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan sekiranya beliau ingin mewujudkan semula tindakan-tindakan dan konsep-konsep baru dalam Kementerian Perpaduan Negara, memandangkan bahawa polarisasi di antara kaum sedang meningkat dan langkah-langkah yang telah diambil ke arah perpaduan rakyat seperti matlamat, "menyusun semula masyarakat" dalam Rancangan Malaysia yang lalu tidaklah begitu menghasilkan. Adakah beliau sedar tindakan-tindakan seperti ini juga tidak boleh menyempurnakan konsep perpaduan rakyat di negara kita tanpa satu sistem politik dan ekonomi yang lebih tersusun di negara kita.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa agensi yang dipertanggungjawabkan ialah Jabatan

Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri bukan Kementerian. Dalam menjalankan peranannya untuk membantu Kerajaan dalam menggalakkan perhubungan muhibah antara kaum serta memupuk integrasi nasional, Jabatan Perpaduan Negara sedang melaksanakan tindakan-tindakan yang berkesan dengan mewujudkan Konsep Jiran di kawasan-kawasan dan sektor-sektor Rukun Tetangga.

Mengenai usaha menyusun semula masyarakat, seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, banyak langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk mencapai objektif tersebut. Usaha menyusun semula masyarakat adalah salah satu daripada dua objektif di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa menentukan bahawa seluruh Rancangan Pembangunan Malaysia adalah dibentuk menuju ke arah mencapai matlamat itu. Melalui strategi ini semua golongan masyarakat telah mendapat faedah daripada pelaksanaannya. Dengan strategi ini juga keadaan polarisasi kaum seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sudah berkurangan. Kebangkitan polarisasi berpunca daripada tindakan orang jahat yang menikam hati rakyat dengan isu-isu perkauman.

## GURU BESAR/PENYELIA DI SRJK (C)—LANTIKAN

23. **Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah alasan Kementerian menghantar guru besar/penyelia petang yang tidak mengetahui Mandarin ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina); dan

- (b) memandangkan tindakan demikian kurang menyenangkan pihak sekolah yang berkenaan apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kementerian Pendidikan merasa puashati terhadap lantikan calon-calon untuk jawatan Penolong Kanan dan Penyelia Petang dari keturunan Cina ke SRJK(C) walaupun mereka tidak berkebolehan dalam Bahasa Mandarin. Mereka ini merupakan pegawai yang terkanan dan layak kerana calon-calon yang mempunyai kelayakan dalam Bahasa Mandarin kurang memohon untuk jawatan-jawatan tersebut. Mereka yang telah dilantik adalah mampu untuk mempertingkatkan pentadbiran sekolah.
- (b) Walau bagaimanapun Jawatankuasa peringkat Menteri mengenai penyelesaian masalah kenaikan pangkat di SRJK(C) telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 9hb Nov. 1987 bagi membincangkan langkah-langkah penyesuaian kenaikan pangkat ini. Perbincangan ini akan terus dijalankan pada masa akan datang untuk mencari penyelesaian yang sesuai.

#### **BUKU MERAH—PELAKSANAAN**

**24. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menjelaskan sejauh manakah kemajuan pelaksanaan Buku Merah yang dilancarkan baru-baru ini dan apakah ianya dilaksanakan oleh Pejabat Pentadbiran Jajahan dan Daerah di seluruh negara. Se jauh manakah kerjasama yang telah diberi oleh pegawai-pegawai yang terlibat

dan sokongan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Buku Merahdua adalah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat awal ini ia menekankan dua perkara penting iaitu:

- (i) pengumpulan maklumat yang lengkap bagi sesuatu daerah dengan memusatkan maklumat tersebut di Bilik Gerakan Daerah yang terletak di Pejabat Daerah. Pada masa ini kebanyakan maklumat bagi sesuatu daerah terletak di pelbagai agensi Kerajaan;
- (ii) Rombakan Jawatankuasa Tindakan Daerah yang ada sekarang dari segi peranan dan keanggotaannya. Jawatankuasa ini juga telah diberi nama baru iaitu Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah. Tujuan rombakan ini ialah untuk menjadikan Jawatankuasa ini badan penyelaras yang berkesan di dalam mengenalpasti dan melaksanakan projek-projek pembangunan oleh semua agensi Kerajaan di peringkat daerah.

Saya sukacita menyatakan bahawa tindakan-tindakan telah pun diambil bagi menentukan bahawa kedua-dua perkara yang tersebut di atas dilaksanakan dengan segera. Pejabat-pejabat Daerah/Jajahan di seluruh negara telah diberi tempoh sehingga 31hb Disember, 1987 untuk mengutip maklumat yang diperlukan. Saya difahamkan banyak daerah telah pun mempunyai sebahagian besar daripada maklumat yang dikehendaki.

Pegjabat Daerah/Jajahan adalah merupakan penyelarar utama di dalam merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan di sesebuah daerah. Salah satu matlamat Merahdua ialah untuk menggembeling semua agensi Kerajaan di peringkat daerah supaya berpadu tenaga dan bergerak sebagai satu pasukan di bawah pimpinan Pegawai Daerah/Ketua Jajahan untuk memberi faedah yang setinggi-tingginya dengan kos yang serendah-rendahnya di dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Saya amat berpuashati dengan sokongan yang diberikan setakat ini oleh semua agensi Kerajaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam melaksanakan matlamat-matlamat dan strategi-strategi Buku Merahdua ini.

#### **KONVOKESYEN U.T.M.— PAKAIAN RASMI**

**25. Tuan Mohd. Yusoff bin Abdul Latiff** minta Perdana Menteri menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya gejala-gejala yang menggambarkan rasa tidak puashati setengah-setengah golongan kaum terhadap isu-isu yang sensitif soal memakai songkok di upacara Konvokesyen U.T.M., soal Bahasa dan lain-lain yang menunjukkan keretakan perpaduan rakyat, apakah tindakan pihak berkenaan bagi mengatasi masalah ini.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Soal mengenai pemakaian songkok dan tudung di upacara konvokesyen U.T.M. dan soal Bahasa yang telah diperbesarkan sebagai isu sensitif telah ditimbulkan oleh golongan-golongan tertentu yang mempunyai motif politik semata-mata untuk kepentingan

mereka sendiri. Mereka tidak peduli akan kekacauan yang berlaku asalkan mereka jadi hero.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, arahan untuk menjadikan songkok dan tudung sebagai pakaian rasmi Konvokesyen U.T.M. telah dilakukan sejak 1977 dan selama itu tidak ada bantahan daripada mana-mana pihak mengenainya.

Untuk perhatian Dewan Yang Mulia ini songkok juga menjadi sebahagian daripada pakaian seragam rasmi Ahli-ahli Parlimen dan pasukan bersenjata. Selama ini tidak ada yang membantah. Isu songkok di U.T.M. sengaja dibangkitkan oleh orang durjana. Manakala Bahasa Malaysia pula sudah diterima sebagai Bahasa Kebangsaan. Sepatutnya ianya diterima dengan baik dan ikhlas. Nampaknya ada yang mengaku di bibir terima dasar ini tetapi usaha mereka berlain pula. Tindakan begini tentulah bercanggah dengan usaha Kerajaan untuk merapatkan dan menyatukan rakyat.

Kerajaan mengikuti gerak-geri golongan-golongan yang cuba memperbesar dan memperalatkan isu-isu tersebut. Kalau ada tanda-tanda ianya boleh mencetuskan ketegangan kaum Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas. Oleh itu golongan-golongan yang berkepentingan ini hendaklah mengelakkan diri dari memainkan isu-isu yang sensitif ini demi perpaduan dan kestabilan negara.

#### **BAYARAN BIL TELEFON**

**26. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab mengapa Jabatan-jabatan Kerajaan ialah yang terlalai sekali dalam pembayaran bil-bil telefon. Apakah jumlah yang Kerajaan terhutang kepada Syarikat Telekom Malaysia (STM).

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Sebab utama telah dikenalpasti bagi kelewatan Jabatan-jabatan Kerajaan dalam pembayaran bil-bil telefon bagi Jabatan-jabatan Kerajaan mengambil masa yang panjang ketika membuat penyemakan bagi memastikan hanya panggilan-panggilan atas urusan resmi sahaja ditanggung pembayarannya oleh jabatan-jabatan berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan September, 1987 jumlah hutang yang masih belum dipungut oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad daripada Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan ialah \$44,974,446.05

#### ASIAN RARE EARTH FACTORY

**27. Tuan Ting Chek Ming:** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan memerlukan Asian Rare Earth factory (ARE) di Jalan Lahat, Lembah Kinta menggali sisa-sisa thoria yang telah ditanamkan oleh Asian Rare Earth ke dalam bekas lombong bijih timah dekat kilang itu, kalau tidak berikan sebab-sebabnya;
- (b) terangkan bagaimana Asian Rare Earth menyimpan dan "contain radiation" dari sisa-sisa thoria pada hal menurut pakar-pakar "radiation" sisa-sisa thoria mempunyai "life span" sepanjang 4000 hingga 5000 juta tahun, dan setelah digunakan beberapa lama, bekas penyimpanan itu pun akan tercemar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):**

- (a) Syarikat Asian Rare Earth telah pun diarah mengorek kembali bekas lombong yang berdekatan

dengan kilangnya itu, untuk mengeluarkan semua bahan radioaktif thoria yang telah dibuangkannya ke dalam bekas lombong tersebut.

- (b) Bahan thoria yang dihasilkan oleh Syarikat Asian Rare Earth mengandungi hanya radionuklid-radionuklid thorium dan uranium, iaitu unsur-unsur radioaktif semulajadi yang sedia wujud dalam tanah, terutamanya di kawasan yang banyak kedapatan bijih timah. Unsur radioaktif thorium dan uranium ini mempunyai separa hayat atau half life yang panjang sehingga jutaan tahun, seperti juga lain-lain unsur radioaktif semulajadi, umpamanya Karbon 14 dan Kalium 40 yang terdapat di dalam tubuh manusia. Meskipun bahan thoria tersebut mempunyai separa hayat yang panjang, tetapi ianya adalah dikategorikan sebagai bahan radioaktif yang mempunyai risiko rendah.

#### FERI MALAYSIA

**28. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada matlamat mengadakan Feri Malaysia antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak sudah tercapai. Kalau belum, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan matlamatnya tercapai;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa ramai orang-orang kenamaan termasuk ahli-ahli Lembaga Pengarah Feri Malaysia sendiri didapati tidak berminat menggunakan Feri Malaysia. Adakah Kerajaan bercadang untuk memastikan bahawa

semua ahli Jemaah Menteri (Peringkat Persekutuan dan Negeri) setidak-tidaknya sekali setahun menggunakan Feri itu; dan

- (c) apakah langkah-langkah lain untuk menggalakkan seluruh rakyat menggunakan Feri Malaysia.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:**

- (a) Dalam tempoh setahun operasi Feri Malaysia, adalah sukar untuk mengukur sejauh manakah matlamat integrasi nasional tercapai kerana proses integrasi nasional memakan masa sebelum hasilnya kelihatan. Walau bagaimanapun Feri Malaysia telah menyumbang kepada usaha untuk merapatkan saluran perhubungan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Di samping itu beberapa rancangan khas sedang diatur dengan Jabatan Perpaduan Negara yang melibatkan ramai lagi penyertaan rakyat Malaysia. Antara rancangan yang dicadangkan itu ialah Program Integrasi Anak-anak Malaysia, yang melibatkan penyertaan para pelajar sekolah dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta lawatan ketua-ketua masyarakat. Feri Malaysia juga ada menyediakan beberapa program dan aktiviti kebudayaan di atas kapal seperti persembahan kebudayaan dari badan-badan kebudayaan yang tertentu.
- (b) Adalah tidak benar bahawa orang-orang kenamaan tidak berminat untuk menggunakan Feri Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, semua Ahli Lembaga Pengarah dan beberapa orang kenamaan telah

menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia. Sebenarnya atas permintaan Lembaga Pengarah, mesyuarat Lembaga Pengarah pernah diadakan di atas kapal Feri Malaysia.

- (c) Kerajaan sememangnya menggalakkan semua anggota Kerajaan termasuk Jemaah Menteri untuk melancong ke tempat indah di negara ini dengan menggunakan pengangkutan nasional seperti Feri Malaysia ini. Sebenarnya satu surat pekeliling telah pun dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bertarikh 14hb Oktober, 1987 yang menggalakkan pegawai dan kakitangan Kerajaan menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia. Dengan itu terserahlah kepada Feri Malaysia untuk mempopularkan perkhidmatannya bagi menarik lebih ramai lagi pengguna-pengguna.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh pengurusan Feri Malaysia untuk menggalakkan seluruh rakyat menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia adalah seperti berikut:

1. Memperhebatkan periklanan dan promosi melalui radio, televisyen dan akhbar-akhbar.
2. Menjalankan pemasaran dan penjualan yang agresif.
3. Menjalankan kempen yang ditujukan kepada "commuter" dengan menawarkan tambang yang lebih murah.
4. Memberi potongan tambang kepada penumpang-penumpang berkumpulan.

5. Mengadakan pelayaran-pelayaran khas untuk badan-badan dan kumpulan-kumpulan yang besar.
6. Menawarkan "Package Holidays" termasuk "package" yang diaturkan dengan kerjasama Sistem Penerbangan Malaysia.

### MAJLIS PERBANDARAN LABUAN

**29. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Ahli-ahli Majlis Perbandaran Labuan membuang "undi tidak percaya" terhadap Presidennya dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini demi memuaskan hati semua pihak yang terlibat.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Perkara Ahli Majlis Perbandaran Labuan membuang "undi tidak percaya" terhadap Presidennya adalah berupa masalah dalaman yang sepatutnya diselesaikan bersama antara kedua-dua belah pihak. Perselisihan faham ini timbul di antara mereka dalam melaksanakan urusan pentadbiran Majlis Perbandaran Labuan. Adalah menjadi hasrat Ahli-ahli Majlis supaya proses pembangunan di Labuan dapat dipertingkatkan terutama dengan kemasukan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan dengan menghasilkan perubahan-perubahan yang nyata terutama dari segi pembangunan fizikal. Sebaliknya pula, dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, Presiden selaku Ketua Jabatan hendaklah menjalankannya berasaskan dasar-dasar Kerajaan, di samping menghadapi berbagai-bagai "constraints". "Constraints" ini wujud oleh kerana Labuan masih dalam peringkat transisi daripada Kerajaan Negeri ke pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang memerlukan

pengubahsuaian dari beberapa segi iaitu:

- (i) pemakaian-pemakaian undang-undang dan peraturan-peraturan pentadbiran.
- (ii) hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan; dan
- (iii) jentera pentadbiran Majlis Perbandaran Labuan itu sendiri.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah positif untuk membaiki kedudukan tersebut iaitu dengan menyemak semula dan mengkaji pemakaian undang-undang dan peraturan-peraturan pentadbiran dan jentera pentadbiran di Labuan.

### STESEN MINYAK DI SERDANG

**30. Dr V. David** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan membuka stesen-stesen minyak di kawasan Serdang untuk memberi kemudahan-kemudahan ini kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stesen-stesen minyak bukanlah didirikan oleh Kerajaan, tetapi didirikan oleh pihak swasta dan orang perseorangan. Kerajaan cuma mengawasinya dari segi perlesenan.

Bagi kawasan Serdang dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya, terdapat 3 buah stesen minyak dan satu Mini Kiosk masa sekarang. Satu stesen lagi telah diluluskan permohonan lesennya dan

cuma menanti untuk mendirikan stesen minyak. Satu stesen lagi adalah di dalam perancangan untuk didirikan di kawasan itu. Dengan terdapatnya 4 buah stesen minyak dan mini kiosk dan 2 stesen lagi sama ada akan didirikan atau di dalam perancangan untuk didirikan, adalah difikirkan ianya telah mencukupi untuk menampung keperluan pengguna-pengguna di kawasan itu. Walau bagaimanapun, jika ada permohonan untuk mendirikan sebuah stesen minyak lagi di kawasan itu oleh mana-mana pihak, Kerajaan sedia memberi pertimbangan sewajarnya.

### PERHUBUNGAN ETNIK

31. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memanggil pemimpin-pemimpin semua parti politik untuk menghadiri satu mesyuarat kemuncak untuk membincang perhubungan etnik yang kian bertambah buruk di Malaysia yang telah menyebabkan seorang Menteri berkata bahawa Malaysia kini berada dalam "mood" seperti wujud sebelum Mei 13, dan untuk merangka satu konsesus menahan polarisasi kaum yang bertambah buruk sejak beberapa minggu dan bulan kebelakangan ini.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Kerajaan mempunyai jentera pentadbiran yang mencukupi untuk mengatasi apa-apa masalah negara jika ianya berbangkit. Cadangan Yang Berhormat itu akan diberi pertimbangan jika keadaan benar-benar memerlukannya. Pendapat sama ada perhubungan etnik di negara ini kian bertambah buruk adalah pendapat individu.

Kerajaan akan sentiasa berwaspada tentang apa-apa pergolakan perhubungan etnik di negara ini supaya menjamin perpaduan yang kukuh antara semua kaum.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (6hb November, 1987).

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa untuk berbahas dilanjutkan sehingga 4.30 petang. Adakah Ahli-ahli Yang

Berhormat yang ingin mengambil bahagian?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Simunjan.

3.38 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua lantaran memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Belanjawan 1988 yang dibentangkan di sidang ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sebentar! Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang hendak berbahas?

**Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid: (Bangun)**

**Tuan Taiman bin Lumaing: (Bangun).**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dua sahaja, baiklah. Kalau begitu, 20 minit, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** 25 minit.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran)** Oh, 4 orang—15 minit seorang.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ini teruk, Yang Berhormat. Saya fikir tak ada lagi yang hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah merdeka sejak tahun 1963, iaitu 25 tahun yang lepas, kita telah berjaya menyatukan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan Singapura, Sabah dan Sarawak dan tentunya sekaligus menyatupadukan seluruh rakyat dari dan di negeri-negeri tersebut. Namun demikian, perselisihan faham dengan Singapura tidak dapat dielakkan dan akibatnya Singapura terpaksa dibiarkan keluar dari Malaysia dalam tahun 1965. Selepas itu, walaupun hingga ke hari ini semua negeri yang kekal dalam Malaysia, iaitu negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak tidak pernah berbuat sebagaimana telah dilakukan oleh Singapura.

Malaysia telah mengalami berbagai-bagai jenis pahit-maung hidup sebagai sebuah negara yang membangun dan kita telah merasai tercetusnya trajedi 13 Mei. Kita telah mengalami detik-detik pahit dalam era kemelesetan ekonomi. Kita telah mengalami kehilangan beribu-ribu juta ringgit wang negara dan rakyat yang diselewengkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab dan beramanah. Kita telah mengalami era cetusan perasaan perkauman yang membahayakan negara. Dan, kita juga telah menimba pengalaman dalam kekecohan hubungan antarabangsa dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana negara di dunia ini lebih-lebih lagi yang sedang membangun dan yang mempunyai penduduk majmuk atau berbilang kaum seperti Malaysia ini memandang berat terhadap perpaduan bangsa dan integrasi nasional. Kestabilan politik, ekonomi dan sosial, sesungguhnya bergantung kuat dengan perpaduan dan integrasi rakyat dan negara, malahan kita boleh mengatakan bahawa sebahagian besar daripada masalah negara telah selesai andaikata masalah perpaduan bangsa

termasuk polirisasi kaum telah dapat dihapuskan di Malaysia. Perpaduan ataupun integrasi nasional mempunyai dua peringkat.

Pertama, peringkat integrasi antara kaum-kaum etnik di negara ini, kedua peringkat integrasi antara negeri-negeri dan penduduk-penduduk di negeri-negeri tersebut. Kedua-dua peringkat integrasi negara ini perlu diberi perhatian dengan serius dan mendalam oleh semua pihak. Lantaran andaikata ianya tidak dijaga "bak menatang minyak yang penuh," kestabilan negara akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peringkat yang pertama iaitu integrasi antara kaum, kita boleh melaksanakan perkara ini ataupun menentukan supaya ianya tercapai menerusi dasar-dasar terutamanya seperti dasar-dasar Kerajaan yang sedia ada. Kita ada Dasar Ekonomi Baru, kita ada Dasar Pelajaran Kebangsaan dan lain-lain.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru ianya telah dirangka untuk mencapai matlamat menyeluruh perpaduan negara dan pembinaan sebuah negara menerusi pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan kedudukan kawasannya. Bagi pihak Kerajaan, Dasar Ekonomi Baru sudah tentu tidak terlaksana sekiranya kemiskinan masih melanda sebahagian besar penduduk negara kita, lebih-lebih lagi kebanyakan yang miskin itu ialah satu golongan kaum sahaja dan satu golongan itu ialah bumiputera. Juga bagi pihak Kerajaan, Dasar Ekonomi Baru sudah tentu tidak boleh dikatakan terlaksana andaikata jurang perbezaan antara satu kaum dengan satu kaum yang lain khususnya dalam bidang ekonomi masih luas.

Dasar Ekonomi Baru juga tidak boleh dikatakan terlaksana, hanya andaikata hanya segolongan bumiputera sahaja yang dapat

menikmati buah-buah kemerdekaan dan Dasar Ekonomi Baru, sedangkan sebahagian besar bumiputera masih berlumpuk kemiskinan dan kepapaan.

Mengikut sumber Jabatan Perangkaan dalam penyiasatan selepas banci 1970, Banci Pertanian 1977 dan Penyiasatan Pendapatan Isirumah 1984, dari jumlah isirumah sebanyak 1,400,800 dalam tahun 1976 yang terdapat di kawasan luar bandar, 669,600 isirumah atau 47% adalah isirumah yang miskin, sementara dari jumlah 530,600 isirumah dalam tahun yang sama yang terdapat di kawasan bandar, hanya 94,900 ataupun 17.9% sahaja isirumah yang miskin.

Bagi tahun 1984 pula bagi kawasan luar bandar, dari jumlah 1,629,400 isirumah, 402,000 isirumah atau 24.7% adalah keluarga yang miskin. Sementara bagi kawasan bandar pula dalam tahun yang sama dari 999,700 isirumah, terdapat hanya 81,300 isirumah ataupun 8.2% isirumah yang miskin. Ini jelas menunjukkan bahawa perbezaan antara penduduk-penduduk bandar dan luar bandar masih perlu kita berikan perhatian. Lebih-lebih lagi yang menduduki kawasan bandar ialah kebanyakannya kaum bukan bumiputera, sementara yang di luar bandar adalah bumiputera.

Mengikut Jabatan Perangkaan pula dalam Jadual Kadar Kemiskinan mengikut negeri-negeri, negeri-negeri yang mempunyai ramai penduduk bumiputera mempunyai kadar kemiskinan yang lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri yang mempunyai lebih ramai penduduk bukan bumiputera. Dalam tahun 1984 kadar kemiskinan adalah:

Negeri	Kadar Kemiskinan %
Johor .. .. .	12.2
Kedah .. .. .	36.6
Perak .. .. .	20.3
Perlis .. .. .	33.7
Sarawak .. .. .	31.9

<i>Negeri</i>	<i>Kadar Kemiskinan %</i>
Kelantan .. .. .	39.2
Melaka .. .. .	15.8
Negeri Sembilan .. .. .	13.0
Pahang .. .. .	15.7
Sabah .. .. .	33.1
Pulau Pinang .. .. .	13.0
Selangor .. .. .	8.6
Terengganu .. .. .	28.9
Wilayah Persekutuan ..	4.9
Semenanjung Malaysia keseluruhannya	18.0

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa masih ada dan wujud jurang perbezaan di antara bumiputera dan bukan bumiputera dan oleh itu saya mencadangkan supaya yang pertama, Kerajaan hendaklah berusaha supaya menubuhkan suatu Suruhanjaya yang benar-benar arif dan terdiri daripada golongan yang arif untuk mengkaji dengan terperinci akan tahap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini dan mengemukakan secara terperinci langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru agar ianya tidak hanya indah khabar dari rupa.

Yang kedua, Suruhanjaya di atas diberi kuasa untuk mengikuti, mengekori dan mengawasi segala tindak-tanduk semua peringkat golongan pelaksana Dasar Ekonomi Baru itu—dari peringkat Persekutuan ke Peringkat Negeri, dari peringkat pemimpin ke peringkat yang dipimpin.

Yang ketiga, semua peringkat kepimpinan khususnya kepimpinan politik dan pentadbiran diarah menubuhkan Biro Penerangan masing-masing untuk menentukan supaya pengikut-pengikut mereka sedar dan memahami akan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru itu, dengan tujuan supaya bumiputera tidak

diperalatkan oleh pihak-pihak yang mempunyai kuasa atau golongan bukan bumiputera yang berkepentingan sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tiga minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah mengarahkan semua peringkat pentadbiran dari peringkat Persekutuan, peringkat Negeri dan Daerah supaya melaksanakan dasar itu dengan ikhlas, jujur dan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang harus kita pandang berat pada masa ini yang selalu mungkin menimbulkan masalah sensitif ialah integrasi antara wilayah. Sarawak dan Sabah dicantumkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1963 dan hak dan keistimewaan negeri-negeri tersebut dipertahankan menerusi apa yang dikatakan Inter-Governmental Committee (IGC). Namun demikian, kita telah berusaha supaya menghapuskan perbezaan dan jurang di antara negeri Sarawak, Sabah dan Semenanjung. Namun demikian, saya rasa masih ada perkara-perkara yang perlu kita mempertimbangkan untuk dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya mencadangkan supaya kita menentukan bahawa jurang perbezaan ataupun hubungan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak ini dapat diertatkan dan rakyat dapat disatupadukan menerusi cara-cara seumpama yang saya sebutkan.

Pertama, Kerajaan Persekutuan dan pemimpin-pemimpinnya mestilah menyedari akan masalah-masalah yang didapati oleh kedua-dua negeri tersebut terlebih dahulu dan begitu jugalah daripada Sarawak dan Sabah terhadap rakyat dan pemimpin di Semenanjung Malaysia.

Kedua, menyedari bahawa Sabah dan Sarawak jauh ketinggalan dalam bidang pembangunan, Kerajaan Persekutuan hendaklah menyelaraskan dan menseimbangkan perbezaan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dalam semua aspek pembangunan termasuklah aspek pembangunan struktur, infrastruktur dan sebagainya.

Ketiga, dalam bidang pendidikan dan pelajaran, kita haruslah dengan tegas dan sebagainya untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan menggunakan Bahasa Kebangsaan di peringkat sekolah-sekolah dan sebagainya. Dan juga walaupun sekarang Kerajaan tak mempunyai cadangan untuk menubuhkan sebuah universiti tersendiri di Sabah dan Sarawak, namun demikian janganlah kita membuang kan langsung hasrat itu. Kalau dapat kita cuba kalau tak dapat di masa ini, di masa yang akan datang kita berusaha untuk mendirikan sebuah universiti tersendiri di Sabah dan Sarawak.

- (4) Kerajaan Pusat perlu meneruskan pengwujudan sistem-sistem perhubungan dan pengangkutan yang baik dengan Sabah dan Sarawak sama ada dengan udara atau dengan laut, pos ataupun dengan telefon;
- (5) Kerajaan Pusat perlu menyelaraskan dan memanjangkan dengan berkesan dan berhati-hati ataupun berjaga-jaga juga agensi-agensi Kerajaan Persekutuan ke Sarawak dan Sabah dan sekiranya tidak dilaksanakan dengan berhati-hati walaupun perlu untuk menyelaraskan pembangunan, ianya mungkin menimbulkan sensitiviti;
- (6) Pertukaran pegawai-pegawai di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak perlu dipesatkan dan

diseimbangkan. Tetapi mestilah dilakukan dengan adil dan saksama dari segi kemudahan dan elaun;

- (7) Pegawai-pegawai Gred C ke atas saya cadangkan diberi peluang oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan mereka untuk melawat wilayah masing-masing. Pegawai Sarawak diberi peluang untuk melawat Semenanjung dan yang di Semenanjung melawat Sarawak. Setidak-tidaknya dua kali setahun. Dan vote, dengan izin, mesti disediakan untuk pegawai-pegawai ini. Jadi kadang-kadang misal kata, dulu saya di Kementerian saya hendak bawa pegawai saya ke Sarawak, dia kata tidak ada peruntukan. Jadi saya kata macam mana hendak tahu hal Sarawak? Jadi ini perlu kita beri penekanan supaya dapat diwujudkan integrasi di antara dua benua itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Program-program RTM dan sibaran am juga perlu diselaraskan agar orang-orang Sarawak dan Sabah merasai bahawa mereka adalah sebahagian daripada Malaysia. Program RTM misal kata dicantumkan, ada yang program itu mesti diperbanyakkan mungkin dari Sarawak, dari Sabah dan sebagainya.

- (9) Mentaliti dan attitude kedua-dua golongan mestilah diubah dan mestilah disesuaikan. Misal kata kadangkala dalam mesyuarat, dalam pengucapan, kadang-kadang lupa pegawai-pegawai atau Ahli Yang Berhormat misal kata lupa, seolah-olah Ahli Yang Berhormat, dari Semenanjung Malaysia ialah Semenanjung

Malaysia, bukan Sabah dan Sarawak—seolah-olah. Kadang-kadang kalau kita hadir di mesyuarat-mesyuarat, kadang-kadang lupa bahawa mereka itu sebahagian daripada Malaysia. Jadi, mentality dan attitude ini perlu kita ubah. Di Sarawak begitu juga. Kita tanya orang Sarawak seolah-olah Sarawak itu bukan sebahagian dari Malaysia. Jadi kalau orang kampung tiada hal, ini pegawai-pegawai tinggi kadang-kadang terpaksa kita beri penerangan, jangan macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, gulungkan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ya, gulungkan ini. Saya potong, Tuan Yang di-Pertua.

- (10) Dari segi politik. Saya berpendapat sekarang DAP sudah ada di Sarawak. PAS pun rasa-rasa saya mungkin masuk. Jadi saya rasa UMNO ini perlu juga masuk—saya rasa. Dan begitu jugalah yang lain-lain. MCA apa salah masuk. Jadi kerana kita menyedari bahawa. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** MIC tidak payah. (Ketawa)

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Terpulang. Kerana, dengan izin, the political reality, kita mesti sedari dalam perhimpunan agung parti, Menteri-menteri yang memohon dilantik atau dipilih dalam jawatan itu kadang-kadang mereka hanya concentrate, dengan izin, di kawasan UMNO saya kata di Semenanjung sahajalah. Pergi melawat Semenanjung tiap-tiap hari dalam satu bulan sebelum perhimpunan agung. Tetapi mereka tidak endahkan Sarawak. Kenapa? Tidak ada undi-undi itu tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila sudahi.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Yang kedua, akhir sekali. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ayat yang akhir sekali. . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ayat yang akhir sekali. Yang keduanya, Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri daripada UMNO, MIC, MCA, Gerakan oleh kerana undi itu hanya di Semenanjung jangan hanya fikir soal undi. Kalau melawat sama ada juga lawatan itu dilakukan lebih kerap ke Sarawak dan Sabah, jangan hanya di Semenanjung. Begitu juga kami yang berkhidmat di Semenanjung, kami melawat negeri-negeri di Semenanjung sebagaimana kerapnya kami melawat Sabah dan Sarawak. Ini, kalau dilaksanakan insya Allah akan membuahakan kejayaan untuk mencapai matlamat integrasi nasional, integrasi Wilayah yang sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Besut.

3.54 ptg.

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Belanjawan 1988 dan ingin mengambil kesempatan dalam masa yang singkat ini untuk menyaran dan mengingatkan kepada Kerajaan iaitu semasa kita menjalankan usaha-usaha, terutama sekali usaha-usaha jangka pendek, sama ada di dalam rancangan dan program-program pemulihan dan pertumbuhan ekonomi, penjimatan perbelanjaan, penswastan dan lain-lain, maka janganlah sekali-kali kita melupai dan mengabaikan, lebih-lebih lagi janganlah sekali-kali kita membelakangkan beberapa matlamat

Dasar Kebangsaan utama yang kita wujudkan semenjak negara kita mencapai kemerdekaan.

Umpamanya, sebagaimana yang kita semua maklum, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Bahasa, Dasar Kebudayaan dan begitu juga dasar pemerintahan negara yang berasaskan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, satu daripada matlamat utama Dasar Ekonomi Baru negara iaitu menyusun semula masyarakat. Kalau dahulu orang-orang Melayu di negara kita ini hanya dikenali sebagai petani-petani dan penduduk-penduduk luar bandar, dan mereka tidak berkeupayaan mengambil bahagian di dalam bidang-bidang perusahaan dan perniagaan, maka melalui Dasar Ekonomi Baru, negara mengharapkan orang-orang Melayu juga akan mengambil bahagian di dalam bidang-bidang tersebut.

Maka usaha-usaha telah dijalankan dengan gihnya melalui perancangan, program-program tertentu sehingga pada akhir tahun 70an dan awal tahun 80an kita dapati boleh dikatakan Dasar Ekonomi Baru ini telah pun menunjukkan kejayaan yang begitu ketara.

Saya dapati orang-orang bumiputera ramai yang menjadi usahawan-usahawan yang berjaya di negara kita ini, ramai juga yang menjadi peniaga-peniaga berjaya, yang menjadi pemaju-pemaju dan pemborong-pemborong binaan yang berjaya. Syarikat-syarikat bumiputera juga telah dikenali di seluruh negara dan begitu juga di peringkat antarabangsa.

Melalui kejayaan Dasar Ekonomi Baru ini juga telah ramai golongan profesional bumiputera yang dapat memainkan peranannya di dalam pembangunan dan pertumbuhan

ekonomi negara kita ini. Tetapi malangnya oleh sesuatu sebab yang barangkali kita tidak patut menyalahkan sesiapa pun, terutama sekali dengan kemerosotan ekonomi negara akibat daripada kemerosotan ekonomi di seluruh dunia, dan dengan kesempitan, kesulitan dan berbagai halangan yang dihadapi oleh mereka ini, maka pada pertengahan tahun 80an kita dapati ramai di kalangan bumiputera yang berjaya itu telah menghadapi masalah. Setengah daripada mereka telah pun bankrap dan ramai lagi yang sedang menunggu masa. Hakikat ini tidak dapat kita nafikan dan mesti kita akui ianya merupakan suatu malapetaka yang merugikan negara. Maka oleh yang demikian, saya mengharapkan dan menyarankan supaya Kerajaan memberi pandangan yang amat serius mengatasi masalah ini.

Saya fikir tidaklah adil kalau kita menganggap semua yang berlaku itu, umpamanya syarikat-syarikat bumiputera bankrap, usahawan-usahawan bumiputera gagal pada masa ini adalah semata-mata kerana kesalahan mereka sendiri, dan kita mengatakan bumiputera tidak boleh diharap. Kalau diberi jaga bank, mereka menipu bank. Kalau diberi apa-apa peluang atau amanah; mereka memecah amanah itu. Oleh sebab itu maka kita tidak perlu lagi memberi bantuan untuk memulihkan mereka ini.

Saya fikir anggapan seumpama ini secara menyeluruh adalah satu anggapan yang tidak adil. Kalau pun ada 50, 100 atau 200 di antara bumiputera yang bersifat demikian, maka tidaklah boleh kita menggulungkan semua begitu. Mungkin ada 1,000 lagi yang jujur, yang benar-benar menghadapi masalah dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, tidak patut kita gulungkan di dalam golongan yang sama. Kita patut memberi bantuan untuk

pemulihan mereka yang jujur ini. Oleh yang demikian, hendaklah kita mengadakan klasifikasi yang tepat dan mana-mana usahawan-usahawan, mana-mana syarikat bumiputera yang menghadapi masalah dan masih berpotensi untuk hidup kembali dan maju kembali, hendaklah diberi perhatian yang serius. Bila saya sebut usaha-usaha yang serius, ini bermakna kalau pun kita tubuhkan tabung pemulihan, maka tabung pemulihan ini hendaklah bergerak dengan serta-merta.

Pada satu ketika Bank Bumiputera menghadapi masalah dan Kerajaan telah mengarahkan PETRONAS menyelamatkan Bank itu. Maka saya percaya PETRONAS juga pada masa ini boleh memainkan peranan untuk menyelamatkan setengah-setengah syarikat bumiputera yang berpotensi yang pada masa ini menghadapi masalah untuk mereka hidup kembali memainkan peranan membantu untuk pertumbuhan ekonomi dan membangunkan negara yang kita kasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu contoh berkenaan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Satu daripada perkara yang dilaksanakan oleh Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah mewujudkan sistem persekolahan yang menggunakan pengantar Bahasa Malaysia daripada peringkat serendah-rendah sehingga ke peringkat universiti. Peluang ini telah mengubah corak masyarakat dalam negara kita. Izinkanlah saya mengingatkan kita kembali kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu seperti Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Abdul Rahman Talib, Allahyarham Aminuddin Baki, Ungku Umar dan lain-lain yang begitu gigih mengusahakan berbagai program, dasar, perancangan dan perlaksanaannya di sekolah-sekolah

dibidang pendidikan untuk membolehkan anak-anak Melayu di luar bandar yang pada masa dahulu ketinggalan di dalam pelajaran untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi sampai ke universiti di dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin kita itu masuk kampung menjelajah kawasan luar bandar, termasuklah di antara kita yang masih ada di Dewan ini pada masa itu juga memainkan peranan. Kita menyeru ibubapa, "Pakcik mestilah bersedia menghantar anak-anak menuntut pelajaran sampai setinggi-tingginya, peluang telah terbuka, tiada duit pun, Kerajaan insya Allah, akan membantu dengan berbagai-bagai cara. Janganlah pakcik-pakcik, kalau pakcik sekarang menjadi penoreh getah, nelayan atau petani, anak-anak pakcik juga kelaknyanya akan menjadi nelayan, penoreh getah atau petani". Seruan itu dibuat oleh kita sekalian pada masa itu dan hasil daripada seruan kita itu telah memberi kejayaan besar. Orang-orang Melayu di luar bandar telah berlumba-lumba mengambil berat di dalam bidang pelajaran sehingga anak-anak mereka telah berjaya menuntut pelajaran melalui bantuan dan pertolongan institusi-institusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan agensi-agensinya Kerajaan di negara kita sehingga mereka itu mendapat kelulusan di luar negeri, di dalam negeri, di berbagai universiti, institusi pengajian tinggi dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, mereka itu kembali ke tanah air membawa sijil, kelulusan yang mereka peroleh di institusi-institusi pengajian tinggi. Mereka pada masa ini mencari pekerjaan. Saya difahamkan ada lebih kurang 30,000—40,000 orang mereka itu yang sekarang ini telah digulungkan sebagai golongan

siswazah menganggur. Mereka berjumpa Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, pemimpin-pemimpin, Wakil-wakil Rakyat termasuklah saya sendiri. Maka jawapan yang kita beri secara umumnya sebagaimana yang kita baca dalam akhbar-akhbar, yang pertama bukan tanggungjawab Kerajaan memberi pekerjaan kepada awak semua, awak mestilah berdikari. Kerajaan tidak mampu memberi pekerjaan kepada semua siswazah dalam negara kita ini.

Yang kedua, kita nasihatkan mereka, usahalah berdikari menanam cendawan, bela ikan, usahakanlah tanah terbiar. Ada di antara mereka secara senyap-senyap bersimpati cakap dengan ibubapa mereka menempelak kita balik. "Dahulu mereka kata, anak petani tidak mahu lagi balik menanam cendawan macam ayahnya, sebab itu mereka belajar di institusi pengajian tinggi dalam komputer sains, kejuruteraan dan lain-lain. Kalau hendak tanam cendawan, takkanlah sampai pergi belajar dapat ijazah dalam komputer sains". Ini kata mereka, bukan kata saya. Sekali-sekala saya fikir ada betulnya juga. Maka oleh yang demikian, saya menyarankan golongan 30,000—40,000 ini anggaplah sebagai aset negara yang penting, mereka adalah golongan generasi yang pertama daripada negara kita selepas negara kita merdeka yang menuntut pelajaran di bangku sekolah dan keluar dengan ijazah. Maka kita terimalah mereka ini sebagai pekerja-pekerja di mana-mana sahaja sama ada, kalau tidak dapat dimasukkan ke dalam sektor swasta, terpaksa kita terima mereka berkhidmat dalam perkhidmatan awam secara automatik. Bilangan mereka hanya 30,000—40,000 sahaja dan mereka ini pergi menuntut pelajaran ialah atas galakan kempen kita melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Sekarang ini baharulah boleh kita kempen kepada anak-anak kita yang di bangku sekolah, ingatkan mereka, mereka kembali besok jangan lagi mengharap bekerja dengan Kerajaan. Mestilah bersedia untuk berdikari. Tetapi saya fikir tidak adil untuk golongan yang 40,000 ini kita berkata demikian, kerana pada masa dahulu kita berkempen kepada mereka dan kita memberi harapan kepada mereka bahawa merekalah akan menjadi pentadbir negara, akan menjadi usahawan di dalam negara, akan menjadi pengendali negara kita ini kerana mereka adalah generasi pertama selepas negara kita merdeka yang dapat peluang menuntut pelajaran sampai ke universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya jangka masa untuk saya ada lima minit sahaja lagi dan saya akan menyentuh satu dua perkara sahaja lagi dengan cara ringkas. Satu lagi ialah berhubung dengan Sistem Demokrasi dan Raja Berperlembagaan. Sistem ini kita putuskan setelah kita mencapai kemerdekaan. Dahulu banyak pilihan yang kita boleh lakukan. Kita boleh jadikan negara kita republik, kita boleh jadikan negara kita sebuah negara komunis dan sebagainya. Tetapi kita telah memutuskan, kita mahu sistem pemerintahan negara kita ialah Sistem Demokrasi Berparlimen dan kita mewujudkan institusi Raja Berperlembagaan. Maka sehingga pada masa ini saya rasa kita masih berhasrat mengekalkan sistem itu. Oleh itu pada amalan kita pada masa ini juga mestilah diteruskan untuk tujuan mengekalkan sistem itu.

Baru-baru ini masalah yang wujud dalam negara kita telah menggugat keselamatan negara. Maka Kerajaan telah mengambil tindakan segera bagi mengamankan negara, kerana kita ingat janji kita yang pertama setelah kita mencapai kemerdekaan, sebagaimana yang termaktub sebagai slogan utama Parti Perikatan pada masa itu ialah, Keamanan, Keadilan

dan Kemakmuran. Saya rasa pada masa ini pun ketiga-tiga slogan itu menjadi asas pegangan slogan kita, perjuangan kita dan pelaksanaan segala dasar kita.

Saya menyokong tindakan Kerajaan untuk mengamankan negara, untuk mencegah sebarang kejadian yang boleh menggugat keselamatan negara seperti yang dilakukan baru-baru ini, pertama sekali apabila kita bertindak dengan serta merta menghapuskan ataupun mengelakkan kejadian pertelingkahan kaum. Itu tindakan yang sangat sesuai, kerana mengikut kata pepatah orang tua-tua pun begitulah. Saya quote di sini, "Kalau kita yang berak di tepi jalan, janganlah kita komplek bau busuknya sahaja, maka bersesuaiilah kita berusaha untuk mencuci atau membersihkannya."

Saya anggap kejadian baru-baru ini adalah hasil daripada perbuatan kita sendiri. Saya gunakan perkataan kita di dalam Dewan ini bermaknanya semua pihak terlibat termasuk parti Pembangkang, termasuk parti-parti politik dalam Barisan Nasional, termasuk Menteri-menteri di dalam Kerajaan sendiri pun ada terlibat sedikit sebanyak sama ada melalui kata-kata, perbuatan dan sebagainya, sehingga menyebabkan rakyat daripada berbagai kaum begitu gelisah, sehingga keselamatan negara dianggap oleh Ketua Polis Negara sebagai amat tegang, maka tindakan serta-merta telah diambil. Tetapi dalam kita mengambil tindakan ini jangan pula kita mengorbankan slogan utama yang saya sebutkan tadi iaitu keadilan. Mestilah tindakan-tindakan diambil secara adil dan jangan sekali-kali mempunyai hasrat penindasan dan penganiayaan di dalam proses kita mengambil langkah-langkah menjamin keselamatan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung pandangan saya ini dengan sekali lagi memberi ingatan bahawa apa pun usaha kita untuk menjayakan Belanjawan 1988 ini dan juga usaha-usaha kita di dalam pemulihan ekonomi negara dan sebagainya janganlah pula kita mengabaikan tiga golongan utama yang menjadi asas kepada kemerdekaan dan pembangunan negara. Golongan ini, yang pertama ialah pekerja-pekerja sektor awam, janganlah pekerja-pekerja ini menjadi landasan, setiap kali kita hendak menjimatkan belanja golongan inilah menjadi sasaran. Golongan yang kedua ialah Pasukan Keselamatan termasuk anggota polis dan tentera. Mereka ini tidak dapat dinafikan merupakan asas wujudnya negara kita ini, yang memperteguhkan kedudukan negara, dan janganlah kita mengabaikan kepentingan mereka itu. Golongan yang ketiga, sebagaimana matlamat Dasar Ekonomi Baru membasmi kemiskinan, ialah rakyat yang berpendapatan rendah terutama sekali rakyat miskin di luar bandar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.13 ptg.

**Tuan Haji Omar bin Wan Majid (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana diberi peluang. Saya tumpukan ucapan saya kepada perkara-perkara yang penting kerana masa tidak begitu mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan pembangunan sebanyak \$6,885 juta adalah satu peruntukan yang jauh daripada apa yang diharapkan oleh rakyat. Namun demikian, rakyat sudah tentu mempunyai kesedaran bahawasanya

itulah sahaja kemampuan yang ada kepada Kerajaan pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, sebarang rancangan Kerajaan, sebarang pandangan cerdik-pandai dan sebarang permohonan serta rayuan dari rakyat tidak akan berhasil sekiranya masih ada di antara kita, yang berusaha hendak cuba menimbulkan berbagai masalah yang boleh mendatangkan malapetaka kepada negara sebagaimana yang telah kita alami pada masa ini.

Di sini saya ingin menyoal apakah sebenarnya usaha yang telah kita buat selama ini tidak memberi kesan yang baik untuk hendak menyatupadukan seluruh rakyat dalam negara kita. Apakah dasar pelajaran kita, apakah dasar sukan, dasar kebudayaan dan sebagainya itu tidak memberi kesan, adakah ianya terlalu berat untuk rakyat hendak berfikir bagi hendak menyampaikan cita-cita kita bersatupadu dalam negara kita. Jika semuanya ini kita rasa sukar hendak terima, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak anjur supaya dunia ini kita sempitkan, kita jadikan seolah-olah sebuah rumah dan manusia ini kita kecilkan saiznya menjadi seekor cicak. Kemudian kita belajar dari cicak ini bagaimana binatang yang begini kecil berusaha untuk hendak mengelakkan daripada bergaduh dan berbalah supaya mereka hidup dengan baik.

Kalau kita jadikan dunia ini sebagai sebuah rumah, di dalamnya ada empat bilik. Katakanlah bilik tamu berwarna putih, bilik tidur warna kuning, bilik makan warna biru dan bilik dapur berwarna gelap. Jika kita perhatikan dalam bilik-bilik ini kita dapati cicak juga warnanya berlainan. Cicak di bilik tamu berwarna keputihan kerana bilik itu berwarna putih, di bilik tidur cicaknya berwarna kekuningan kerana bilik itu berwarna kuning. Demikian juga kalau kita lihat pada cicak yang tinggal di dapur berwarna kebiru-biruan tetapi di bilik setor kita akan

dapat warna cicak itu kehitaman. Jadi, bagaimana cicak dari setor cuba hendak hidup di bilik tamu. Pada mulanya apabila cicak itu datang ke bilik tamu warnanya masih berbeza dan berlainan dengan cicak di bilik tamu dan perbalahan sering timbul kerana perbezaan warna. Apabila benar cicak dari bilik setor itu ingin hidup di bilik tamu dia terpaksa mengambil masa menyesuaikan warnanya sehingga ia jadi keputihan sebagaimana cicak yang sedia ada. Dengan cara itu, cicak itu tidak lagi bergaduh. Kalau bergaduh pun mereka hanya berebut kerana makan sahaja.

Tetapi kita lihat dalam kita ini, kita lihat kita sendiri, walaupun kita mengaku sebagai rakyat dalam satu negara tetapi kita masih hendak mengekalkan keadaan keturunan asal kita dahulu. Masing-masing hendak mengekalkan kebudayaan, bahasa dan sebagainya. Jadi, sudah tentulah jika ini masih kita lakukan, kita tidak akan mendapat persefahaman yang baik dan sudah tentu jika kita selesai hari ini beberapa hari akan datang dia akan timbul kembali. Sebab itulah saya minta semua kita ini, kita akui di sinilah bumi yang kita pijak dan di sinilah langit yang kita junjung dan tidak seharusnya, tidak seharusnya sesiapa juga cuba menimbulkan suasana dengan membeza-bezakan keadaan kita dalam negara kita ini. Saya rasa saya tidak hendak bercakap lebih keras dari itu dan ini sudah terlalu faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kadang-kadang terfikir mengapa kita berlaku seperti keadaan yang berlaku hari ini. Kalau kita dalam sebuah rumah mungkin perkara ini bukannya datang dari satu pihak sahaja, mungkin ada kesilapan dari pemimpin-pemimpin kita, mungkin ada kesilapan dari diri sendiri yang saya rasa menjadi tanggungjawab dan tugas kita semua termasuk pemimpin

sama-sama melakukan perbuatan yang baik.

Kalau kami di Kelantan ada satu jenis permainan yang boleh mengajar orang ramai dan boleh mengajar pemimpin-pemimpin iaitulah satu permainan yang pernah orang-orang dahulu main, tetapi kurang dimainkan oleh orang sekarang. Mungkin dari daerah-daerah yang lain tidak mengenali permainan ini iaitu permainan "to-to tombok". Permainan ini ada perbuatan dan ada nyanyian-nyanyiannya sekali, ada sajaknya sekali yang boleh dibaca.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak sebutkan permainan to-to tombok ini mesti bermain lebih daripada satu orang, ertinya dua orang ke bilangan yang lebih ramai. Permainan to-to tombok, kata orang Kelantan. To-to tombok Mak Yong dedeh; pecah sebiji, pecah semua. Itu babak pertama dalam permainan ini. Manakala babak yang kedua pula, satu iring, dua iring; semangkuk dewa-dewa, temu tahi ayam kering; cak peluk dada. Inilah pengajaran yang telah dididik di Kelantan dahulu dari masa budak-budak lagi. To-to tombok, to-to tombok Mak Yong dedeh. To-to ini sama dengan ong dalam kempen teh. Dia tidak memberi apa-apa makna. Tetapi tumbuk genggam, ini to-to tombok—genggam, tumbuk. Mak Yong dedeh, menggambarkan orang mendapat perlindungan di istana. Ertinya orang di bawah satu pemerintahan Raja. Mak Yong dedeh ini lereh, kata orang Kelantan.

Saya pun tak tahu apa ini—leka. To-to tombok, to-to tombok Mak Yong dedeh; pecah sebutir, pecah semua. Maknanya itulah perpaduan kita. Apabila kita terpaksa hancur, biarlah semua hancur. Cara bermainnya ditindih tangan begini. To-to tombok, to-to tombok Mak Yong dedeh, diulang beberapa kali sehingga pecah

semua baru dikata, satu iring, dua iring, semangkuk dewa-dewa; temu tahi ayam kering; cak peluk dada. Seorang pun kita turut, dua pun kita beri iring-iring seolah-olah dalam satu mangkuk, termasuk di dalamnya pemimpin dan rakyat. Di sinilah terletak perpaduan kita yang menjadi pemimpin mesti menghormati, mesti menghormati orang yang dipimpin dan yang dipimpin pula menghormati orang yang memimpin.

Apabila berlaku sesuatu perselisihan sesama kita, maka kita selesaikan dalam mangkuk itu supaya tidak keluar, termasuk pemimpin yang menjadi Menteri ini. Kalau saya tidak betul, panggil saya nasihatkan, jangan bila "temu tahi ayam bubuh di hidung", kata orang Kelantan. Sebab itulah sama ada pemimpin ataupun orang yang dipimpin apabila bertemu dengan "tahi ayam" mesti letak di dada. Ertinya, simpan dalam hati, biar pecah di perut, jangan pecah di mulut. Itulah tugas kita untuk hendak menyatupadukan negara. Tetapi kita jangan lupa, dalam permainan ini telah diajar, begitu pun usaha kita, kita tidak boleh lari daripada musuh. Sebab itu musuhnya ada. Musuhnya berikhtiar untuk menghancurkan kita dengan kata-katanya dalam permainan ini juga, apabila kita kata "seiring, dua iring, semangkuk dewa-dewa—temu tahi ayam kering; peluk", kita mesti berpeluk di sini kuat. Kemudian musuhnya mari. Musuh datang hendak menghancurkan perpaduan kita dengan perkataan "tebang-tebang tunggul, tunggul mati akar; Cik Daud tiup serunai, Cik Ali tukang gendang—air laut masuk sungai, air sungai masuk bendang". Ini watak musuh. Dia hendak tebang kayu yang telah menjadi tunggul. Bukan kayu yang rendang, akar yang kukuh. Dia hendak tebang kayu yang telah menjadi tunggul yang telah mati, yang dikehendaknya mati akar. Untuk

mematikan akar ini ada peranan yang memainkan api supaya kayu itu mati. Watak jahat ini diletak kepada Cik Ali dan Cik Daud—tiup serunai. Kerana rahsia tidak dapat tahi ayam sudah peluk di dada, dia akan timbulkan berbagai fitnah supaya keadaan huru-hara, dan digambarkan huru-hara—air laut masuk ke sungai, air sungai masuk ke bendang—yang menyebabkan semuanya mati, padi pun tidak jadi. Inilah huru-haranya. Kalau ini berlaku maka musuh-musuh akan cuba bertanya “kayu apa?” Selepas dia terbang, dia tanya kita, kayu apa! Jadi, saya rasa ini juga, kalau kita lihat peristiwa 13 Mei dulu pun, bermulanya daripada kekukuhan pemerintah kita, parti yang menjadi teras kita mula berpecah, akhirnya musuh-musuh negara ini berani mencuba dan saya lihat hari ini pun keadaannya lebih kurang sama.

Sebab itu dia tanya, kayu apa? Kalau kita kata kayu betik, musuh senyumlah, sebab dia tarik sedikit sudah tercabut. Tetapi ingat, apabila musuh beria-ia benar hendak menghancurkan kita, kita terpaksa menjawab, dalam permainan ini mengajar kita kena kata “kayu tok la bukit—ringkasan daripada kayu katok kepala sakit”. Orang Kelantan pendekkan “Kayu tok la bukit”. Jadi saya menyokong tindakan Perdana Menteri. Kalau kita biarkan lagi musuh-musuh ini cuba menabur berbagai fitnah, cuba menimbulkan berbagai masalah dan kita telah yakin bahawasanya negara ini akan huru-hara, maka jawabnya ialah “kayu tok la bukit” siapa hendak cuba menyerang kita terpaksa mengambil tindakan supaya dia rasa sakit, baru dia sedar, Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa tidak hendak bercakap lebih panjang kerana masih ada seorang lagi yang sepatutnya bercakap. Sekian sahaja dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pensiangan.

4.24 ptg.

**Tuan Taimin bin Lumaing (Pensiangan):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka turut sama membahaskan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi Perbekalan Belanjawan 1988. Saya bersetuju dan menyokong usaha Kerajaan ke atas belanjawan ini yang pada amnya menitikberatkan tentang peningkatan produktiviti luar bandar. Walaupun jika kita kaji secara rapi tentang Bekalan ini kita dapati bahawa Belanjawan ini lebih rendah daripada keperluan masyarakat jelata Malaysia, terutama sekali kepada pembangunan infrastruktur dan pemulihan-pemulihan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya seperti juga Ahli-ahli lain yang berpendapatan positif bahawa ekonomi negara kita yang masih rendah dan kita kuatiri ini, haruslah kita ambil perhatian dengan teliti perselisihan faham secara perkauman dan corak emosi haruslah kita hentikan, demi kebaikan negara kita. Dengan pertikaian ini berterusan, maka kita akan mengakibatkan kerugian yang besar kepada rakyat dan negara Malaysia yang kita cinta ini. Marilah kita sama-sama berjuang kepada bangsa jelata Malaysia dan negara kita, dan ini kita harus ketepikan soal politik bagi kepentingan sendiri yang hanya mencari populariti. Negara kita yang kini terlibat dalam kemelesetan ekonomi dunia sangatlah memerlukan tenaga dan usaha kita semua, khususnya Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini, para profesional dan para peniaga dalam membanteraskan masalah ekonomi negara kita.

Saya amatlah tertarik tentang Perbekalan peruntukan bagi Kementerian Kerjaraya yang nampaknya sangatlah tertumpu kepada jalan-jalan besar sahaja. Dalam hal ini saya berpendapat bahawa Kementerian ini kurang berinisiatif bagi pembangunan luar bandar yang mana mereka inilah yang harus dan yang perlu kita beri keutamaan dan memberi khidmat sesungguhnya kemerdekaan kita. Dalam kawasan pilihanraya Parlimen Pensiangan, perhubungan adalah sangat sukar sekali, sebilangan besar kampung-kampung masih menggunakan jalan-jalan foot-track, dengan izin, atau jalan hutan. Sedangkan jalanraya utama dari Pekan Keningau ke Pekan Nabawan masih teruk. Dalam keadaan seperti ini saya merayu kepada Kementerian ini supaya dapatlah memperuntukkan projek ini, dalam Perbekalan tahun 1988 ini untuk mengaspalkan atau mungkin Kementerian dapat memulakan sistem penggunaan simen ke atas jalan utama ini. Demikian juga jalanraya-jalanraya seperti dari Pekan Nabawan ke Kampong Agis dan seterusnya ke Pekan Pensiangan sejauh 30 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kementerian Pertanian telah mengurangkan atau memberi perkhidmatan yang lebih rendah berbanding dengan tahun-tahun yang lalu. Namun demikian, saya sangatlah tertarik kepada perancangan-perancangan yang telah diprogramkan oleh Kementerian ini dalam cara mempertingkatkan produktiviti para penduduk luar bandar. Dalam perkara ini prestasi Kerajaan memang tidak jemu dan inilah yang kita katakan khidmat untuk negara dan bangsa, dalam cara mempertingkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar maka kenalah Jabatan-jabatan ini supaya menyelidiki punca dan viabiliti tanaman-tanaman yang harus ditanam secara besar-besaran. Nampaknya

dalam negeri Sabah penanaman koko adalah sangat sesuai sekali. Tambahan pula tanaman ini mempunyai pasaran antarabangsa yang stabil. Walau bagaimanapun, terdapat di negeri Sabah bahawa para penanam dan pekebun-pekebun kecil tidak begitu diberi bantuan yang tegang, terutama sekali kaum bumiputera di luar bandar. Kerajaan haruslah menyediakan bantuan biji koko, baja dan bantuan teknikal dengan susulan yang rapi supaya program tersebut terjamin dan memperolehi kejayaan dengan produktif dan lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya rotan adalah sebahagian daripada hasil hutan negeri Sabah yang berpotensi yang mempunyai pasaran yang luas. Sekiranya Kerajaan memprogramkan projek ini secara penanaman semula secara besar-besaran, dengan cara penanaman moden, maka ini akan menjadi satu lagi punca komoditi negara kita yang mengeluarkan hasil yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah timbulkan awal-awal tadi mengenai keperluan-keperluan infrastruktur di negeri Sabah amatlah rendah berbanding dengan kemudahan-kemudahan yang ada di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia ini. Oleh itu, Kerajaan haruslah memastikan bahawa keseimbangan taraf hidup luar bandar, terutama sekali kaum bumiputera di luar bandar.

Di Sabah industri luar bandar sangatlah kurang, bahkan sebilangan besar daripada daerah-daerah di Sabah tidak mempunyai industri-industri seperti industri perkilangan dan sebagainya. Perkara ini adalah wajar sekali bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya dapat menyelidiki viabiliti industri yang telah didirikan di merata-rata daerah Sabah, dengan saranan ini maka penganggur-penganggur yang semakin meningkat

ini dapatlah kita kurangkan melalui program tersebut.

Dalam negara kita Malaysia tidak boleh dinafikan bahawa banyak intelek atau graduan kita yang kita tidak gunakan tenaga mereka, terutama dalam bidang kejuruteraan perkilangan.

Dalam kawasan Sabah terdapat kawasan yang luas, yang boleh diusahakan bagi maksud penanaman tebu (sugar-cane). Dengan adanya penanaman tebu ini secara besar-besaran, maka pengimportan gula daripada negeri luar dapat kita atasi.

Sehubungan dengan ini juga tebu mempunyai potensi pasaran yang sangat baik, maka saya percaya dan yakin suatu masa nanti negeri kita Malaysia akan menjadi pengeksport gula yang terbesar di rantau Asia ini.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Kementerian Pendidikan di negara ini adalah sangat wajar sekali dan Kementerian ini adalah bertanggungjawab kepada aspek peningkatan mutu para pendidik. Moral warganegara Malaysia melalui pendidikan dan melalui pendidikan juga kita memperolehi mental yang bernas dan berfikiran yang luas. Dalam aspek ini saya sukalah merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya mempergiatkan penyelidikan ilmu-ilmu moden demi meningkatkan taraf keilmuan dan kemahiran para pendidik di negara kita ini.

Saya percaya Kementerian ini sedar bahawa di negeri Sabah sebilangan besar sekolah-sekolah rendah kekurangan para pendidik yang mahir dan latihan lanjutan, demikian juga kemudahan-kemudahan sekolah di luar bandar sangatlah rendah dan ini haruslah dipertingkatkan.

Sukalah saya merayu kepada Kementerian ini supaya menggalakkan graduan-graduan yang masih menganggur supaya

mendapatkan khidmat mereka untuk menjadi pendidik atau guru. Dalam aspek ini kita akan mengurangkan pengangguran para graduan, dan aspek kedua mereka dapatlah menyumbangkan khidmat mereka kepada negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebilangan besar kampung-kampung di luar bandar, terutama sekali kawasan yang terpencil masih belum ada sekolah di Sabah, khususnya di kawasan Pensiangan. Oleh itu, Kementerian ini haruslah bertindak secepat mungkin demi kebaikan budak-budak atau kanak-kanak kita bumiputera yang tidak mampu bersekolah ke bandar-bandar atau pekan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari Sabah yang telah mengemukakan tentang masalah pelarian dan pendatang-pendatang haram yang selalu dikemukakan di Dewan yang mulia ini, tetapi nampaknya Kerajaan belum lagi mempunyai tindakan positif berkenaan perkara ini.

Masalah pelarian dan pendatang haram ini semakin hari semakin rumit, apakah ini tidak disadari oleh Kementerian Dalam Negeri? Yang paling merisaukan mereka ini bebas keluar-masuk dari Sabah ke negara mereka. Adakah pihak Kerajaan memikirkan bahawa kejadian seperti penyeludupan barang-barang dan mungkin najis-najis dadah tidak akan berlaku, tetapi ini ternyata sekali dengan beberapa tangkapan penyeludupan bahan-bahan letupan dan senjatapi di Pantai Timur Sabah pada tahun-tahun yang sudah, dengan itu Kerajaan Persekutuan, terutama sekali Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil langkah-langkah yang perlu secepat mungkin.

Keselamatan di perairan Pantai Timur Sabah haruslah diperketatkan, anggota-anggota Anti Najis Dadah

juga harus diperluaskan stesen-stesennya di seluruh Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga membangkitkan tentang kesihatan di dalam Negeri Sabah iaitu nampaknya Kementerian Kesihatan Persekutuan tidak begitu mengambil berat tentang pengawalan kesihatan di negeri Sabah, kerana pada masa ini banyak kes-kes yang berjangkit, seperti batuk kering (tuberculosis), malaria yang mana selalu membawa banyak kematian di negeri Sabah. Dengan itu, saya merayulah kepada Kementerian Kesihatan khasnya supaya hospital-hospital ataupun rumah sakit-rumah sakit yang terdapat di negeri Sabah itu diperluaskan. Begitu juga dispensari-dispensari luar bandar haruslah diperluaskan dan juga kakitangan perubatan mestilah mencukupi, oleh kerana pada ketika ini yang saya tahu dan difahamkan bahawa kakitangan-kakitangan perubatan tidak mencukupi di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan yang terjamin dan harmoni di kalangan rakyat juga perlu. Oleh itu, saya akan menggulung perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, integrasi nasional masih belum tercapai, dengan ini juga ekonomi negara kita turut terjejas. Dalam hal ini Kerajaan menitikberatkan untuk mengatasi perkara-perkara yang sedang berlaku ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1988 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat sampailah masanya bagi Menteri-menteri untuk menjawab. Saya mulakan dengan Jabatan Perdana Menteri.

4.38 ptg.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya

mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syor-syor terhadap beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam perbahasan atas dasar Belanjawan, Ahli-ahli Yang Berhormat dibolehkan menyentuh dasar-dasar Kerajaan semasa dan dalam tempoh perbahasan tersebut terdapat juga beberapa kejadian atau insiden yang menggemparkan Dewan. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan Persidangan dapat mengambil beberapa tindakan yang tegas dan dengan itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang di-Pertua serta Timbalan-timbalannya yang dapat mengawal dan membantu perjalanan Dewan dengan teratur dan sempurna walaupun terdapat beberapa insiden yang mengganggu perjalanan.

Pada hemat saya Ahli-ahli Yang Berhormat telah menggunakan kesempatan dengan sepenuhnya di dalam perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan dalam Dewan yang mulia ini.

Sepertimana termaklum Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat selain daripada menyuarakan hasrat rakyat dalam Dewan yang mulia ini juga memainkan peranan penting untuk memaju dan membangunkan negara. Tidak dapat dinafikan pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan yang baru lalu adalah berdasarkan atas asas-asas dan rasa tanggungjawab.

Dalam tempoh perbahasan selama 9 hari itu beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berbagai-bagai perkara yang perlu saya berikan penjelasan dan jawapan. Pada keseluruhannya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perpaduan, polarisasi kaum, projek kereta nasional, perkhidmatan awam, penswastan, rasuah, pengangguran, Dasar Ekonomi Baru, penerapan nilai-nilai Islam dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, Kepong, Bukit Bintang, Gopeng, Jerai, Sik dan Kuala Terengganu telah menyentuh beberapa aspek berkaitan dengan masalah perpaduan, polarisasi kaum dan cara-cara mewujudkan perpaduan antara kaum di negara ini. Mengenai syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tanjong dan Kepong supaya ditubuhkan satu Majlis Perundingan Kebangsaan, Kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian, ini adalah kerana pada masa ini Kerajaan telah pun mempunyai sebuah badan penasihat mengenai perpaduan iaitu Panel Penasihat Perpaduan Negara. Di peringkat kebangsaan, ahli-ahli badan penasihat ini terdiri dari berbagai pihak iaitu ketua-ketua kaum, ahli-ahli akademik, profesional, wakil-wakil Kerajaan, ahli-ahli agama dan lain-lain untuk nasihat serta memberi cadangan kepada Kerajaan dari semasa ke semasa mengenai aspek hubungan antara kaum dan perpaduan nasional.

Di peringkat negeri juga telah ditubuhkan badan penasihat iaitu Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri yang mempunyai peranan yang sama seperti panel penasihat antara lain memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan berkaitan dengan hal-hal perpaduan kaum.

Menyentuh cadangan DAP supaya diadakan satu moratorium selama satu tahun di mana isu-isu kaum, bahasa, budaya atau agama tidak ditimbulkan, Kerajaan berpendapat tindakan ini ianya tidak akan memberi apa-apa hasil dan kesan yang positif. Di sini ingin saya mengingatkan parti Pembangkang supaya bertanggung-jawab suasana perpaduan yang terjejas akibat tindakan mereka sendiri. Dalam hal ini mereka diingatkan tidak mengeruhkan suasana perpaduan.

Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang perpaduan dan ketegangan kaum. Apa yang dilihat bahawa perasaan kecurigaan dan prasangka antara kaum yang timbul baru-baru ini adalah disebabkan terdapatnya pihak-pihak tertentu yang cuba mengapi-apikan rakyat supaya membenci antara satu kaum dengan kaum yang lain dan juga terhadap Kerajaan. Sekiranya tidak ada perbuatan yang sedemikian rupa, keadaan curiga mencurigai, polarisasi atau seumpamanya tidak akan timbul.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai bahawa kalau semua pihak sedar betapa perlunya kita memelihara sensitiviti di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain, maka sudah tentu suasana ketegangan kaum tidak terjadi seperti yang telah berlaku. Tetapi sayang sekali ramai yang pandai bercakap sebaliknya tidak mahu berfikir akan kesan dan akibat ke atas apa yang dicakap dan diujahkan itu.

Kerajaan juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa semua kaum dalam negara ini mempunyai sensitiviti masing-masing yang berlainan dan perlu dihormati. Justeru itulah maka Kerajaan telah mewujudkan Akta Hasutan dan lain-lain untuk menjaga kepentingan semua kaum di negara ini.

Mengenai kesedaran terhadap perpaduan kaum di negara ini seperti yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sik, adalah benar bahawa semua golongan kaum perlulah menyedari hakikat pentingnya sifat sedia berkorban kerana jika pengorbanan dilakukan oleh satu kaum sahaja, sedangkan kaum lain tidak bersedia berkorban dalam menjayakan pengwujudan semangat perpaduan sudah pasti matlamat perpaduan negara tidak akan tercapai. Oleh itu rakyat mestilah mengambil ingatan supaya meletakkan keperluan dan kepentingan kebangsaan dan negara mengatasi segala semangat perkauman masing-masing.

Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu kerana mengingatkan Ahli-ahli Dewan tentang 4 unsur yang penting iaitu Kesultanan Melayu, Islam sebagai agama rasmi, Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara dan hak keistimewaan orang-orang Melayu.

Sememangnyaalah unsur-unsur tersebut telah diterima menjadi asas kemerdekaan Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu Ahli Yang Berhormat tersebut ada menyebut mengenai Dasar Ekonomi Baru yang mendapat kritikan dan tentangan dari golongan-golongan tertentu. Suka saya tegaskan iaitu Dasar Ekonomi Baru adalah satu-satunya pendekatan Kerajaan bagi mencapai perpaduan rakyat.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Kapit supaya RTM menambah rancangan dari Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan integrasi nasional, suka saya memaklumkan bahawa Jawatankuasa Penyelarasan Integrasi Negeri-negeri di Malaysia semenjak tahun 1983 bersama dengan Kementerian Penerangan telah pun meneliti dan

mengkaji mengenai liputan serta program RTM di Sabah dan Sarawak. Hasil dari kajian itu telah pun dibuat beberapa penyesuaian dari segi keseragaman liputan berita dan program-program lain antara negeri-negeri di Semenanjung dengan negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Kerajaan tidak bercadang menganjurkan satu mesyuarat khas pemimpin semua parti politik bagi membincang masalah polarisasi kaum kerana masalah ini adalah berpunca daripada orang-orang yang ingin melaga-lagakan kaum dan memecah-belahkan rakyat, termasuk pemimpin-pemimpin parti politik dari Pembangkang. Sekiranya tiap-tiap pihak, sama ada pemimpin-pemimpin parti politik atau orang perseorangan sedar tentang bahaya yang akan timbul akibat eksploitasi isu-isu perkauman, sudah tentu perkara seumpama ini tidak akan wujud. Sebaliknya jika perasaan dan semangat rakyat sentiasa dibakar dengan "api perkauman" oleh pihak-pihak berkenaan, maka sebanyak mana mesyuarat sekalipun diadakan, sudah tentu kesannya tidak akan berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa telah menyatakan bahawa projek kereta nasional Proton Saga telah menambah pengangguran kerana kemerosotan perniagaan syarikat-syarikat kereta yang lain, adalah akibat tindakan Kerajaan mengenakan cukai yang tinggi terhadap kereta-kereta jenis lain.

Saya tidak bersetuju dengan teguran Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa itu. Sebenarnya, faktor utama kenapa perniagaan syarikat pemasangan kereta merosot sehingga mengakibatkan penutupan dua buah kilang pemasangan kereta dan pemberhentian ramai pekerja-pekerja bukanlah kerana Kerajaan

mengenakan cukai yang lebih tinggi kepada kereta keluaran mereka bebanding dengan Proton Saga tetapi kerana kemelesetan ekonomi yang turut menjejaskan pasaran kereta dalam negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jualan kereta penumpang telah menurun dari 100,686 unit pada tahun 1983 kepada 51,652 unit pada tahun 1986 dan dijangka turun lagi kepada kira-kira 30,000 unit bagi tahun ini. Selain dari kemelesetan ekonomi, kemerosotan dalam permintaan kenderaan bermotor disebabkan oleh kenaikan harga-harga kenderaan tersebut yang berpunca daripada peningkatan nilai mata wang asing berbanding dengan ringgit Malaysia yang mengakibatkan kos-kos pengimportan pek CKD (Completely Knocked Down) dan komponen-komponen meningkat. Proton Saga seperti juga kereta-kereta jenis lain turut terjejas akibat kemelesetan dalam permintaan kereta penumpang ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap mencadangkan supaya Kerajaan meninjau kemungkinan mewujudkan inter-industrial trade, dengan izin, di bidang industri berat—sebagai contoh kerjasama pengeluaran syarikat Proton dengan syarikat pengeluaran kereta Volvo. Ini akan meningkatkan lagi bidang dan kecekapan pengeluaran dan menentukan “comparative advantage”, dengan izin, bagi negara kita.

Kerajaan sememangnya sedar betapa pentingnya digalakkan dan diwujudkan hubungan dan kerjasama di antara pengeluar tempatan dan pengeluar negara maju bagi memupukkan lagi perkembangan industri berat di negara kita ini. Mengenai kerjasama Proton dan Syarikat Mitsubishi di Jepun bagi mengeluarkan bahan/komponen kereta untuk dieksport yang

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, suka dimaklumkan iaitu pada masa ini sedang diusahakan pengeluaran komponen badan kereta yang dibentuk iaitu, stamped body parts, dengan izin, untuk dijual kepada Mitsubishi Motor Company, Sittipol Co. Ltd. yang bertempat di Thailand. Proton akan terus bekerjasama dengan Syarikat Mitsubishi untuk mengeluarkan badan kereta yang dibentuk bagi dipasarkan di negara-negara lain.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya mengenai Kerajaan kerana beliau mendakwa bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah gagal mencegah rasuah di peringkat atasan. Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat berkenaan meminta supaya BPR membuat siasatan mendalam ke atas kelulusan kawasan balak seluas 2,000 ekar di Pahang yang dikatakan diberikan oleh seorang Menteri Besar kepada seorang penghuni rumah kos rendah.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong yang menyatakan BPR telah gagal mencegah rasuah adalah satu tuduhan yang liar dan suka juga saya nyatakan bahawa istilah “ikan bilis” atau “ikan jerung” tidak wujud di dalam kamus BPR.

Menyentuh tentang cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya Kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya, izinkan saya ulangi sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa penubuhan Badan Pencegah Rasuah yang dipertanggungjawabkan untuk mencegah segala bentuk rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang ditegah oleh undang-undang sudah pun memadai. Kerajaan tidak perlu lagi menubuhkan sebuah suruhanjaya yang lain untuk menyiasat perkara yang sama dan sekiranya ditubuhkan, akan berlaku

pertindihan di dalam tugas serta peranan.

Suka saya tegaskan di sini bahawa sememangnya BPR bertindak dengan tegas dan adil menurut Undang-undang Rasuah yang telah diperuntukkan kepadanya, untuk memastikan pentadbiran Kerajaan serta Perkhidmatan Awam Bersih, Cekap dan Amanah.

Mengenai perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan, nampaknya Ahli Yang Berhormat masih menaruh keyakinan dan kepercayaan penuh kepada BPR untuk meminta pihak berkuasa berkenaan menyiasat perkara yang telah dibangkitkan itu.

Ianya adalah satu sumber maklumat dan telah pun diambil perhatian yang serius oleh pihak Badan Pencegah Rasuah. Saya berharap Ahli Yang Berhormat berkenaan dapat membuat laporan rasmi kepada badan ini dan seterusnya menjadi saksi sekiranya ada kes, supaya tidak berlaku lagi kesangsian di kalangan pihak Pembangkang.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong juga telah meminta Kerajaan menubuhkan segera sebuah Suruhanjaya mengenai "Kerajaan Baik dan Beretika" untuk menyiasat aduan-aduan mengenai percanggahan untuk kepentingan rasuah atau perlakuan tidak beretika dalam Kerajaan. Ini bertujuan untuk memulihkan kepercayaan dalam kehidupan dan kewibawaan serta kejujuran Kerajaan.

Kerajaan tidak nampak apa perlunya menubuhkan Suruhanjaya Penyasatan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kita sudah pun ada undang-undang untuk mencegah rasuah dan kita juga ada Badan Pencegah Rasuah untuk

menguatkuasakan undang-undang itu, dan Kerajaan berpuas hati dengan usaha penguatkuasaan undang-undang itu. Ini tidaklah pula bererti bahawa perbuatan rasuah sudah dihapuskan sama sekali. Selagi ada manusia yang tamak, selama itulah akan ada rasuah. Malangnya tidak semua kes dapat dikesan atau diambil tindakan selagi bukti baginya tidak diperolehi. Tetapi Kerajaan tidak yakin bahawa penubuhan suruhanjaya sebagaimana yang disebutkan itu akan dapat menyumbang kepada meningkatkan lagi tahap kejayaan yang telah dapat dicapai setakat ini dalam memerangi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah membangkitkan soal kedudukan undang-undang di negara ini dari segi kepentingan umat Islam dan agama Islam. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang yang ada sekarang di negara ini banyak yang berdasarkan prinsip-prinsip undang-undang Inggeris. Ini adalah warisan daripada penjajahan negara ini oleh orang-orang Inggeris.

Namun demikian kita harus juga mengakui bahawa undang-undang yang ada pada masa ini adalah perlu dan berguna bagi menjamin kesejahteraan negara dan rakyat, dan kebanyakannya adalah tidak bercanggah dengan Islam. Selagi pemerintahan negara ini berdasarkan pada Perlembagaan kita sebagaimana yang terdapat pada masa ini, secara umumnya kebanyakan daripada undang-undang ini mungkin akan terus dikekalkan, dan tidak mungkin kita dapat mengubah sistem perundangan di negara ini serta merta.

Menyentuh tentang penswastan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Pengkalan Chepa, Bukit Bintang dan Marang, di sini sukalah saya menjelaskan bahawa

di antara tujuan utama dasar penswastaan ialah:

- (I) mengurangkan beban kewangan dan perkhidmatan Kerajaan;
- (II) meningkatkan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan yang terlibat;
- (III) mengurangkan saiz dan penglibatan Kerajaan dalam sektor ekonomi; dan
- (IV) membantu untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru.

Berdasarkan tujuan-tujuan ini, penswastaan adalah dilakukan, kiranya perlu, kepada yang "kuat" dan yang "lemah" juga sememangnya, penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang tidak berdayamaju akan menguntungkan Kerajaan. Tetapi penswastaan perkhidmatan yang berdayamaju pun akan juga menguntungkan Kerajaan dan negara keseluruhannya, disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (I) Kerajaan masih boleh memperoleh pendapatan tahunan daripada jabatan/perkhidmatan yang diswastakan seperti bayaran pajakan, bayaran tetap tahunan, cukai pendapatan dan sebagainya;
- (II) Penswastaan Perkhidmatan Kerajaan yang berdayamaju pun akan menghasilkan peningkatan kecekapan dan produktiviti dan dengan ini meningkatkan pengeluaran dan pertumbuhan negara;
- (III) Penswastaan Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan berkenaan akan mengurangkan beban Kerajaan dari segi pembayaran emolumen, pencen, pinjaman bagi perumahan dan sebagainya; dan

- (IV) Penswastaan Perkhidmatan-perkhidmatan yang berdayamaju adalah selaras dengan tujuan mengurangkan saiz penglibatan Kerajaan dalam bidang ekonomi.

Kerajaan memang sedar akan keperluan untuk mengadakan satu pelan induk bagi penswastaan sejak mula dasar ini dibuat. Walau bagaimanapun, proses untuk memanggil tender dan melantik juruperunding terpaksa mengikut prosedur-prosedur Kerajaan yang sedia ada dan ianya memakan masa untuk diuruskan. Di samping itu kajian yang berkenaan memerlukan kepakaran yang khusus dalam bidang tersebut yang perlu dipilih dengan sebaik-baiknya.

Kajian ini akan menghasilkan suatu program jangka pendek dan panjang juga bagi melaksanakan projek-projek yang dikenalpasti untuk diswastakan. Walau bagaimanapun, ini tidak seharusnya membantutkan usaha-usaha yang sedang dijalankan dalam melaksanakan projek-projek yang boleh dan mudah diswastakan. Oleh itu, tindaklah perlu bagi projek-projek yang sedang dirancangan dan dipertimbangkan diberhentikan sama sekali sementara menunggu penyediaan pelan induk tersebut.

Dalam masa yang sama, Kerajaan perlu melaksanakan program-program penswastaannya memandangkan Kerajaan mengalami kekurangan sumber pembiayaan bagi mengadakan projek-projek pembangunan tersebut. Dalam hubungan ini, matlamat untuk memenuhi objektif utama dasar penswastaan, iaitu untuk mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan, adalah menjadi keutamaan Kerajaan dalam melaksanakan program-program penswastaan yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga maklumat mengenai penswastaan bagi sesuatu projek akan diumumkan

oleh Kerajaan apabila ianya ditender kelak.

Di dalam membuat keputusan sama ada sesebuah jabatan atau agensi Kerajaan itu diswastakan atau tidak, kajian yang teliti akan dipertimbangkan dan pertimbangan yang wajar dibuat bagi menjamin bahawa ianya akan memberi kesan yang baik di dalam jangkamasa pendek mahupun dalam jangkamasa yang panjang.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyentuh mengenai pelaksanaan program penswastakan dan mencadangkan supaya Kerajaan hendaklah mengkaji dan berhati-hati dalam melaksanakan dasar tersebut. Dalam hal ini, ingin saya tegaskan bahawa memang benar Kerajaan bercadang untuk menyejajarkan pelaksanaan program penswastakan. Langkah ini bertujuan untuk memenuhi matlamat-matlamat yang telah digariskan di bawah dasar penswastakan khususnya untuk meringankan beban kewangan Kerajaan. Kerajaan memang berhati-hati dan tidak terburu-buru di dalam usahanya melaksanakan program penswastakan yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum sesebuah jabatan dan agensi Kerajaan diswastakan, kajian yang teliti diadakan berkaitan dengan kemungkinan jabatan dan agensi itu diswastakan. Kajian dilaksanakan dari masa ke semasa bagi setiap projek yang akan diswastakan. Dari kajian berkenaan, barulah dibuat keputusan untuk menswastakan jabatan dan agensi berkenaan.

Masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan iaitu program penswastakan ini mungkin akan disalahgunakan, adalah tidak timbul sama sekali. Walaupun Kerajaan telah dan akan menswastakan jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang memberi

perkhidmatan penting seperti bekalan elektrik, bukanlah bermakna Kerajaan akan mengeneipkan kepentingan rakyat. Kerajaan masih mempunyai kuasa kawalan ke atas perkhidmatan yang diswastakan bagaimana yang telah disebutkan tadi dengan beberapa cara pengawalan bagi memastikan perkhidmatan tersebut tidak terjejas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa antara jabatan mengenai penswastakan iaitu yang dikenal dengan JAJP yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi dan mempunyai urusetia di Unit Perancang Ekonomi telah pun ditubuhkan. Jawatankuasa ini pada keseluruhan bertanggungjawab bagi perancangan, pengawasan dan penilaian dasar penswastakan. Oleh yang demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat supaya diwujudkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen adalah tidak perlu lagi memandangkan ianya akan mempunyai fungsi yang bertindih nanti. Dalam urusannya, JAJP juga bertanggungjawab untuk memastikan supaya sesuatu perkhidmatan itu boleh diswastakan tanpa mengeneipkan kepentingan-kepentingan rakyat dan pekerja. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak perlu khuatir dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dengan dasar penswastakan akan mengurangkan peluang pekerjaan. Di sini ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan adalah merupakan majikan yang utama yang dapat memberikan banyak pekerjaan kepada rakyat adalah tidak benar. Sektor swasta juga dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Peningkatan produktiviti ini akan menghasilkan peningkatan pendapatan yang seterusnya permintaan aktiviti ekonomi dan pekerjaan, iaitu "income generation".

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan meminta supaya memastikan bahawa dengan urusan penswastaaan tidak akan berlakunya amalan rasuah, penyelewengan dan percanggahan, terutamanya di kalangan ahli-ahli politik. Di sini ingin saya jelaskan bahawa keputusan untuk menswastakan atau tidak sesebuah Jabatan atau agensi Kerajaan adalah dibuat dengan teliti dan berdasarkan kepada faedah-faedah yang akan diperolehi oleh Kerajaan daripada penswastaaan sesuatu projek berkenaan. Keputusan tersebut tidak sekali-kali mengambil kira kepentingan mana-mana individu, parti politik dan sebagainya, malah pertimbangannya yang wajar dibuat supaya ianya memenuhi matlamat utama dasar penswastaaan dari segi mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan serta lain-lain faedah kepada negara seluruhnya.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, saya suka menyatakan bahawa sememangnya dasar penswastaaan adalah tertakluk kepada Dasar Ekonomi Baru.

Mengenai masalah kumpulan rakyat miskin, "hardcore poverty group" yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kumpulan ini dalam melaksanakan rancangan pembangunan tanah. Peluang-peluang yang luas diutamakan kepada golongan miskin ini untuk menjadi peneroka rancangan tanah yang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan, seperti FELDA. Dalam hubungan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri juga memainkan peranan yang lebih besar dengan membuka peluang kepada rakyat dari negeri-negeri lain menjadi peneroka di rancangan-rancangan tanah negeri berkenaan. Sektor swasta juga membantu untuk menyerapkan

golongan-golongan ini dalam aktiviti swasta sebagai pekerja bergaji. Segala rancangan ini akan berjaya sekiranya rakyat mempunyai sikap yang positif untuk mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi.

Kerajaan memang sedar bahawa untuk menyelesaikan masalah kemiskinan, faktor-faktor lain selain daripada penyediaan kemudahan asas perlu juga diambil kira. Ini termasuk penyediaan peluang-peluang ekonomi seperti pembangunan tanah dan wilayah, pembangunan in-situ seperti projek pembangunan pertanian bersepadu dan penanaman semula perkhidmatan sokongan seperti subsidi, kredit dan pengembangan perikanan, penternakan dan lain-lain. Dengan demikian, dari peruntukan sebanyak \$4,200 juta yang telah disediakan untuk program-program pembasmian kemiskinan, hanya 22% sahaja diperuntukkan untuk kemudahan asas dan yang lainnya diperuntukkan untuk program-program ekonomi dan sosial yang ada hubungkait secara langsung dalam usaha pembasmian kemiskinan. Oleh itu, adalah tidak benar pandangan Yang Berhormat bahawa peruntukan sejumlah \$4,200 juta itu adalah untuk pembinaan kemudahan asas sahaja.

Syor supaya sektor swasta diberi galakan untuk menerajui pertumbuhan ekonomi negara, sememangnya menjadi dasar Kerajaan sekarang ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah membuat kenyataan berhubung dengan perkara ini dan dalam ucapannya semasa membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Kelima di Dewan ini tahun lalu, dalam pada itu Kerajaan telah berkali-kali merayu kepada sektor swasta untuk mengambil peluang ini dengan memberi galakan-galakan sewajarnya bagi membolehkan sektor swasta meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Dalam banyak hal, Kerajaan sendiri bersedia untuk melaksanakan segala yang mungkin bagi mengurangkan peraturan dan kawalan terhadap ekonomi secara berperingkat-peringkat. Langkah-langkah ini telah pun bermula, sebagai contoh, pindaan-pindaan yang dibuat ke atas syarat-syarat Akta Penyelarasan Perindustrian dan Garis Panduan Ekuiti yang lebih liberal bagi pelabur asing adalah langkah tertentu yang telah dibuat untuk mengurangkan peraturan dan kawalan ke atas ekonomi oleh Kerajaan. Kerajaan juga telah mengadakan sistem galakan untuk sektor swasta seperti terdapat dalam Akta Galakan Pelaburan yang telah diluluskan oleh Dewan ini.

Dalam cadangan Belanjawan 1988 ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun mencadangkan beberapa skim galakan pelaburan untuk sektor swasta. Di samping itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kos dana dan kos pengeluaran, antaranya pengurangan kadar faedah atas pinjaman bank dan pengurangan kadar tarif elektrik. Kerajaan juga telah memperkemaskan jentera pentadbiran dan pelaksanaan bagi mempercepatkan usaha-usaha pelaburan swasta. Kerajaan akan terus memberikan galakan-galakan melalui sistem cukai, dasar kewangan dan lain-lain insentif bagi memperkukuhkan lagi sistem pelaburan dan menjadikan Malaysia sebagai tempat yang menarik bagi pelabur-pelabur asing dan tempatan juga untuk melabur.

Dalam usaha membangun dan memperluaskan sektor perindustrian, Kerajaan memberi perhatian dengan sektor pertanian dan luar bandar. Selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf hidup penduduk luar bandar, sejajar dengan penduduk bandar dan usaha-usaha mengurangkan penghijrahan penduduk luar bandar, Kerajaan telah

mempergiatkan usaha-usaha untuk menubuhkan industri kecil di luar bandar, menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur ekonomi dan sosial di luar bandar.

Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa program-program di bawah Pelan Induk Perindustrian adalah berkait rapat dengan aktiviti sektor pertanian dan luar bandar melalui industri berasaskan sumber. Usaha-usaha disebut tadi tidak akan berkesan sekiranya sektor awam sendiri tidak mengubahsuai peranan yang dimainkan dalam bidang ekonomi. Dalam hal ini, Kerajaan akan beransur-ansur mengurangkan penglibatan dalam bidang ekonomi, khususnya dalam bidang pihak swasta boleh memainkan peranannya yang lebih berkesan dalam pertumbuhan ekonomi, ini termasuk usaha-usaha seperti penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menyentuh perkara mengenai pelancaran Buku Merah II. Sukacitalah saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sememangnya menjadi niat Kerajaan supaya pelancaran buku tersebut adalah untuk dilaksanakan ke seluruh negara. Sehubungan dengan perkara ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini telah pun mengeluarkan arahan kepada semua Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri untuk melaksanakan Merah II di negeri masing-masing dan memasukkan pelaksanaan Merah II sebagai salah satu agenda utama dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri masing-masing. Saya difahamkan semua negeri telah pun mula mengambil tindakan ini dan ada di antara negeri yang telah melancarkan dengan rasminya Buku Merah II pada peringkat negeri masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang meminta supaya pelaksanaan Buku Merah II dapat menyelaraskan pembangunan luar bandar dan menyusun semula jentera Kerajaan di peringkat daerah. Suka saya menjelaskan di sini bahawa pelaksanaan Merah II sememangnya bertujuan untuk menyelaraskan pembangunan luar bandar dan sedikit sebanyak menyusun semula jentera Kerajaan di peringkat daerah dengan harapan jentera pelaksanaan di peringkat tersebut akan menjadi lebih kemas dan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menyentuh mengenai pertambahan kilang yang akan dapat mengatasi masalah pengangguran yang semakin meningkat. Masalah pengangguran adalah berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi berikutan pertumbuhan ekonomi yang lembap. Kadar pengangguran di negara telah meningkat dari 7.6% dalam tahun 1985 kepada 8.5% dalam tahun 1986 dan kadar ini meningkat kepada 9.1% pada tahun ini. Sekiranya keadaan pertumbuhan ekonomi yang lembap ini berterusan, maka adalah dianggarkan kadar pengangguran akan terus meningkat dalam beberapa tahun akan datang ini, sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan saya tadi kepada satu soalan.

Berhubung dengan masalah pengangguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kerajaan sememangnya menyedari dan mengambil perhatian yang serius mengenai masalah pengangguran yang tinggi di kalangan rakyat di negara ini dan beberapa langkah yang positif telah diambil dalam mengatasi atau mengurangkan masalah tersebut. Memandangkan masalah pengangguran berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi yang lembap, Kerajaan sedaya upaya cuba meningkatkan pertumbuhan ekonomi

dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan. Kerajaan antara lain, telah membuat beberapa penggubahsuaian dan kelonggaran dalam dasar-dasar pelaburan yang bertujuan untuk menarik pelabur-pelabur melabur di negara ini dan seterusnya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok meminta Kerajaan memberikan perhatian dan memandang serius terhadap masalah pengangguran yang tinggi di kalangan rakyat di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang positif dalam mengatasi atau mengurangkan masalah tersebut.

Selain dari langkah-langkah di atas, Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah jangka pendek dalam mengurangkan masalah pengangguran di kalangan rakyat di negara ini seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah mendakwa masalah pengangguran yang kian meningkat dan kesulitan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan adalah bukti kegagalan dasar-dasar Kerajaan. Dalam hal ini, suka saya nyatakan bahawa ini bukanlah disebabkan oleh kegagalan dasar Kerajaan menguruskan pentadbiran negara. Sebaliknya, dalam keadaan ekonomi negara yang terbuka, adalah sukar bagi kita untuk mengelakkan diri dari iklim ekonomi antarabangsa. Kemelesetan yang dialami oleh ekonomi dunia dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah mengurangkan permintaan bagi keluaran negara. Secara tidak langsung ia memberi kesan kepada peluang pengujudan tenaga kerja dan pendapatan hasil Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang, Kuala Krai dan Jambongan telah menyentuh mengenai pembayaran royalti kepada negeri-negeri dan mempersoalkan mengenai kurang peruntukan pembangunan bagi negeri-negeri yang mendapat royalti minyak. Berkenaan dengan ini, suka saya jelaskan bahawa Akta Kemajuan Petroleum, 1974 telah memberi kuasa hak milik kepada PETRONAS bagi mengeksploitasi, mendapatkan dan memperolehi sumber-sumber petroleum sama ada di pantai atau di luar pantai. Seksyen 4 Akta tersebut telah memperuntukkan sebagai balasan kepada hakmilik dan kuasa yang diberikan ini, PETRONAS hendaklah membuat pembayaran wang tunai (royalti) kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengeluarkan petroleum. Dalam hal ini, di bawah perjanjian "kontrak perkongsian pengeluaran (PSC)", kontraktor-kontraktor PETRONAS dikenakan pembayaran sebanyak 10% iaitu 5% kepada Kerajaan Negeri yang terlibat.

Cadangan Yang Berhormat dari Marang supaya royalti petroleum dinaikkan kepada 10% ini akan melibatkan rundingan semula dengan kontraktor-kontraktor PETRONAS, Kerajaan Persekutuan dan lain-lain negeri yang mengeluarkan petroleum. Pada masa ini Kerajaan berpendapat bahawa sistem perkongsian kos dan keuntungan di bawah kontrak perkongsian (PSC) yang digunakan di negara ini berbanding dengan sistem konsesyen sebelum Akta Kemajuan Petroleum dikuatkuasakan pada tahun 1974 adalah menguntungkan Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri. Nisbah-nisbah perkongsian kos dan keuntungan ini telah dapat menarik pelabur-pelabur antarabangsa untuk menanam modal yang besar bagi kerja-kerja mencarigali dan mengeluarkan petroleum di negara ini.

Bayaran royalti adalah merupakan sebahagian daripada kos minyak di bawah PSC. Ini bermakna kenaikan pembayaran royalti akan meningkatkan kos pengeluaran petroleum dan kemungkinan akan memberi kesan negatif kepada pelaburan di dalam industri petroleum.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah membangkitkan bahawa royalti yang diterima oleh negeri Terengganu tidak mencukupi untuk menampung segala perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi negeri Terengganu dan memohon Kerajaan Persekutuan menambah peruntukan kepada negeri tersebut. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan tidak mengambilkira sama ada sesebuah negeri itu mempunyai hasil yang tertentu atau tidak semasa menentukan peruntukan secara keseluruhannya.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai yang memohon Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengeluarkan petroleum dari dasar laut, maka ingin saya memaklumkan bahawa pada masa ini PETRONAS sedang giat menjalankan usaha mencarigali petroleum di kawasan-kawasan tertentu. Sekiranya daripada kajian awal didapati bahawa di luar pantai negeri Kelantan wujud simpanan-simpanan petroleum, maka segala tindakan akan diambil untuk mengeluarkan petroleum tersebut bagi kepentingan negara dan juga negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh soal Dasar Ekonomi Baru (DEB) khasnya yang menyentuh aspek objektif, cara-cara pelaksanaannya dan juga beberapa strategi yang dilaksanakan. Berhubung dengan isu DEB ini, pertamanya kita perlu meneliti kenyataan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri di Dewan ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 26hb Oktober yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan soal ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menegaskan bahawa usaha-usaha untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mencapai perpaduan negara tidak seharusnya berhenti pada tahun 1990 sahaja. Kedua-dua objektif DEB ini mestilah dianggap murni bagi negara kita yang berbilang kaum dan dari itu pelaksanaannya perlu diteruskan. Matlamat sebenar DEB yang perlu kita fikirkan bukanlah soal pencapaian 30% sahaja, tetapi ialah keseluruhan matlamat pengurangan ketidakseimbangan ekonomi yang wujud di kalangan kaum di negara ini. Bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa sebarang penggubalan dasar baru semestinya dibuat dalam konteks semasa dan juga arah pembangunan negara di masa hadapan.

Sehubungan dengan isu pelaksanaan DEB seperti soal penyelewengan dan asas pengukuran kemiskinan, perkara ini sebenarnya telah pun dijawab beberapa kali di Dewan ini. Mengenai soal penyalahgunaan DEB yang dibangkitkan dan keengganan Kerajaan menerima kenyataan bahawa DEB telah menghalau pelabur-pelabur, Kerajaan berpendapat fahaman sedemikian tidak tepat. Banyak faktor-faktor ekonomi dan bukan ekonomi lain yang boleh menjejaskan pelaburan.

Berhubung dengan kesan DEB terhadap matlamat kemiskinan, Kerajaan berpendapat golongan miskin sebenarnya telah menikmati banyak faedah daripada berbagai program dan projek yang dilaksanakan untuk membasmi

kemiskinan. Kadar kemiskinan telah pun berkurangan sejak tahun 1970 dan mutu hidup golongan miskin telah meningkat.

Mengenai asas pengukuran kemiskinan, Kerajaan sebenarnya mempunyai asas-asas tertentu dalam mengira pendapatan garis kemiskinan di negara ini. Pendapatan garis kemiskinan ialah satu tingkat pendapatan untuk membolehkan seseorang isi rumah secara purata, menikmati kehidupan yang sihat dan sempurna dari segi keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pelajaran, kesihatan, perhubungan dan rekreasi mengikut taraf hidup masyarakat semasa di negara ini. Angka pendapatan garis kemiskinan diubahsuai pada tiap-tiap tahun mengikut perubahan dalam angkatanjuka harga pengguna.

Kerajaan sentiasa mengkaji pencapaian usaha membasmi kemiskinan dari masa ke semasa. Maklumat-maklumat terperinci mengenai kemiskinan, agihan pendapatan dan kekayaan dinyatakan secara jelas dalam dokumen-dokumen Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek-projek pembangunan luar bandar, ingin saya jelaskan bahawa dalam tempoh tahun 1970 sehingga 1985 . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli dari Maran bangun minta penjelasan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan iaitu berapakah jumlah pendapatan sebenar untuk menyatakan bahawa sesuatu isi rumah yang miskin. Apa yang saya tahu ada yang menyebutkan \$246, \$300. Di zaman bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn dahulu, disebutkan

sekurang-kurangnya \$300. Tetapi sekarang saya kira zaman telah berubah, mungkin ekonomi telah pun meningkat, jadi apakah perkiraan Yang Berhormat Menteri itu, berapa sebenarnya angkanya itu?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, perkara ini perkara yang berubah mengikut masa dan mengikut tempat. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Marang ingin mengetahui, saya rasa elok juga kalau kita buat satu "breakdown", dengan izin, yang menunjukkan kedudukan berdasarkan kepada masa, tempat dan kalau dibuatkan breakdown, maka saya pohon izin supaya diterangkan secara bertulis kemudian.

Mengenai projek-projek pembangunan luar bandar, ingin saya jelaskan bahawa dalam tempoh tahun 1970-1985, Kerajaan telah membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan projek-projek pembangunan luar bandar. Di sepanjang tempoh tersebut, projek-projek itu telah dapat meningkatkan taraf hidup dan menurunkan kadar kemiskinan penduduk-penduduk di luar bandar. Kadar kemiskinan di luar bandar telah dapat diturunkan dari 58.7% dalam tahun 1970 kepada 24.7% dalam tahun 1984. Penurunan kadar ini menunjukkan bahawa projek-projek Kerajaan tersebut adalah sangat berkesan dalam usaha menghapuskan kemiskinan.

Suka saya menegaskan di sini bahawa usaha Kerajaan dalam menghapuskan kemiskinan di luar bandar adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran yang tidak dapat dikawal terutamanya ialah turun-naik harga komoditi di pasaran eksport.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah saiz tanah pertanian yang tidak ekonomik dan petani-petani

yang tidak bertanah, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan berbagai program. Di antara program-program ini termasuklah program pembukaan tanah baru yang dilaksanakan oleh FELDA dan agensi-agensi Kerajaan Negeri, program penyatuan dan pemulihan tanah yang dilaksanakan oleh RISDA. Di samping itu Kerajaan juga menggalakkan petani-petani supaya mengusahakan tanah mereka secara kumpulan supaya mereka mendapat faedah dari ekonomi bidang.

Berkaitan dengan teguran Yang Berhormat dari Kapit, Kerajaan memang menyedari bahawa sebahagian besar petani-petani khususnya petani di Sarawak masih mengamalkan cara pertanian berpindah bagi mengeluarkan hasil pertanian mereka. Sikap mereka yang lebih suka kepada corak pertanian seperti ini dari segi sejarahnya adalah bergabung dengan (associated with) sistem adat resam dan budaya mereka yang telah dihayati sejak zaman berzaman. Melalui proses pendidikan, Kerajaan juga bersedia untuk menimbangkan penglibatan yang lebih meluas agensi-agensi pembangunan tanah seperti FELDA dan FELCRA dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk membantu para petani di Sarawak memajukan tanah mereka atau tanah Kerajaan Negeri untuk faedah mereka, memandangkan masih banyak kawasan tanah di Sarawak yang boleh dimajukan dengan aktiviti pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap telah menyentuh mengenai pembangunan bandar-bandar baru di Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW). Di sini saya ingin menjelaskan antara matlamat program pembangunan bandar-bandar baru di LKW ialah untuk mendedahkan dan memberi peluang kepada penduduk luar bandar khususnya bumiputera melibatkan diri

dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang berasaskan bandar, supaya sikap mereka lebih terbuka serta mudah menyesuaikan kepada rancangan pembangunan dan seterusnya berupaya meningkatkan tahap pendapatan mereka. Walaupun program ini semakin kurang ditekankan, iaitu atas beberapa alasan tertentu, tidak bermakna matlamat membangunkan kaum bumiputera akar diketepikan. Matlamat ini akan terus berjalan sehingga tercapai sepenuhnya seperti yang diharapkan oleh Kerajaan melalui pelbagai program yang lain-lain lagi. Antaranya termasuklah melalui usaha-usaha UDA, MARA dan agensi-agensi amanah yang lain di bandar-bandar yang sedia ada; dan melalui program "Perbandaran Luar Bandar" serta "industri-industri kampung" yang sedang rancang berjalan sekarang.

Berkaitan dengan pembangunan bandar-bandar baru di LKW, usaha tetap diteruskan di bandar-bandar yang sedia ada iaitu dengan menambahkan kemudahan serta menyediakan peluang-peluang yang sewajarnya. Di samping itu pembukaan bandar baru yang lain tidak digalakkan walaupun telah dirancang. Pembukaan bandar-bandar yang telah dirancang itu ditangguhkan ke satu masa yang difikirkan sesuai sehingga keadaan kewangan mengizinkan. Langkah penangguhan ini juga bertujuan menumpukan sepenuh usaha membangun/melengkapkan bandar-bandar yang sudah dibuka tetapi belum digunakan sepenuhnya.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut telah menjelaskan bahawa terdapat orang-orang luar negeri yang merasa takut untuk datang ke Malaysia disebabkan oleh pembangunan Islam. Sebenarnya perkara seperti ini tidak sepatutnya timbul. Dasar penerapan nilai-nilai Islam yang diamalkan sekarang ini menjamin

kesejahteraan bagi semua golongan masyarakat di negara ini.

Saya percaya perkara ini telah pun difahami oleh sebahagian besar orang luar negeri, contohnya pelancong-pelancong dari luar negeri sentiasa telah bertambah dari masa ke semasa dan ternyata pula mereka selamat berada di negara ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh usaha Kerajaan ke arah menggalakkan perindustrian kecil dan usaha meningkatkan status sosio-ekonomi bagi penduduk miskin di bandar dalam Wilayah Persekutuan serta masalah banjir kilat yang sering berlaku di bandar Kuala Lumpur.

Ahli Yang Berhormat bagi Johor Bahru pula membangkitkan perkara yang berhubung dengan usaha-usaha Kerajaan dalam melaksanakan rancangan pembangunan semula kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, beberapa langkah telah dirancang untuk mengawal supaya industri-industri kecil ini dapat terus berkembang dengan cara yang lebih berkesan dan teratur. Antara langkah-langkah ini ialah:

- (1) mengenalpasti jumlah pertumbuhan industri-industri, kecil ini, dengan mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan;
- (2) menyediakan penjenisan aktiviti-aktiviti industri-industri tersebut; dan
- (3) mengenalpasti tapak-tapak yang boleh di "zon" dan dimajukan untuk perusahaan-perusahaan yang berkenaan.

Berhubung dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan status sosio-ekonomi golongan miskin bandar di

Wilayah Persekutuan, Kerajaan telah mengambil perhatian atas perkara ini. Beberapa kawasan di Kuala Lumpur akan dikenalpasti di dalam usaha ini.

Dalam konteks penentuan kawasan kemiskinan itu, adalah berpandukan kepada beberapa faktor seperti pendapatan keluarga dalam sesuatu kawasan dan kedudukan kemudahan asas yang terdapat di dalam sesuatu kawasan itu. Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti itu kelak, akan diberikan keutamaan dari segi pembangunan dan kemudahan-kemudahan lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, masalah banjir kilat. Masalah banjir kilat yang sering berlaku di beberapa tempat di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh berlakunya hujan dengan keamatan yang tinggi (rainfall intensity) di dalam jangka masa yang singkat dan mengakibatkan air melimpah daripada longkang-longkang serta terjadinya aliran balik (back-flow) daripada sungai-sungai.

Meneliti keadaan ini, Kerajaan telah menubuhkan satu pasukan khas yang dikenali dengan nama "emergency squad" di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang bertanggungjawab membersihkan sampah-sarap di longkang-longkang supaya pengaliran air tidak tersumbat atau tersekat dan dapat mengurangkan kemudaratan kejadian banjir.

Menyentuh rancangan pembangunan semula kawasan setinggan, beberapa projek perumahan telah diberikan kepada pihak swasta untuk dilaksanakan sebagai usaha untuk memenuhi keperluan perumahan di Wilayah Persekutuan. Sehingga sekarang, sebanyak 8 kawasan setinggan yang juga tanah bekas lombong terlibat dengan pembangunan seperti ini. Segala daya usaha telah dibuat oleh Kerajaan untuk

mempercepatkan pelaksanaan projek ini termasuk menubuhkan Jawatankuasa Kelulusan Serentak di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Namun demikian, beberapa projek ini telah lambat dilaksanakan atas beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan, di antaranya ialah berkaitan dengan tanah dan masa yang diambil untuk membaik pulih tanah dan memindah setinggan-setinggan berkenaan ke pusat penempatan sementara yang diuruskan oleh pihak pemaju.

Berhubung dengan kampung Bohol, sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Johor Bahru, permohonan tanah ini masih dikaji sebelum keputusan muktamad dibuat. Bukanlah menjadi niat Kerajaan untuk melambatkan pelaksanaan projek perumahan. Segala permohonan untuk tujuan memajukan tanah bagi tujuan perumahan adalah dipertimbangkan dengan adil.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah penjaja atau industri kecil sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, Kerajaan sedar bahawa sektor berkenaan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi bandar khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur. Oleh hal yang demikian, usaha-usaha sedang giat dijalankan untuk mengadakan lebih banyak kawasan berniaga bagi peniaga-peniaga kecil di Kuala Lumpur dan memendekkan tempoh proses pengeluaran lesen-lesen penjaja berkenaan itu.

Saya juga ingin menyentuh tentang cadangan pemberian lesen termasuk lesen-lesen sementara kepada pengusaha-pengusaha industri haram di sekitar Kuala Lumpur ini. Pihak Kerajaan berpendapat bahawa langkah ini tidaklah wajar

memandangkan pemberian lesen-lesen berkenaan kepada mereka itu akan memberi takrifan seolah-olah Kerajaan juga memberi pengiktirafan kepada kilang-kilang haram yang ada, sedangkan ada di antaranya membahayakan penduduk-penduduk di sekitarnya. Tambahan pula, pemberian lesen-lesen ini akan menyulitkan lagi usaha-usaha Kerajaan memindahkan kilang-kilang berkenaan ke kawasan-kawasan yang lebih teratur dan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat dari Tanjong bahawa kebenaran yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan menubuhkan syarikat pegangan keluarga tidak akan menjejaskan kecekapan kerja mereka, tidak akan mewujudkan percanggahan kepentingan dan tidak akan menimbulkan rasuah. Ini kerana semasa menimbang permohonan daripada pegawai yang berkenaan, Lembaga Tatatertib akan memastikan bahawa aktiviti pegawai itu tidak akan, dengan apa-apa cara pun, menjejaskan kedudukannya sebagai seorang pegawai awam, dan tidak akan dengan apa-apa cara bercanggah dengan kepentingan jabatan atau menjadi tak sejajar dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai awam. Selain daripada itu pegawai-pegawai yang berkenaan dikenakan syarat-syarat yang ketat yang mesti dipatuhi. Jika terdapat apa-apa pelanggaran syarat, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tatatertib sehingga dengan tujuan buang kerja. Sebenarnya dengan peraturan seperti ini kita boleh mengawal pegawai-pegawai awam dengan lebih berkesan kerana kita akan mengetahui siapa yang mempunyai harta dan siapa yang tidak.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Kepong, Bukit Bintang, Marang dan Pagoh telah

menyentuh tentang perkara penurunan gaji permulaan kakitangan perkhidmatan awam. Berkenaan dengan perkara ini suka saya menyatakan bahawa cadangan itu memerlukan satu kajian yang mendalam. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kerajaan sebelum keputusan muktamad dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap telah membangkitkan mengenai nisbah pegawai-pegawai Kerajaan dengan rakyat dan menunjukkan saiz perkhidmatan awam terlalu besar serta mencadangkan supaya dikurangkan saiz tersebut. Ahli Yang Berhormat berkenaan juga membangkitkan akan perbezaan layanan kepada pengagihan peluang naik pangkat kepada skim-skim yang tertentu dan perbezaan ini akan menjejaskan produktiviti perkhidmatan awam.

Walaupun pada umumnya, penglibatan dan tanggungjawab beberapa agensi sektor awam telah berkurangan dalam aspek pembangunan, pertambahan pegawai masih diperlukan bagi beberapa perkhidmatan tertentu yang diberi keutamaan, terutamanya perkhidmatan-perkhidmatan pendidikan, perubatan, keselamatan serta perkhidmatan-perkhidmatan yang mendatangkan hasil. Pertambahan tersebut tidak dapat dielak oleh kerana tidak dapat ditampung melalui pengagihan semula anggota-anggota yang sedia ada disebabkan masalah perkhidmatan, bidang-bidang pengkhususan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, memanglah menjadi tujuan Kerajaan mengawal pertambahan anggota serta mengecilkan saiz perkhidmatan awam melalui langkah-langkah tertentu yang

pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini. Hasil daripada langkah-langkah tersebut hanya akan ternyata selepas beberapa tahun oleh kerana pelaksanaannya perlu dijalankan berperingkat-peringkat supaya tidak menjejaskan pengendalian perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan.

Saya ingin juga menyakinkan Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa Kerajaan tidak membeza-bezakan layanan atau perhatian terhadap kedudukan perkhidmatan awamnya. Apa yang dianggap sebagai perbezaan dalam kedudukan jawatan-jawatan tertinggi bukanlah hasil daripada sesuatu perancangan tertentu yang sengaja tetapi akibat daripada faktor-faktor tersendiri yang mempengaruhi kedudukan perkhidmatan berkenaan. Oleh yang demikian, kedudukan nisbah yang digunakan oleh Yang Berhormat sebagai gambaran itu tidak wajar digunakan sebagai bandingan kerana asas bandingannya tidak sama. Fungsi, skop, tugas dan tanggungjawab serta skim-skim tertentu bagi perkhidmatan awam adalah berlainan dalam hakikat menentukan kedudukan masing-masing. Oleh itu, kedudukan jawatan tertinggi bagi sesuatu perkhidmatan perlulah dilihat secara tersendiri dan berasingan, bukan berdasarkan perbandingan antara satu perkhidmatan dengan yang lain.

Kerajaan memang menyedari bahawa pertimbangan perlu diberi kepada perkhidmatan pendidikan. Kerajaan telah mewujudkan peluang kenaikan pangkat bagi kategori di dalam perkhidmatan pendidikan. Perkhidmatan perubatan juga telah mendapat perhatian Kerajaan di mana kenaikan pangkat secara automatik daripada tingkatan biasa kepada tingkatan kanan telah dilaksanakan. Keperluan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain akan dipertimbangkan dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun berkehendakkan jumlah pegawai PTD diletakkan di dalam jawatan kumpulan sehingga akhir Oktober, 1987. Sehubungan dengan ini, pada masa ini terdapat 22 orang pegawai PTD diletakkan dalam jawatan kumpulan (pool)—seramai 13 orang pegawai di dalam tingkatan tertinggi iaitu superscale. Sukacita saya menambah juga bahawa hanya seorang pegawai sahaja yang diletakkan dalam jawatan kumpulan melebihi dua tahun iaitu dari 1985 ke 1987. Saya ingin menjelaskan ada di antara mereka ini telah ditempatkan secara sementara di Kementerian-kementerian dan terdapat sebahagian daripada mereka pula baru sahaja menamatkan kursus di luar negeri.

Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu meminta mengkaji semula pengiktirafan pemegang ijazah undang-undang dari Singapura. Di sini suka juga saya menjelaskan, pada masa ini terdapat sebuah universiti sahaja di Singapura iaitu Universiti Nasional Singapura.

Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan belum ada sebarang cadangan untuk mengkaji semula pengiktirafan ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) dari Universiti Nasional Singapura. Ini ialah kerana mutu akademik program ijazah berkenaan masih setanding dengan ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya.

Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap menyentuh mengenai soal pencen Kerajaan memang sedar akan tanggungan pencen meningkat dari tahun ke tahun. Kerajaan sedang mengkaji beberapa cadangan jangka pendek dan jangka panjang sama ada bagi mengurangkan beban tanggungan pencen ataupun mengadakan satu sistem yang boleh membiayai diri sendiri iaitu self-financing.

Ahli Yang Berhormat bagi Sik mencadangkan supaya penerima bintang kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) dianugerahkan wang tunai sebagai anugerah sampingan. Di sini ingin saya jelaskan bahawa pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memberikan elaun secara "token" kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) atau kepada warisnya jika penerima bintang tersebut telah meninggal dunia. Oleh itu soal tidak mendapat penghormatan atau pengiktirafan ke atas penerima-penerima bintang tersebut adalah tidak benar.

Ahli Yang Berhormat bagi Keluang meminta Kerajaan mengkaji Akta Guardianship of Infants 1961 supaya diberi hak yang sama kepada isteri yang ditinggalkan oleh suami dalam menjaga anak mereka. Dalam hal ini, perkara tersebut telah disuarakan juga oleh Pertubuhan-pertubuhan Wanita dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan mengkaji cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Rajang mendakwa terdapatnya orang yang mengandungi dua kali dalam pilihanraya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sedang dalam siasatan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Mengenai pendaftaran pengundi, Suruhanjaya Pilihanraya telah pun mengambil tindakan untuk menentukan perkara-perkara yang sama tidak berlaku dalam Daftar Pemilih yang disebutkan. Undang-undang sekarang yang sedia ada dalam peraturan-peraturan iaitu Pendaftaran Pemilih Pilihanraya, 1971 memastikan semua pihak hendaklah mendaftar sebagai pemilih di tempat mereka bermastautin. Walau bagaimanapun, soal terdapatnya pemilih yang mendaftar di kawasan

bukan tempat kemastautinan mereka hanya boleh dielak dengan kerjasama pemilih yang bermastautin di kawasan berkenaan. Pada tiap-tiap tahun, Suruhanjaya Pilihanraya ada membuat pameran Rang Daftar Pemilih dan pada kali ini akan diumumkan kepada umum. Rang Daftar Pemilih akan dipamer dalam semua bahagian-bahagian pilihanraya. Dalam tempoh dua minggu iaitu 14 hari, bantahan (objection) boleh dibuat kepada Pegawai Pendaftar sekiranya mereka dapati ada terdapat orang-orang luar yang tidak bermastautin dari bahagian pilihanraya berkenaan telah mendaftar sebagai pemilih.

Suruhanjaya Pilihanraya boleh mengambil tindakan memotong sewajarnya nama-nama berkenaan dari Pendaftaran Pemilih sekiranya dakwaan yang dikemukakan didapati benar setelah siasatan dibuat. Untuk tahun 1987, Rang Daftar Pemilih akan dipamerkan mulai 7hb Disember hingga 20hb Disember, 1987 dan siaran rasmi mengenainya akan dibuat. Ahli Yang Berhormat berkenaan adalah dijemput menyemak dan seterusnya membuat bantahan sekiranya didapati nama-nama orang luar terdapat dalam Daftar Pemilih berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah diambil kira dan mendapat perhatian dari jabatan ini. Sungguhpun begitu setengah-tengah perkara yang dibangkitkan tidak dapat dijawab semasa menggulung perbincangan ini kerana kesuntukan masa.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor yang berguna yang menyentuh tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Di mana saya tidak menyentuh atau menjawab, saya

memohon maaf. Walau bagaimanapun, segala perkara yang ditimbulkan telah dicatatkan dan diberi perhatian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat menjawab meliputi Kementerian Kehakiman?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi saya dengar ada bercakap berkenaan dengan mahkamah.

Jemput Kementerian Dalam Negeri.

5.37 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran masing-masing ke atas dasar dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai hal-hal keselamatan, ketenteraman awam, pendatang haram, kebebasan akhbar dan tahanan ISA.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari perkara-perkara yang disentuh itu juga dibangkitkan dalam soal jawab yang telah pun dijawab. Walau bagaimanapun saya ingin menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan isu penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri oleh Kerajaan baru-baru ini. Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Ahli dari Bagan telah membantah tahanan

yang telah dibuat itu dan menggesa supaya mereka yang ditahan itu dibebaskan. Ahli dari Seremban juga telah menimbulkan kononnya rakyat di negara ini tidak percaya mereka yang ditahan itu bertanggungjawab menimbulkan ketegangan perkauman dan membahayakan keselamatan negara.

Mengenai tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, sukalah saya menegaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini, bahawa mereka yang ditahan itu adalah untuk siasatan oleh pihak Polis sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta yang berkenaan. Setakat ini Polis masih lagi menjalankan siasatan. Tindakan ini diambil oleh pihak Polis adalah mengikut undang-undang. Pihak Polis diberi kuasa menangkap untuk siasatan sesiapa sahaja selagi penangkapan itu mematuhi Seksyen 4 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Penahanan selanjutnya bergantung kepada laporan yang dibuat oleh pihak Polis.

Kerajaan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 hanya jika keadaan memerlukan. Tidak sesiapa yang boleh menafikan bahawa keselamatan dalam negeri baru-baru ini adalah runcing dan Kerajaan mesti membendunginya supaya tidak berlaku rusuhan dalam negeri ini. Rakyat jelata berhak mendapat perlindungan dari ancaman keselamatan bagi diri dan harta benda mereka dari Kerajaan. Dengan itu, Kerajaan bertanggungjawab memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru supaya ketegasan Kerajaan diasaskan kepada keadilan, sukalah saya mengulangi lagi bahawa Kerajaan sentiasa bertindak berdasarkan kegiatan seseorang itu tanpa mengira kaum, kumpulan atau golongan. Tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana juga

kumpulan atau orang perseorangan jika kegiatan mereka mengancam keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pula menyatakan bahawa operasi polis membuat penahanan itu telah menjejaskan imej kita sebagai sebuah negara yang demokratik. Mengenai perkara ini, saya sukalah mengingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan juga mengakui sistem demokrasi adalah sistem yang sebaik-baiknya bagi negara ini. Walau bagaimanapun, sistem demokrasi berkehendakkan satu disiplin, perasaan bertanggungjawab dari semua pihak. Sebarang tindakan yang tidak bertanggungjawab yang boleh mencetuskan huru-hara dalam negeri akan menjahanamkan demokrasi itu. Sistem demokrasi juga menghendaki supaya semua pihak mengetahui had-had kebebasannya. Kebebasan yang tidak terhad bukanlah demokrasi tetapi anarchy, dengan izin.

Ahli Yang Berhormat dari Kuching telah menyarankan supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri disarankan kepada pihak komunis sahaja. Dari segi sejarah saranan ini benar tetapi ancaman keselamatan dalam negeri tidak terhad kepada pihak komunis sahaja. Ancaman keselamatan dalam negeri boleh datang dari pelbagai punca. Pada masa sekarang ini, perbalahan kaum adalah merupakan ancaman kepada keselamatan dalam negeri. Satu lagi ancaman kepada keselamatan dalam negeri ialah ekstrimisme dari pelbagai bentuk termasuk ekstrimisme dalam agama. Ancaman dari pihak komunis walaupun telah reda sedikit tetapi jika tidak dibendung boleh memudaratkan keselamatan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, Yang Berhormat dari Kimanis dan Yang Berhormat dari Sandakan ada menyentuh mengenai keselamatan di Sabah terutamanya kawasan

perairan. Sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan sememangnya sedar mengenai adanya ancaman lanun-lanun di beberapa bahagian perkampungan di persisiran pantai Sabah. Bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengawal keselamatan di tempat-tempat tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil ialah memperkuatkan rondaan di perairan Sabah termasuk kawasan berhampiran pantai oleh Pasukan Keselamatan, menambah kekuatan anggota Polis Negeri Sabah dan juga memperbanyakkan operasi-operasi. Saya berharap rakyat negeri Sabah terutama yang tinggal di pantai-pantai atau pulau-pulau hendaklah bekerjasama dengan pihak polis memberi maklumat awal jika mereka mengetahui adanya lanun atau penjenayah. Namun demikian, sukalah saya menegaskan bahawa keadaan keselamatan di seluruh negara termasuk di Sabah adalah terkawal.

Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Yang Berhormat dari Keluang menyentuh mengenai masalah rogol. Sukalah saya memaklumkan, Kerajaan sememangnya memandang berat jenayah rogol. Usaha Jabatan Polis untuk membanteras jenayah ini telah dipertingkatkan dengan menubuhkan Unit Khas untuk menyiasat kes-kes rogol dan seterusnya menghadapkan mereka ke muka pengadilan sewajarnya. Bagaimanapun, tugas mengawal dan membasmi kejadian-kejadian begini bukanlah boleh dibebankan ke atas Kerajaan sahaja. Saya menyeru agar semua pihak terutamanya ibubapa dan muda-mudi kita berwaspada setiap masa bagi menghapuskan jenayah yang terkutuk ini.

Mengenai penyemakan semula undang-undang rogol ini, sukalah saya memaklumkan bahawa perkara tersebut sekarang adalah dalam kajian

Kerajaan, khususnya Kementerian Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Gaya, Kota Belud, Marudu, Penampang dan Sandakan membangkitkan tentang masalah pendatang haram. Di sini sukalah saya menegaskan lagi bahawa Kerajaan memandang serius kepada masalah pendatang haram tanpa mengira negara asal mereka. Kerajaan akan terus mengambil tindakan menangkap dan mengusir pendatang haram ke negara asal mereka. Kerajaan juga akan mengambil tindakan tegas ke atas sesiapa yang menggaji pendatang haram sebagai pekerja di organisasi masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam telah menegur Kerajaan kerana mengambil tindakan membatalkan permit penerbitan akhbar tempatan berkenaan. Seterusnya beliau mencadangkan supaya akhbar tersebut diberi amaran terlebih dahulu. Jika masih tidak mematuhi arahan, tindakan menahan sidang pengarang patut diambil. Tindakan membatalkan permit penerbitan hendaklah digunakan sebagai tindakan terakhir.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat ini, sukalah saya menjelaskan bahawa tindakan Kerajaan membatalkan permit penerbitan itu dibuat setelah mengkaji dengan penuh teliti dan berpuas hati bahawa pembatalan permit penerbitan adalah tindakan yang paling sesuai pada masa ini. Pihak Kerajaan telah meminta berkali-kali pihak akhbar supaya berhati-hati dan bersikap bertanggungjawab dalam melaporkan perkara-perkara sensitif dan perkauman, tetapi malangnya pihak akhbar berkenaan tidak mengindahkan seruan tersebut dan sebaliknya berlumba-lumba untuk membuat laporan dengan fahaman bahawa membuat laporan itu adalah

hak mereka tanpa menghirau kesan dan akibat perbuatan mereka itu. Amalan ini adalah menyalahgunakan kebebasan dan kebebasan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelewatan dalam memproses permohonan memiliki senjatapi yang ditimbulkan oleh Ahli dari Marudu, saya ingin memaklumkan bahawa di Sabah kebanyakan permohonan memiliki senjatapi dapat diselesaikan dalam tempoh enam bulan. Walau bagaimanapun, ada sebahagian kecil permohonan yang mengambil masa di antara satu hingga dua tahun. Tidak ada permohonan yang mengambil masa lebih daripada dua tahun. Mengenai kelewatan ini ianya berpunca daripada kegagalan atau kelewatan pemohon memberi maklumat-maklumat yang lengkap seperti surat kuasa mentadbir pesaka, salinan hakmilik tanah, pertukaran alamat dan lain-lain maklumat yang diperlukan.

Mengenai pertukaran hakmilik senjatapi pula, saya ingin menjelaskan bahawa pertukaran tersebut tidak boleh dibuat secara automatik. Sebaliknya permohonan atas nama orang baru yang akan dipindah milik itu akan dipertimbangkan berdasarkan kepada kelayakan dan keperluan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran-teguran masing-masing mengenai pelbagai isu di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya telah cuba untuk memberi penjelasan-penjelasan saya ke atas beberapa pandangan dan teguran tersebut. Bagi pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini, saya memberi jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kehakiman.

5.47 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Menteri Kehakiman menjawab atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Kehakiman semasa membahaskan Anggaran Belanjawan, 1988.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Keluang dan Kuala Terengganu yang telah bangun memberi cadangan-cadangan serta pandangan-pandangan berhubung dengan perjalanan Kementerian Kehakiman semasa membahaskan atas dasar am Belanjawan 1988.

Ahli Yang Berhormat dari Keluang telah menyentuh Seksyen 69, Akta Mahkamah Rendah tahun 1948 yang melarang Mahkamah Sesyen membicarakan mengenai pembatalan kontrak permohonan injunction, dengan izin, dan sebagainya dan beliau meminta Kerajaan mengkaji perkara ini dan merayu agar dibuat pindaan kepada Akta ini supaya Mahkamah Rendah dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

Sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian ini adalah sedar mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan perkara ini adalah dalam kajian. Seandainya perubahan diperlukan, Kementerian akan mengemukakan cadangan untuk pertimbangan Kerajaan bagi meminda seksyen yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Keluang juga menggesa Menteri Kehakiman memohon peruntukan yang lebih

besar bagi meningkatkan lagi produktiviti dan prestasi kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kehakiman sememangnya membuat permohonan peruntukan yang lebih bagi menambah bilangan jawatan-jawatan dan bagi membina mahkamah-mahkamah baru dalam usaha meningkatkan kecekapan pentadbiran keadilan di dalam Anggaran Belanjawan tiap-tiap tahun. Namun begitu, seperti juga Kementerian-kementerian lain, jumlah peruntukan yang diluluskan adalah bergantung kepada kemampuan kewangan negara dan juga kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Dalam hal cadangan menambahkan jawatan-jawatan mahkamah-mahkamah dan juga jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kehakiman, sepertimana yang pernah dijawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 3hb November, 1987, sebuah jawatankuasa khas perjawatan terdiri dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan, MAMPU dan juga Kementerian Kehakiman telah ditubuhkan untuk mengkaji keperluan perjawatan mahkamah-mahkamah dan juga jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini. Adalah dijangkakan pertimbangan akan diberi untuk menyediakan peruntukan yang lebih banyak kepada Kementerian ini bagi pertambahan jawatan-jawatan yang didapati perlu diwujudkan kelak. Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Kluang supaya dipinda undang-undang berhubung dengan pembahagian harta tanpa wasiat bertulis, sukalah saya memaklumkan bahawa perkara ini adalah dalam perhatian dan kajian oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah menyentuh tentang penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah-mahkamah. Di sini sukalah saya

menyatakan bahawa seperti yang pernah diberitahu di Dewan yang mulia ini pada 12hb Mac, 1986, Kerajaan mempunyai penuh keyakinan terhadap kemampuan dan kewibawaan Bahasa Malaysia digunakan di bidang perundangan di negara ini. Beberapa langkah positif telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan Bahasa Malaysia digunakan dalam bidang perundangan di negara ini, di antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (i) Semenjak bulan September, 1967 semua undang-undang yang digubal adalah diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di mana teks Bahasa Malaysia adalah teks yang sah. Di samping itu Jabatan Peguam Negara sedang menterjemahkan semua undang-undang yang diubah sebelum bulan September, 1967 dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.
- (ii) Kerajaan telah mewujudkan satu biro terjemahan yang di tempatkan di bawah Jabatan Kehakiman mulai tahun 1984 di mana tugas-tugas biro tersebut di antara lain adalah membuat terjemahan semua kes-kes Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi ke dalam Bahasa Malaysia. Biro tersebut diketuai oleh seorang Pegawai Kanan Kehakiman.
- (iii) Surat pekeliling telah dikeluarkan kepada semua Mahkamah Rendah di negara ini supaya menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam kes-kes yang dibicarakan oleh Mahkamah-mahkamah tersebut.
- (iv) Di dalam pentadbiran harian, Jabatan Kehakiman semua surat-menyurat dan

pekeliling-pekeliling adalah dibuat di dalam Bahasa Malaysia.

- (v) Pihak Majlis Peguam telah juga diminta supaya menasihatkan semua Peguam-peguam menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan surat-menyurat mengenai Mahkamah-mahkamah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah juga menyentuh tentang peranan Majlis Peguam. Jika sekiranya apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai peranan Majlis Peguam itu benar, terpulanglah kepada Ahli-ahli Majlis Peguam sendiri mengambil tindakan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu ke atas Presidennya atau mana-mana ahli Jawatankuasa jika tindak-tanduk yang dijalankan itu adalah diluar tujuan dan kuasa-kuasa Majlis Peguam, seperti termaktub di bawah Seksyen 42, Profesion Undang-undang 1976.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

5.54 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1988. Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai infrastruktur luar bandar, perusahaan

kecil dan industri kampung, kegiatan KEMAS, MARA, FELCRA dan lain-lain dalam perbahasan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Limbawang, Penampang, Sirian, Marudu, Kota Belut, Rantau Panjang, Tambun, Larut dan Parit telah membangkitkan tentang masalah kurangnya pembekalan air dan letrik, pembinaan jalan raya, pembangunan kampung di kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Berhubungan dengan penyediaan kemudahan asas ini, suka saya menjelaskan bahawa dalam merangka perancangan pembangunan bagi projek-projek berkenaan, Kerajaan sememangnya memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang mundur, yang kurang maju di luar bandar. Matlamat perancangan ini tidak lain adalah bagi meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut supaya setanding dengan taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan bandar. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedar bahawa banyak lagi kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang masih memerlukan berbagai kemudahan asas. Walau bagaimanapun penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut tidak dapat disediakan sekali gus atau dalam masa yang singkat oleh kerana ia bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Dalam keadaan ini penyediaan tersebut terpaksa dilaksanakan berperingkat-peringkat.

Dalam pada itu bagi kampung-kampung yang daif, iaitu kampung yang tidak ada kemudahan-kemudahan asas, serta mengalami kadar kemiskinan yang tinggi dan terletak jauh di pedalaman, Kerajaan telah berusaha membangunkannya melalui konsep ala cara baru. Dalam usaha ini kampung-kampung tersebut

akan dikumpul dan disusun semula untuk dijadikan satu sistem pembangunan kampung berkelompok dan teratur. Dengan cara ini kemudahan asas dapat ditumpukan ke kawasan tersebut dengan kos yang lebih rendah.

Setakat ini terdapat 25 projek perintis yang sedang dilaksanakan. Selain dari itu bagi menambahkan lagi pendapatan penduduk kampung tersebut berbagai aktiviti ekonomi yang berasaskan pertanian dan bukan pertanian seperti industri kampung diadakan di kawasan-kawasan penempatan tersebut. Beberapa program untuk membangunkan kawasan penempatan seumpama ini supaya menjadi bandar-bandar kecil juga sedang dirancang. Program ini diharapkan akan dapat mengubah kawasan luar bandar menjadi sebagai satu tempat yang menarik dan selesa untuk kehidupan di samping akan dapat membendung penghijrahan muda-mudi ke bandar-bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Penampang telah membangkitkan mengenai pembekuan peruntukan bekalan elektrik luar bandar di Sabah. Suka saya terangkan di sini bahawa "ceiling" atau had peruntukan bekalan elektrik luar bandar bagi negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang disediakan oleh Kerajaan adalah sebanyak \$15 juta sahaja. Kesemua peruntukan itu telah pun habis dibelanjakan pada tahun 1986. Ini bermakna tidak ada pembekuan peruntukan bagi bekalan elektrik luar bandar Sabah telah dikenakan.

Walaupun, di atas kesedaran bahawa bekalan elektrik merupakan kemudahan asas yang diperlukan, maka Kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan tambahan kepada had (ceiling), dengan izin, peruntukan negeri Sabah, agar projek-projek bekalan elektrik

dapat dilaksanakan terus dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang menyokong dan menggesa penggalakan perkembangan sektor industri kecil dan sederhana. Kerajaan memang menyedari akan pentingnya pertumbuhan industri kecil dan sederhana kepada pembangunan ekonomi negara, terutamanya dari segi penggunaan bahan-bahan tempatan oleh industri-industri tersebut serta peningkatan nilai pertambahan melalui barang-barang yang dikeluarkan. Selain dari itu industri kecil dan sederhana juga dapat memainkan peranan yang berkesan dalam urusan penggantian import. Sebagai salah satu strategi bagi membangunkan industri tersebut Kerajaan telah menubuhkan skim kontrak kecil di bahagian perusahaan kecil di Kementerian untuk menggalakkan hubungan sub-contracting di antara syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana tempatan yang mengeluarkan barang-barang dan komponen-komponen dengan syarikat-syarikat besar yang memerlukan barang-barang tersebut bagi barangan keluaran mereka.

Sehingga kini sebanyak 8 buah syarikat telah membuat pertanyaan untuk pesanan bagi 26 komponen yang mana nilai pesanan tahunan adalah berjumlah \$3.8 juta, sebanyak 28 buah syarikat penjual telah disarankan untuk perundingan bagi pembekalan barang-barang tersebut. Bagi menggalakkan lagi skim ini beberapa langkah berikut sedang dan akan diambil, antaranya mengadakan insentif cukai untuk kerja-kerja sub-contract, menggalakkan syarikat-syarikat Multi-National memulakan program pembelian tempatan bagi keperluan komponen-komponen mereka dan mengadakan peruntukan dalam urusan pembelian Kerajaan

supaya peratusan tertentu daripada peralatan yang akan dibeli itu diagihkan kepada pengusaha-pengusaha kecil tempatan jika didapati viable.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap supaya satu dasar yang comprehensive bagi menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana diwujudkan, memanglah ini merupakan satu cadangan yang baik dan Kerajaan akan meneliti cadangan ini dengan mendalam.

Mengenai saranan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Belud dan Limbawang supaya Kerajaan mengkaji kemungkinan menubuhkan industri kecil atau kampung yang menggunakan bahan-bahan tempatan di Sabah dan Sarawak, suka saya tegaskan di sini bahawa pembangunan industri tersebut yang berasaskan bahan-bahan mentah tempatan seperti tanah liat, buluh, kayu dan memproses hasil-hasil pertanian seperti nenas, ubi kayu, pisang dan sebagainya memang digalakkan oleh Kerajaan. Sekiranya bahan-bahan tersebut boleh didapati dengan mudah dan murah di Sabah, projek pemerosesan bahan berkenaan akan dilaksanakan. Bagaimanapun pelaksanaannya bergantung kepada kemampuan dan kesediaan pengusaha-pengusaha berkenaan untuk menentukan adanya pasaran bagi hasil-hasil keluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peranan KEMAS pula, Ahli Yang Berhormat dari Marudu telah menyeru supaya dipergiatkan lagi dan Pemaju-pemaju Masyarakat yang telah berumur diganti. Berhubung dengan perkara ini Kementerian sememangnya dari masa ke semasa menyemak semula dan menambah peranan KEMAS untuk membangunkan masyarakat terutama sekali yang berada di kawasan luar bandar.

Semenjak kebelakangan ini KEMAS lebih mempergiatkan peranannya di segi aktiviti-aktiviti seperti Taman Bimbingan Kanak-kanak, Ekonomi Rumahtangga, Rancangan Desa-Usaha, Kumpulan Latihan Kerja, Kelas Agama Islam, Rancangan Pedoman Tugas dan Khutub-khanah Desa, selain dari melaksanakan Program Masyarakat, bergotong-royong dan sejak akhir-akhir ini memberi bantuan kepada FELCRA untuk memajukan tanah-tanah terbiar.

Cadangan supaya diganti Penyelia-penyelia dan Pemaju-pemaju Masyarakat yang telah berumur dengan kenaikan pangkat kakitangan bawahannya, memang menjadi dasar Kementerian ini sekarang. Urusan ini sedang dilaksanakan. Mereka yang didapati cekap, efektif, berkemampuan untuk bekerja kuat sesuai dan berkebolehan untuk memikul tanggungjawab yang lebih berat dan tinggi akan dipertimbangkan dalam urusan ini.

Berkenaan dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya pegawai-pegawai KEMAS memperingatkan ibu bapa tentang bencana perbuatan "rogol", sememangnya menjadi salah satu perkara utama yang telah disebut oleh anggota-anggota KEMAS dalam perhubungan kegiatan KEMAS dengan masyarakat seperti di Kelas Agama, di Kelas Ekonomi Rumahtangga dalam Kumpulan Latihan Kerja dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah menggesa agensi-agensi Kerajaan seperti FELCRA supaya menyediakan peluang-peluang pekerjaan dalam pembinaan tanah terbiar.

Suka saya jelaskan di sini bahawa tujuan utama bagi memajukan tanah terbiar di negara kita adalah supaya tanah-tanah tersebut boleh

memberikan hasil dan hasil itu pula boleh dimanfaatkan oleh tuan tanah juga untuk negara. Melalui usaha memulih dan memajukan tanah terbiar itu, selain daripada menghasilkan pendapatan kepada tuan tanah dan menambahkan hasil keluaran negara, juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui penglibatan tuan-tuan tanah sendiri ataupun penduduk-penduduk sekitar dalam kerja-kerja di rancangan tanah berkenaan.

Pengwujudan peluang-peluang pekerjaan kepada tuan tanah dan keluarga mereka secara langsung dapat memberi sumbangan kepada pendapatan mereka itu atau jika mereka tidak dapat berbuat demikian, peluang-peluang pekerjaan dapat diperolehi oleh orang lain yang tinggal di sekitar rancangan itu. Dari usaha memulih dan memajukan tanah juga peluang-peluang pekerjaan yang lain berupa aktiviti hiliran, umpamanya, projek-projek ternakan, industri kecil dan industri kampung dapat diadakan di rancangan tanah yang berkenaan.

Dari sudut yang lain pemuliharaan tanah juga dapat membuka peluang dan menggalakkan penyertaan pemborong-pemborong bagi menjalankan kerja-kerja kontrak, pembangunan tanah di kawasan yang berkenaan, melalui kerja-kerja pemborongan itu banyak peluang kerja dapat diadakan.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Labuan supaya siswazah yang menganggur digalakkan memajukan tanah-tanah yang terbiar. Sukacita dimaklumkan setakat ini belum ada lagi program khusus untuk maksud yang tersebut, oleh kerana penekanan FELCRA pada masa ini adalah dalam bidang memulih dan memajukan tanah terbiar yang memang sudah ada pemiliknya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini menjawab kenyataan Ahli Yang

Berhormat dari Marang bahawa Anak-anak Syarikat Badan-badan Berkanun Kerajaan termasuk MARA banyak rugi dan beliau mahu dikaji punca masalah anak-anak syarikat itu kerugian dan supaya Kerajaan berhati-hati dalam memberikan peruntukan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa MARA semenjak dari tahun 1986 tidak diberikan peruntukan pembangunan dan pengurusannya oleh Kerajaan dan ini dijangka berterusan sehinggalah kepada tahun 1990.

Peruntukan yang diberi, yang mungkin dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang itu ialah peruntukan bagi Program-program Pembangunan Usahawan MARA dan bukan untuk Syarikat-syarikat MARA.

Prestasi kebanyakan Anak-anak Syarikat MARA sejak tahun 1986 sebenarnya telah memperlihatkan kemajuan yang menggalakkan, walaupun menghadapi keadaan ekonomi yang kurang memuaskan. Daripada 36 buah Syarikat MARA termasuk subsidiary yang beroperasi, 20 daripadanya telah merekodkan keuntungan sebelum cukai. Bagi tahun 1987 pula berdasarkan kepada Akaun Pengurusan Syarikat sebanyak 26 buah Syarikat MARA telah merekodkan keuntungan sehingga bulan Ogos, 1987.

Punca-punca yang menyebabkan kerugian ke atas anak-anak Syarikat MARA telah pun dikenalpasti dan antaranya adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang berikut:

- (i) penggantungan yang berlebihan kepada satu-satu sektor pasaran;
- (ii) kesedaran kos tidak dilaksanakan secara berkesan seperti pengurangan kos, penjimatan kos dan pengawalan kos;

- (iii) kualiti keluaran yang kurang setanding dengan keluaran yang sedia ada di pasaran.

Hasil dari kajian yang telah dibuat, satu strategi telah dan sedang dilaksanakan di mana Anak-anak Syarikat MARA yang mengalami kerugian telah disusun semula dari segi operasi pengurusan, aktiviti dan struktur pemodalan mereka. Langkah ini telah menunjukkan kesan yang positif di mana beberapa syarikat yang dahulunya rugi telah memperlihatkan rekod keuntungan bagi tahun 1986 di antaranya ialah KIMA SDN. BHD. dan LIMBUNGAN TIMUR SDN. BHD.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja jawapan yang sempat diberi kepada saranan-saranan daripada Ahli Yang Berhormat dalam perbincangan berkenaan dengan Budget bagi tahun 1988.

Bagi cadangan-cadangan dan saranan-saranan yang tidak dapat saya sentuh pada petang ini, saranan-saranan yang berkenaan tetap diambil perhatian oleh Kementerian dan akan dilaksanakan sekiranya didapati sesuai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pengangkutan.

6.08 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara tertentu terhadap Kementerian Pengangkutan semasa mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dan Usul mengenai Anggaran Belanjawan dan Pembangunan 1988.

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pandangan, komen dan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah diambil maklum dan akan diberikan perhatian oleh Kementerian Pengangkutan.

Pandangan-pandangan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti oleh Kementerian Pengangkutan dan sekiranya didapati sesuai, pandangan dan syor-syor tersebut akan dilaksanakan sebagai sebahagian dari dasar Kementerian Pengangkutan ke arah memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Kementerian Pengangkutan.

Semasa perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan tahun 1988 beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran dan membangkitkan perkara-perkara tertentu yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Saya akan cuba memberikan penjelasan terhadap teguran-teguran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah menyebut mengenai sistem penswastan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan khususnya menarik perhatian dalam Kementerian Pengangkutan. Dasar penswastan Kerajaan bertujuan untuk meringankan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan. Ini dapat dilaksanakan dengan mengurangkan saiz sektor awam dalam penglibatan ekonomi dan perbelanjaan negara. Ia juga membuka peluang pertandingan di pasaran bagi meningkatkan tahap kecekapan dan daya perkhidmatan berkenaan.

Dasar penswastan juga akan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan membuka peluang ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dalam melaksanakan dasar ini kepakaran

sektor swasta dari segi pengurusan dan pengetahuan adalah diperlukan.

Sektor swasta akan diberi peluang untuk mengkaji dan menilai sesuatu perkhidmatan yang tidak menguntungkan/boleh menguntungkan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang menguntungkan akan lebih menguntungkan lagi. Di bawah dasar penswastan negara, Kementerian Pengangkutan telah mengenal pasti beberapa bidang yang boleh diswastakan di bawah agensi-agensi Kementerian Pengangkutan seperti pelabuhan, pentadbiran Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lapangan terbang. Kajian-kajian feasibility, dengan izin, sedang dijalankan.

Yang Berhormat dari Kimanis dalam perbincangannya pada 30 Oktober telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan perkhidmatan Malaysia Airlines di lapangan terbang Sabah. Berhubung dengan perkhidmatan kaunter, pemerosesan tiket dan pengendalian bagasi, ingin saya memaklumkan bahawa Malaysia Airlines memangnya sentiasa memberi perhatian demi menentukan perkhidmatan yang diberi berada pada satu tahap yang tinggi dan memuaskan.

Dalam hal ini teguran-teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat telah diambil maklum dan Malaysia Airlines akan diminta untuk memperbaiki lagi apa-apa kelemahan yang terdapat dalam memberikan perkhidmatan berkenaan.

Mengenai excess baggage, dengan izin, kakitangan-kakitangan Malaysia Airlines adalah dikehendaki mengikut peraturan dan garis-garis panduan yang telah ditetapkan bagi pengenaan caj tersebut.

Berhubung dengan cadangan untuk mengurangkan tambang di antara Semenanjung dan Sabah, suka saya

memaklumkan bahawa Malaysia Airlines telah baru-baru ini memperkenalkan satu lagi tambang khas perjalanan yang bernama, dengan izin, "excursion fare", bagi perjalanan di antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak. "Excursion fare" tersebut adalah dijual dengan kadar \$599 pergi/balik bagi sektor Kuala Lumpur/Kota Kinabalu berbanding dengan tambang biasa yang sedia ada dengan kadar \$760 pergi/balik bagi sektor tersebut.

Bagi sektor Kuala Lumpur/Kuching pula excursion fare ini adalah dijual dengan kadar \$369 pergi/balik berbanding dengan tambang biasa yang sedia ada dengan kadar \$462 pergi/balik bagi sektor tersebut. Excursion fare, dengan izin, yang baru ini bolehlah dibeli pada bila-bila masa bagi perjalanan di atas perkhidmatan-perkhidmatan biasa Malaysia Airlines. Penumpang-penumpang yang sekarang tidak dapat memenuhi syarat-syarat tempahan awal, dengan izin, "advanced booking" untuk membeli tambang-tambang khas lain yang sedia ada kini dapat membeli "excursion fare", dengan izin, yang tidak mengenakan syarat tempahan awal. Di bawah "excursion fare" ini seseorang penumpang hanya tertakluk kepada syarat, dengan izin, minimum stay, tidak kurang daripada 5 hari dan "maximum stay", dengan izin, tidak melebihi 30 hari.

Kementerian Pengangkutan akan terus menyelaraskan perkara ini dengan Malaysia Airlines demi kepentingan penumpang-penumpang yang membuat perjalanan udara di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Sukalah saya memaklumkan bahawa adalah memang menjadi salah satu matlamat Malaysia Airlines bagi memainkan peranan penting dalam usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk integrasi nasional. Dalam

hal ini yang diutamakan ialah matlamat-matlamat sosial dan bukannya keuntungan semata-mata.

Oleh yang demikian sebarang cadangan untuk memberhentikan perkhidmatan-perkhidmatan Malaysia Airlines tersebut dan membenarkan sebuah syarikat penerbangan lain untuk mengambil alih perlulah dikaji dengan teliti di bawah kontek matlamat-matlamat sosial berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari SibU juga telah menyertai perbahasan dan menyebut mengenai projek lapangan terbang baru di SibU. Saya sukalah memaklumkan bahawa projek ini sememangnya dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk dilaksanakan. Bagaimanapun Kementerian Pengangkutan masih lagi berusaha memastikan peruntukan kewangan bagi projek ini didapati dan apabila peruntukan kewangan diperolehi, projek ini akan dilaksanakan dengan segera.

Mengenai penerbangan-penerbangan pergi/balik di antara Kuching dan SibU, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan dan MAS sememangnya sentiasa memberi perhatian kepada perkara ini demi menentukan jumlah dan kekerapan penerbangan yang diadakan bagi sektor-sektor dalam negeri termasuk di antara Kuching dan SibU dan sebaliknya diadakan pada satu tahap yang dapat menampung permintaan yang wujud di atas sektor-sektor berkenaan. Dalam hal ini teguran Yang Berhormat telah diambil maklum dan MAS akan diminta mengawasi permintaan di atas pergi ke Kuching dan SibU dan sebaliknya dan menambah perkhidmatan di atas sektor tersebut sekiranya didapati perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun telah menyebut dua perkara iaitu yang pertama, mengenai penswastan dan

menggunakan Keretapi Tanah Melayu untuk kargo. Setakat ini terdapat beberapa pertanyaan dan cadangan daripada pihak-pihak luar yang berminat terhadap penswastan Keretapi Tanah Melayu iaitu walau bagaimanapun bank saudagar yang dilantik sedang membuat pengkajian tentang penswastan Keretapi Tanah Melayu dan dijangka akan mengemukakan laporan awal bagi kajian bulan November 1987 ini dan laporan muktamad pula dijangka dapat dikemukakan pada bulan April 1988.

Pihak-pihak yang berminat akan dapat diketahui setelah kajian muktamad tentang penswastan diperakukan kepada Kerajaan. Terma dan syarat-syarat penswastan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan pada pihak yang berminat adalah menarik iaitu mengambilkira bahawa ianya akan memberi keuntungan kepada pihak yang mengambilalih dan tambahan pula sebagai sebuah organisasi swasta. Pihak yang menjalankan perkhidmatan keretapi kelak akan mempunyai kebebasan dalam mentadbirkan organisasinya bagi memperolehi pulangan yang munasabah ke atas pelaburan yang dibuat.

Saya sangat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat supaya barang-barang yang dibawa dengan lori khususnya barang-barang pukal, dengan izin, bulk cargo, diangkut dengan keretapi dan selaras dengan ini Kerajaan di dalam penggubalan dasar pengangkutan negara telah mengambilkira bahawa dagangan-dagangan pukal dan berat digalakkan supaya diangkut melalui keretapi. Banyak usaha telah, sedang dan akan dibuat oleh Keretapi Tanah Melayu bagi menarik minat pengguna-pengguna jalanraya khususnya bagi pengangkutan lori untuk menggunakan perkhidmatan keretapi

dengan beberapa insentif. Usaha-usaha dan insentif-insentif yang dimaksudkan adalah iaitu perkhidmatan train liner, kemudahan sisan di stesen-stesen penghantar dan distinasi, kemudahan tambang khas, kemudahan pelarian tren-tren khas mengikut keperluan pelanggan. Kerajaan sedar bahawa dengan pembinaan lebuhraya-lebuhraya yang begitu menarik dan serba moden, memanglah benar bahawa pengangkutan keretapi akan menerima persaingan yang hebat daripada pengangkutan jalan raya.

Pengguna-pengguna keretapi akan mengalihkan perhatian kepada penggunaan jalan raya sekiranya pengangkutan keretapi tidak diperbaiki lagi serta dimodenkan untuk menjadikan ianya lebih efficient, dengan izin.

Selaras dengan ini dan untuk menjadi keretapi lebih efficient, Keretapi Tanah Melayu telah pun memulakan langkah-langkah untuk memodenkan pengangkutan keretapi dengan membeli lokomotif-lokomotif dan koc-koc yang baru yang lebih moden dan selesa, membaiki dan menambah kemudahan-kemudahan di stesen-stesen dan menjalankan pembaharuan landasan-landasan.

Yang Berhormat dari Tambun juga telah menyentuh mengenai MAS, iaitu menggunakan perkhidmatan MAS, mengeksploit buah-buahan tempatan. Kementerian Pengangkutan dan MAS sememangnya memberi perhatian berat di dalam usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pengeksportan buah-buahan tempatan ke luar negeri. Dalam hubungan ini MAS sememangnya menyediakan ruang kargo khas untuk membawa buah-buahan tempatan ke luar negeri mengikut permintaan yang dikehendaki oleh pembekal. Dari segi kadar tambang kargo pula MAS memberi tawaran istimewa bagi

mengangkut buah-buahan ini yang mana ianya merupakan 30 hingga 50% lebih rendah daripada kadar kargo biasa iaitu tertakluk kepada adanya persetujuan Kerajaan asing di sektor berkenaan mengenainya.

Yang Berhormat dari Shah Alam telah menyentuh mengenai penswastaaan Tanjung Beruas. Berkaitan dengan kesangsian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Shah Alam akibat dari penswastaaan keempat-empat syarikat Stevedoring Bumiputera yang mengendalikan kerja stevedoring di Tanjung Beruas itu akan kehilangan kerja. Saya ingin memberi jaminan bahawa perkara ini tidak akan berlaku. Syarikat swasta yang mengambil alih Pelabuhan Tanjung Beruas itu kelak adalah dikehendaki menggunakan perkhidmatan keempat-empat syarikat stevedoring ini dan dengan itu keempat-empat syarikat tersebut tidak akan mengalami apa-apa kerugian dan pekerja-pekerjanya terjamin.

Akhir sekali, Yang Berhormat dari Sepang telah membangkitkan kemungkinan mengadakan sebuah lapangan terbang di kawasan Sepang. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat itu mengenai pembinaan sebuah lapangan terbang di kawasan Sepang adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan tidak ada apa-apa rancangan untuk membina sebuah lapangan terbang di kawasan tersebut pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan-jawapan yang sempat saya berikan terhadap teguran dan perkara-perkara tertentu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak sempat saya beri jawapan di Dewan yang mulia ini, saya ingin memberi jaminan bahawa pandangan dan komen-komen yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat diberikan perhatian dan

akan diambil tindakan oleh Kementerian.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan idea-idea yang bernas dan positif bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kerjaraya.**

*6.24 ptg.*

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung perbincangan mengenai Anggaran Peruntukan Pembangunan 1988 yang berkenaan dengan Kementerian Kerjaraya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan komen-komen dan cadangan-cadangan ke atas Kementerian Kerjaraya semasa membincang Rangka Undang-undang Perbekalan 1988 ini. Saya dengan ini sukacita menjawab komen-komen dan cadangan-cadangan tersebut untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung telah membangkitkan mengenai wang pampasan \$2.2 juta kepada Syarikat Sri Angkasa Sdn Bhd lanjutan daripada keputusan Kerajaan untuk menghentikan kutipan tol di Jalan Ipoh Kuala Lumpur. Ahli Yang Berhormat juga telah bertanya sama ada terdapat keputusan yang sah bagi Syarikat Sri Angkasa Sdn Bhd untuk membina tol di Jalan Ipoh serta membuat kutipan tol bagi motosikal. Beliau juga telah membangkitkan mengenai peruntukan \$1.65 billion untuk penswastaaan Lebuhraya Utara

Selatan yang sepatutnya dikurangkan kepada \$750 juta sahaja seperti yang dijanjikan. Akhirnya beliau ingin tahu sama ada benar atau tidak dan mengapa tender untuk Lebuhraya Kuantan Segamat tidak dipanggil secara terbuka.

Bagi menjawabnya, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa keputusan untuk membenarkan Syarikat Sri Angkasa Sdn Bhd mengadakan Plaza Tol di Jalan Ipoh telah dibuat oleh Jemaah Menteri.

Mengenai jumlah pampasan \$2.2 juta akibat daripada keputusan Kerajaan untuk membatalkan kutipan tol di kawasan tersebut, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa jumlah tersebut adalah jumlah yang dipohon oleh Syarikat Sri Angkasa Sdn Bhd. Pihak Kementerian Kerjaraya sedang meneliti permohonan tersebut dan sedang membuat perkiraan bagi menentukan sama ada tuntutan tersebut wajar atau tidak. Hasil perkiraan tersebut akan dibawa ke peringkat Jemaah Menteri untuk keputusan selanjutnya.

Mengenai kutipan tol yang dikenakan kepada penunggang motosikal pula, sukalah dinyatakan bahawa keputusan tersebut adalah satu keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri yang menyeluruh bagi semua pengguna motosikal di lebuhraya dan tidak khusus untuk pengguna-pengguna di Plaza Tol di Jalan Kuching sahaja.

Mengenai peruntukan \$1.65 billion yang dikhaskan untuk penswastan Lebuhraya Utara Selatan yang tercatat dalam buku Anggaran Pembangunan 1988 ini, sukalah saya menjelaskan bahawa jumlah tersebut adalah merupakan jumlah asal sepertimana yang dipohon oleh Syarikat United Engineers Sdn. Bhd. dalam cadangan projek penswastan baru itu. Jumlah ini adalah merupakan pinjaman daripada Kerajaan yang akan

dikeluarkan sebanyak \$150 juta setahun bagi tempoh selama 11 tahun. Jumlah pinjaman ini perlu dibayar balik oleh syarikat tersebut dalam tempoh konsesi.

Mengenai jumlah \$750 juta sepertimana yang saya nyatakan dahulu, ini adalah merupakan cadangan Kementerian Kerjaraya untuk merundingkan dengan Syarikat United Engineers Sdn. Bhd. Memandangkan perkara ini sekarang adalah dalam tindakan Mahkamah, tiada rundingan selanjutnya dapat diadakan oleh Kerajaan mengenainya.

Mengenai tender bagi penurapan semula Lebuhraya Kuantan Segamat adalah benar bahawa tender tersebut telah dipanggil secara selective, dengan izin. Tujuan Kerajaan berbuat demikian ialah kerana Kerajaan memerlukan hanya kontraktor-kontraktor yang berkemahiran dan berpengalaman sahaja untuk menjalankan kerja tersebut. Memandangkan jalan raya itu sedang mengalami kerosakan yang teruk dan perlu disiapkan dengan segera. Amalan yang sedemikian kadangkala terpaksa dilaksanakan dalam keadaan tertentu yang mendesak.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belu telah memohon agar perhatian diberikan kepada kawasan di Kota Belu untuk mengadakan kemudahan jalan tar serta bekalan air laut di luar bandar. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Kerjaraya sememangnya memberi perhatian kepada pembinaan jalan raya dan bekalan air bagi negeri Sabah. Menurut rancangan bekalan air luar bandar bagi kawasan Kota Belu terdapat peruntukan sebanyak \$6.5 juta dikhaskan untuk kawasan Ahli Yang Berhormat.

Mengenai jalanraya pula, adalah dimaklumkan bahawa jalanraya tersebut adalah merupakan jalan raya

negeri. Oleh itu, semua kerja-kerja menaikkan taraf dan penyelenggaraannya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah meminta Lebuhraya Pan-Borneo diswastakan bagi mengatasi masalah pengangguaran dan meminta Kementerian Kerjaraya meningkatkan lagi taraf jalan raya di Sarawak untuk menarik pelancongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya sememangnya memberi perhatian yang utama kepada negeri Sarawak di bidang pembinaan jalan raya. Walau bagaimanapun, oleh kerana negeri Sarawak ini paling luas sekali dalam Malaysia penerapan jalan tar untuk semua kawasan akan memerlukan peruntukan kewangan yang besar dan kerja-kerja pembinaannya terpaksa dilakukan secara berperingkat-peringkat menurut keutamaan. Objektif utama Kementerian Kerjaraya ialah untuk menurap jalan raya utama dari Kuching ke Miri dan melalui Brunei Darussalam ke Limbang, Lawas dan seterusnya ke Sabah. Sekiranya projek ini tercapai ini akan merupakan satu kejayaan yang besar dan Kerajaan yakin akan dapat membantu memesatkan perkembangan ekonomi negeri Sarawak dan menarik pelancong.

Mengenai penswastaaan Lebuhraya Pan-Borneo pula, saya berpendapat bahawa ianya tidak viable, dengan izin, dilaksanakan pada masa sekarang memandangkan kos yang terlibat adalah tinggi jika dibandingkan dengan jumlah kenderaan yang ada di negeri Sarawak pada masa sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah bertanya bilakah Kementerian Kerjaraya akan menaikkan taraf jalan

raya Kuala Lipis Gua Musang kerana jalan tersebut kini telah rosak dan tambahan pula ramai pengguna jalan raya menggunakan jalan raya tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua reka bentuk bagi menaikkan taraf jalan tersebut telah pun ada. Peruntukan bagi projek ini telah pun dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan 1988 dan jika diluluskan kelak tender bagi menaikkan taraf jalan raya tersebut akan dipanggil pada awal tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah membangkitkan mengenai kekurangan peruntukan pembangunan bagi negeri Sarawak jika dibandingkan dengan peruntukan bagi Sabah dan Semenanjung dan memohon ditambah peruntukan bagi negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan pelaksanaan projek jalan raya di Sarawak bukanlah kerana peruntukan pembangunan yang kurang. Dari segi peruntukan pembangunan adalah tidak benar bahawa negeri Sarawak diberi peruntukan sebanyak \$65 juta sahaja setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan untuk negeri Sarawak adalah seperti berikut:

85 . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, esok beri tahulah peruntukan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*